



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6

Isnin

29 April 2019

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| USUL: | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan | |
| Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 30) |
| Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong | (Halaman 31) |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 29 April 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Khairul Azwan bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah dasar baharu yang dibawa kerajaan dalam memperkasa ASEAN sebagai sebuah blok ekonomi yang membawa keuntungan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN merupakan satu blok kerjasama serantau yang memiliki kerjasama dalam pelbagai bidang iaitu bidang politik, sekuriti, ekonomi dan sosiobudaya yang dinamik. Dengan kedudukan geografi yang strategik, pemilikan sumber alam dan daya tenaga yang tinggi, tidak dinafikan ASEAN memiliki tarikan ekonomi dan pelaburan yang menjadi perhatian negara-negara luar untuk bekerjasama dengan ASEAN.

Sementara penubuhan ASEAN pada tahun 1967, ASEAN mempunyai visi ke arah integrasi, ekonomi serantau dan visi ini menjadi realiti dengan tertubuhnya Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kekangan dalam mencapai integrasi ekonomi ASEAN dengan sepenuhnya oleh kerana kekangan dan tahap kesediaan yang berbeza-beza di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Dalam memperkasakan ASEAN sebagai blok ekonomi dirantau ini, kerajaan akan terus meningkatkan lagi usaha ke arah integrasi ekonomi ASEAN dengan sepenuhnya melalui strategik-strategik yang memberi fokus kepada peningkatan jumlah perdagangan intra-ASEAN secara lebih agresif. Menggembeng usaha untuk mentransformasikan ASEAN

sebagai sebuah *producer region* serta meningkatkan kerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN di dalam membangunkan komuniti keusahawanan serantau.

Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan negara dan rakyat Malaysia selaku warga ASEAN untuk meraih keuntungan bersama daripada integrasi ekonomi ASEAN kelak. Kerajaan percaya bahawa integrasi ekonomi serantau juga merupakan aspirasi warga ASEAN yang ingin melihat pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Dalam hubungan ini, kerajaan komited ke arah meningkatkan lagi usaha dan kerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN di dalam mempermudah proses perniagaan dan perdagangan di rantau ini bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama serta merangsang pelaburan di rantau ini.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah proaktif di dalam mengetengahkan pendirian dan kepentingan negara bersama dengan negara-negara rakan dialog ASEAN. Sebagai contoh, melalui ASEAN kerajaan telah membangkitkan isu tarif dan halangan bukan tarif, dengan izin, *non-tariff barriers*, termasuk mengambil pendirian yang tegas di dalam menangani kempen negatif terhadap komuniti beberapa negara anggota ASEAN, terutama minyak sawit. Kerajaan juga menekankan kesan sekatan unilateral, dengan izin, *unilateral sanctions* yang tidak adil dan menggesa penilaian semula ke atas langkah-langkah punitif di masa hadapan dengan mengambil kira prinsip-prinsip perdagangan bebas dan adil. Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Dewan sedia maklum bahawa pada tahun 2015, kita telah bersetuju bersama dengan anggota-anggota negara ASEAN yang lain untuk merealisasikan satu wawasan *ASEAN Community* pada tahun 2025.

Jadi, saya ingin bertanya bahawa apakah jaminan kerajaan bahawa matlamat untuk merealisasikan wawasan ini tidak akan dipengaruhi dengan dasar-dasar baharu oleh kerajaan masa kini, termasuk juga tindakan-tindakan *U-turn* yang dibuat oleh kerajaan masa kini? Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya dalam perancangan kita untuk mengimarahkan Komuniti ASEAN ini, apakah perancangan dan juga strategi untuk menggalakkan rakyat kita keluar bekerja dalam kalangan negara ASEAN? Memandangkan ada negara-negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia, termasuk juga Thailand yang mempunyai kelebihan berbanding dengan teknologi dan juga kemampuan dalam sektor-sektor tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Khairul Azwan. Merujuk kepada *Blueprint 2025*, kerajaan memang hari ini secara terus menerus memberi pendekatan

bahawa kita akan sentiasa komited tentang soal untuk bekerjasama bagi memeterai menuju ke arah *blueprint* yang telah dipersetujui di bawah *ASEAN Economic Community*.

■1010

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini ialah untuk meyakinkan bahawa pelabur-pelabur tentang keadaan kedudukan negara Malaysia kita ini terutama negara ini di bawah pimpinan Malaysia baharu. Jadi tidak ada istilah *U-turn* di sini tentang soal ekonomi. Mungkin ada sedikit perkara-perkara yang mana tidak membabitkan tentang soal pembangunan negara. Jadi saya rasa ini adalah satu daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai kejayaan ASEAN 2025. Pada soalan yang kedua merujuk kepada apa tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Pekerjaan, pekerjaan.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Ya, pekerjaan. Jadi kita sedia maklum bahawa pertumbuhan ekonomi yang mana menjadi satu persaingan di antara negara-negara ASEAN ini dan sebelum ini Malaysia adalah satu daripada negara tarikan yang mana ramai daripada rakyat terutama daripada Indonesia, Cambodia yang datang bekerja di negara Malaysia. Akan tetapi sejak akhir-akhir kebelakangan ini, negara kita dilihat agak ke terbelakang tetapi namun begitu hari ini dengan Malaysia baharu, kita telah menjadikan satu pusat destinasi di masa hadapan dan saya harap supaya pekerja-pekerja kita akan pulang untuk menyumbang bakti di negara sendiri daripada pergi bekerja di negara luar.

Ia kerana apa yang kita takutkan seperti mana berlaku di Cambodia baru-baru ini, seramai 47 orang daripada rakyat Malaysia yang mana telah ditipu dan terpaksa ditahan di sana dan menjadi satu tanggungjawab kerajaan juga untuk membawa pulang mereka. Jadi saya rasa lebih baik kita tumpu kepada pembangunan negara kita menggunakan modal insan kita, menggunakan rakyat kita untuk membangun negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Belum Datuk.

Tuan Yang di-Pertua: Eh! Datuk pula, Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Dua kali dah Tuan Yang di-Pertua cakap. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas penjelasan. Saya rasa kita tidak *U-turn*, sebenarnya kita bergerak lagi hebat kerana pada pandangan saya antara negara pertama yang dilawat oleh Tun Mahathir ialah Indonesia. Saya rasa itu pilihan yang menunjukkan kita membuat pilihan secara sedar.

Soalan saya ialah di kala ASEAN telah membuktikan keistimewaan ASEAN dengan kestabilan dan sebagainya, terdapat juga cadangan-cadangan baru seperti Indo-Pasifik yang sekarang ini yang dibawa oleh Indonesia, Australia dan sebagainya. Saya tahu ini satu

keputusan yang perlu dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan saya juga difahamkan ia belum diputuskan secara tuntas. Akan tetapi persoalan saya ialah sejauh mana Kerajaan Malaysia melihat pengukuhan ASEAN itu sendiri sebagai cara yang lebih tepat daripada melihat agenda-agenda, cadangan-cadangan baru seperti Indo-Pasifik tersebut. Jadi saya mohon penjelasan Menteri, bagaimana Kabinet melihat persoalan itu.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator 'Datuk' Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Belum lagi...

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: [*Ketawa*] Pertama sekali saya hendak ucap terima kasih di atas pandangan tersebut. Memang perkara yang paling penting bagi kita adalah untuk memperkukuhkan ASEAN itu sendiri kerana di dalam ASEAN itu ia telah merangkumi kesemua aspek yang mana diperlukan terutama kepada kita dalam kelompok ASEAN ini. Berkenaan dengan Indo-Pasifik adalah satu daripada pertubuhan yang mana merangkumi kebanyakan daripada negara-negara ASEAN yang baru-baru ini juga saya menghadiri satu dialog Indo-Pasifik di Jakarta yang mana ia lebih menjurus kepada pembangunan ekonomi yang menyeberangi Indo-Pasifik. Jadi saya rasa ini adalah satu permulaan yang baik dan kita akan komited tentang soal Indo-Pasifik yang baharu ini supaya ia menjadi satu platform baharu buat Malaysia untuk menjamin kedudukan ekonomi yang lebih baik.

Tentang kedudukan ASEAN, apa yang penting bagi kita adalah langkah-langkah yang kita ambil seperti mana saya sebut tadi kita mempunyai kekangan, perbezaan pendapat tetapi semua ini kita telah rangkumkan di bawah *ASEAN Economic Community Blueprint 2025* iaitu untuk memastikan supaya perbezaan itu dapat kita jadikan ia satu kerana ASEAN ini adalah keputusan secara kolektif. Jadi tidak ada di antara kita yang bersaing di antara satu sama lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor dua. Di sini saya ingin bagi pihak Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelawat dari Parlimen Tasek Gelugor... [*Dewan tepuk*]

2. **Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah status terkini dan cadangan hasil rundingan kerajaan dengan syarikat lebuhraya berhubung kadar tol dan perjanjian konsesi, serta adakah kerajaan akan mengemukakan perincian khusus dalam perjanjian yang baharu kepada rakyat untuk mengambil kira pandangan sebelum perjanjian ditandatangani.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia, saya rasa sukacita untuk

menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing mengenai status kedudukan berkaitan dengan cadangan pemansuhan tol berkaitan dengan perjanjian dengan para pemegang konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Lee bahawa kerajaan sentiasa memberikan perhatian dan sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk memenuhi janji-janji yang telah dibuat dalam Buku Pakatan Harapan walau seberat mana pun janji yang telah dibuat itu. Ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuhraya di negara ini untuk kepentingan rakyat jelata seluruhnya. Namun begitu Yang Berhormat, cadangan itu bukanlah suatu yang mudah untuk dilaksanakan khususnya akibat daripada tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi oleh kerajaan pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul dari cadangan penghapusan tol lebuhraya di negara ini. Sehubungan dengan itu, kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol ini sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan. Dalam masa yang sama Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya telah melantik sebuah juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu kerajaan menganalisis data dan cadangan yang berkenaan ini, cadangan penghapusan tol yang kita maksudkan itu.

Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian ini dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Jun tak lama lagi dan dari situ Jemaah Menteri akan mengambil keputusan muktamad dalam hal yang kita sebutkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Lee.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah apakah maklumat terbaru mengenai rundingan dengan Gamuda Berhad untuk pihak kerajaan mengambil alih konsesi empat lebuhraya yang syarikat terbabit mempunyai pegangan majoriti dan bilakah anggaran pelaksanaan caj kesesakan akan dapat dimulakan?

Nombor dua, sejauh manakah kerjasama serta komitmen yang telah diberikan oleh syarikat lebuhraya ini dalam usaha kerajaan untuk mengambil alih lebuhraya di negara ini? Apakah jaminan pihak kerajaan mengenai *transparency* proses pengambilalihan lebuhraya ini agar perjanjian berat sebelah seperti yang pernah berlaku pada zaman Yang Amat Berhormat Langkawi dapat dielakkan sepenuhnya?

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan tambahan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebenarnya masih dalam perundingan dan ia belum boleh dilaksanakan sepenuhnya. Ini kerana cadangan pihak dari Gamuda itu, sepertimana yang kita ketahui, masih lagi hanya di peringkat cadangan. Kita belum lagi mencapai kata muafakat, kata sepakat di kedua-dua belah pihak. Bagi kita, kepentingan rakyat itu mesti diutamakan, kepentingan pengguna itu mesti diutamakan. Keputusan yang kita buat haruslah tidak memberatkan kita di pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, pihak Gamuda sebagai sebuah syarikat yang ternama, sebuah syarikat yang punya wibawanya sendiri bekerjasama dengan baik dengan pihak kerajaan. Saya percaya hanya menunggu masa yang baik sahaja bila kita mencapai persetujuan bersama dalam hal pengambilalihan itu kalau jadi nanti.

Berkenaan dengan *transparency* ataupun ketelusan dalam hal mengambil keputusan bagi perjanjian-perjanjian dengan pihak konsesi di masa depan, hal ini sudah tentu boleh kita fikirkan, kita tinjau sebaik-baiknya. Tentulah seluruh butir perbincangan dalam mana-mana diskusi untuk hendak buat perjanjian itu tidak mungkin boleh di-*reveal* dari semasa ke semasa kerana itu akan mengganggu proses perundingan itu sendiri.

Namun, menjadikan ia akta rasmi yang tidak boleh disebut butir-butirannya, hal-hal ini saya rasa akan ditinjau kembali. Saya percaya kerajaan baharu hari ini tidak akan menjadikan hal-hal yang sepeenting itu sebagai akta rahsia kononnya macam menyentuh keselamatan negara. Kita takut ia menyentuh keselamatan orang-orang tertentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan caj kesesakan.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Berkenaan dengan caj kesesakan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada sebarang keputusan muktamad mengenainya.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Laksamana Pertama Tuan Haji Mohamad Imran.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar, janji nombor enam ialah menghapuskan kutipan tol dalam buku Pakatan Harapan. Rakyat memahami situasi kerajaan pada ketika ini. Akan tetapi, rakyat juga ingin melihat ada usaha-usaha ke arah itu.

Maka di sini, saya ingin mencadangkan, bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk sekurang-kurangnya mengurangkan kos tol- contohnya daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, genapkan, jangan ada sen-sen. Kalau boleh kurangkan- RM20, RM15. Mungkin rakyat percaya dengan tindakan kerajaan itu adalah bertujuan untuk menghapuskan tol, *insya-Allah*, pada tahun depan. Boleh, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang hal Yang Berhormat sebut itu ada dalam cadangan yang akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri oleh pihak khidmat perunding bebas yang bertauliah yang telah kita lantik itu. Cuma, saya tidak boleh *reveal*/ hari ini. Mana boleh- Jemaah Menteri pun tidak tengok lagi- saya hendak pandai-pandai *reveal*/ isi kandungannya. Maka kiamatlah untuk diri saya kalau saya buat begitu.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita komited. Apabila kita kata kita komited, bukan kemetot, komited untuk melaksanakan hal ini, kita sudah mulakan. Kita mula dengan misalnya penghapusan tol bagi penunggang-penunggang motosikal yang melalui Jambatan Pulau Pinang, yang melalui jambatan ke Singapura. Itu langkah-langkah awalnya yang tidak terlalu berat sangat kewangannya bagi negara, kita sudah laksanakan.

Akan tetapi yang besar, yang akan menelan bilion itu, maka tentulah kita akan usahakan secara bertahap dan kita akan buat sepertimana antara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Raj Munni.

Puan Raj Munni binti Sabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sekiranya kita mengambil langkah untuk menghapuskan sepertimana janji yang keenam kita untuk menghapuskan tol, berapakah sebenarnya yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk menampung kehilangan daripada pengutipan tol?

Soalan kedua saya telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

Akan tetapi soalan ketiga adalah kalau tidak pun boleh hapus sekarang dan mungkin tidak boleh turun dalam tempoh terdekat, adakah kerajaan boleh memberikan kepastian bahawa ia tidak akan naik? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih. Jumlah yang akan ditanggung apabila dihapuskan tol sepenuhnya, pampasan dan sebagainya harus dibayar saya ingat saya tidak dapat beri sekarang kerana ini masih lagi dalam perkiraan sepenuhnya. Ada beberapa *controversial*, ada pelbagai angka yang dikemukakan oleh pelbagai pihak. Akan tetapi, saya percaya nanti apabila dikemukakan kepada Jemaah Menteri hasil kajian terperinci kami buat ini, yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator itu akan terjawab.

Memang kita tetap komited. Kita kata tadi, apabila kita kata sekali komited, kita tetap akan komited dalam hal ini. Oleh sebab itu, paling kurang, kita sudah memutuskan bahawa tidak akan berlaku kenaikan tol buat masa ini. Kalau dihapuskannya belum, hendak naik pula tol, maka itu adalah suatu yang paling tidak wajar berlaku. Itu pun kita terpaksa, kerajaan telah menanggung belanja yang banyak, ratusan juta juga untuk tidak menaikkan tol pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Sambanthan a/l Manickam.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya mengalu-alukan kedatangan Kelab Belia Tamil Kuala Selangor di Dewan Negara. Saya berharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini... [*Tepuk*]

3. Datuk Sambanthan a/l Manickam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) jumlah atlet daripada kaum India yang telah mewakili Malaysia ke peringkat dunia; dan
- (b) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh mereka dalam tempoh masa kini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam atas soalan yang saya kira amat sesuai tadi.

■1030

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melakukan penstrukturan semula program atlet yang melibatkan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) di mana sekarang program podium ISN telah diletakkan semula di bawah kendalian MSN pada November 2018. Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada pelaksanaan pembangunan sukan berprestasi tinggi yang tertumpu ke arah penyertaan di temasya-temasya sukan utama antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik tanpa mengira perbezaan kaum.

Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan daripada Datuk Sambanthan tadi, penglibatan atlet daripada kaum India dalam program latihan di bawah kendalian MSN pada masa kini adalah seramai 32 orang. Daripada jumlah tersebut, 21 orang atlet kini menjalani latihan di bawah program podium manakala 11 lagi atlet berada di bawah program pelapis kebangsaan. Dalam bidang sukan para pula, kita mempunyai empat orang atlet para daripada kaum India yang kesemuanya berada di bawah program podium.

Daripada jumlah tersebut yang saya nyatakan tadi, terdapat 27 atlet daripada kaum India yang telah dipilih untuk mewakili Malaysia ke kejohanan-kejohanan peringkat dunia di bawah program podium dan pelapis kebangsaan MSN. Di dalam sektor sukan para pula, tiga orang ahli sukan, atlet para kita daripada kaum India telah pun berjaya mewakili negara ke kejohanan-kejohanan peringkat dunia sehingga kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang-bidang sukan yang diceburi oleh atlet-atlet ini adalah pelbagai. Contohnya sukan badminton, bola jaring, bola keranjang, hoki, karate, olahraga, skuasy, tekwando dan tinju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara kejayaan-kejayaan yang di kecapi oleh atlet kaum India di kejohanan-kejohanan dunia ialah contohnya:

- (i) Saudari Sivasangari a/p Subramaniam yang telah berjaya meraih pingat emas dalam kejohanan *The Racquet Club Pro-Series 2019* di St. Louis, USA baru-baru ini;
- (ii) Kumar a/l Subramaniam daripada pasukan hoki yang kini menduduki tempat ke-15 dalam kejohanan Piala Dunia 2018 di India;
- (iii) Senthil Kumaran a/l Silvarajoo dari sukan karate yang menempatkan dirinya di tempat kelima dalam kejohanan, *the 15th AKF Senior Championship 2018* di Jordan; dan
- (iv) sudah tentu permaisuri skuasy kita, *the queen of squash* Datuk Nicol Ann David yang kini berada di dalam ranking *Professional Squash Association* Sedunia di tempat ke-19.

Dalam Sukan Para pula kita mempunyai atlet seperti:

- (i) Marugan Kumaran yang telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara berpasukan memanah di Sukan Para ASEAN 2017;
- (ii) Suresh Silvathambi yang berjaya memasuki *quarter final* juga dalam acara sukan memanah di Sukan Para ASEAN 2018; dan
- (iii) seorang lagi saudara Ganesan Govinda Inderarajan juga dalam sukan memanah tetapi telah memenangi pingat perak dalam *World Ranking Tournament 2015*.

Di peringkat kebangsaan pula, di bawah Sukan Paralimpik atlet kita Partipan Rogay telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara 100 meter dan 200 meter di Sukan Para Sukma 2018.

Di samping itu ada dua orang atlet dari program pelapis kebangsaan iaitu Kisona Selvaduray dalam acara badminton perseorangan dan Thinaah Muralitharan dalam acara badminton acara beregu lelaki telah berjaya meraih pingat emas di kejohanan *Malaysia International Series 2018*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan soalan tambahan Datuk Sambanthan.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan yang begitu jelas dan senarai nama-nama atlet ini Malaysia. Soalan tambahan saya adalah, adakah pihak kementerian masih menyalurkan bantuan kepada bekas-bekas atlet yang telah mengharumkan nama negara melalui Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) kepada keluarga mereka sekiranya atlet berkenaan telah meninggal

dunia seperti keluarga mendiang Datuk Arumugam, *spiderman* bekas penjaga gol bola sepak negara.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan dan juga Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Untuk menjawab soalan Ahli Senator tersebut jawapan yang ringkas dan mudah ialah ya, kerajaan masih lagi terus menyalurkan sumbangan ataupun peruntukan kepada YAKEB ataupun Yayasan Atlet Kebangsaan yang mempunyai misi untuk menjaga kebajikan bekas-bekas atlet negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan, pada tahun ini YAKEB telah menerima sumbangan sebanyak RM3 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan tersebut.

Selain daripada itu, sukacita juga saya menyebut bahawa Kementerian Belia dan Sukan pada tahun ini telah mendapat kelulusan Kabinet untuk melaksanakan satu dasar baru yang tidak pernah lagi dilaksanakan sebelum ini iaitu untuk meluaskan skim kesihatan ataupun Skim Perkhidmatan Kesihatan- *Health Care Scheme* penjawat awam kepada semua atlet kebangsaan dan juga bekas atlet kebangsaan. Saya percaya dengan memberikan kemudahan sebegini kita akan dapat menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi terutamanya apabila seorang bekas atlet negara bersara dan terutamanya apabila mereka malang tidak berbau jatuh sakit.

Jika mereka jatuh sakit pada hari ini, mereka akan dilindungi di bawah skim penjaga kesihatan atlet kebangsaan. Jadi dengan itu saya harap telah menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Sambanthan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai *ice skating* ya. Dua orang kanak-kanak iaitu Sree Abiraame berumur tujuh tahun dan juga Chloe Ng yang berusia lapan tahun telah mencatat beberapa rekod yang bagus di peringkat antarabangsa dalam sukan *ice skating*. Apakah rancangan kementerian untuk menggalakkan atlet-atlet muda ini yang sedang menyerlah dan untuk mereka mencapai suatu tahap yang cemerlang dalam bidang sukan ini seperti *idol* kita Datuk Nicol David. Sree Abiraame telah pun memenangi empat pingat emas pada tahun lepas di pertandingan antarabangsa peringkat Asia di negara China. Tahun ini pada bulan Februari, beliau telah memenangi dua pingat emas di Abu Dhabi.

Apakah rancangan kementerian untuk menggalakkan mereka ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih soalan yang daripada Yang Berhormat Ahli Senator tersebut. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Antara cabaran utama Majlis Sukan Negara dan juga Kementerian Belia dan Sukan ialah apabila kita berdepan dengan apa yang saya boleh sebut di sini sebagai politik Persatuan Sukan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, saudara Sree Abiraame yang kita tidak nafikan merupakan antara atlet *ice skating* yang amat berbakat di negara kita dan tadi Yang Berhormat Senator juga telah menyebut pencapaian-pencapaian beliau yang saya juga ada dalam senarai saya. Beliau kebanyakannya telah menyertai kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh *Ice Skating Institute* (ISI) yang merupakan sebuah institusi yang mempunyai program mengajar dan struktur persaingan yang berasingan daripada *International Skate Union* (ISU).

ISU merupakan kesatuan antarabangsa sukan *skating* di mana ahli-ahlinya termasuk *US Figure Skating* dan Persatuan Sukan Kebangsaan dari negara-negara sedunia termasuk di Malaysia. Justeru, ISU bertanggungjawab untuk membuat peraturan dan piawaian untuk kejohanan-kejohanan peringkat dunia dan Olimpik. Oleh sebab ada perbezaan dari segi organisasi yang telah diwakili oleh para atlet, maka berlaku keadaan di mana termasuk di Malaysia ini berlaku keadaan di mana ada sesetengah kejohanan ataupun persatuan yang tidak dapat diiktiraf sebagai persatuan sukan kebangsaan bagi sukan tersebut oleh MSN. Saudari ataupun adik Sree Abiraame termasuk dalam kategori ini.

■1040

Walau bagaimanapun, kita di KBS mengiktiraf pencapaian dan bakat beliau. Kita akan terus mencari jalan ataupun membantu beliau dalam aspek-aspek lain untuk membolehkan beliau memajukan diri dalam sukan *ice skating*. Terima kasih.

4. Tuan Nga Hock Cheh minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah-langkah yang sedang atau telah diambil untuk meningkatkan taraf penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan?

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan satu pelan *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*, dengan izin, iaitu perancangan 10 tahun untuk memastikan program bahasa Inggeris di Malaysia dari peringkat prasekolah ke peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) yang merangkumi peringkat pendidikan guru sejajar dengan piawaian antarabangsa iaitu *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR).

KPM juga sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan taraf penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan Malaysia. Usaha yang telah diambil adalah tertumpu kepada empat keberhasilan utama berikut iaitu pertama, penjajaran *syllabus* dengan piawai antarabangsa. KPM telah memulakan usaha sama dengan Cambridge English, UK, dengan izin, bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 dalam penjajaran *syllabus* bahasa Inggeris, sumber pengajaran dan pembelajaran dan penaksiran kepada kerangka standard CEFR.

Kedua, meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris. Perkara ini dilaksanakan melalui dua program iaitu *Highly Immersive Programme* (HIP) dan *Dual Language Programme* (DLP). Program yang dilaksanakan untuk memberi peluang kepada murid meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Ketiga, meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris, guru Bahasa Inggeris. Perkara ini dilaksanakan melalui tiga program iaitu:

- (i) *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT);
- (ii) Program Intervensi Tambahan Opsyen (PITO) Bahasa Inggeris;
- (iii) *Programme English for Preschool Teachers*; dan
- (iv) menyediakan intervensi bersasaran kepada sekolah mengikut keperluan murid.

KPM melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan keberhasilan murid dalam bahasa Inggeris dan mengupayakan murid untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan yakin dan berkesan. Dua program yang dilaksanakan di bawah keberhasilan utama tersebut iaitu:

- (i) Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS); dan
- (ii) *Literature English - International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE);

Selain daripada itu, KPM melalui Jabatan Pendidikan Tinggi telah membangunkan model pelaksanaan *Malaysia English Assessment* (MEA), dengan izin, yang merupakan ekosistem untuk pembelajaran dan penaksiran bahasa Inggeris di universiti awam. Usaha ini adalah untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran bahasa Inggeris pelajar kepada satu tahap pencapaian yang lebih tinggi ketika ber-*graduate*.

Modul ekosistem ini merangkumi pembelajaran formal dan tidak formal. Hal ini melibatkan pelbagai pemegang taruh yang bekerjasama untuk mengoptimumkan pengalaman pembelajaran yang merentasi kelas. Melalui ekosistem ini mahasiswa atau mahasiswi berpeluang untuk membangunkan kebolehan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Pelajar perlu menghadiri kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang bersesuaian berdasarkan pencapaian MUET pelajar. Pengajaran formal melibatkan tiga

komponen utama penawaran kursus iaitu *Intensive English, General English, English for Employability and English for Specific Disciplines*. Jumlah jam kredit yang ditawarkan adalah di antara 6 hingga 12 jam kredit.

Selain daripada itu, pembudayaan bahasa Inggeris juga turut dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan sesi-sesi pembelajaran tidak formal. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut merancang serta menjalankan pelbagai inisiatif dengan merujuk kepada amalan-amalan terbaik yang disarankan di dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris berkenaan kokurikulum, pembelajaran dan pengajaran, penilaian serta pelaksanaan program peningkatan bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian *based line* 2013 oleh Cambridge English yang dinyatakan melalui *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*, sasaran pencapaian bahasa Inggeris telah ditetapkan bagi peringkat pengajaran politeknik dan kolej komuniti perlu mencapai tahap A2 ataupun B1. Penetapan sasaran tersebut adalah bagi memastikan graduan mencapai tahap kecekapan bahasa Inggeris yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan baik. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya baru faham apa Tuan Yang di-Pertua sebut hari itu, "Harap perbincangan Yang Berhormat itu esok tidak ada ribut". Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya enggan membuat apa-apa soalan tambahan takut nanti kena *spin* pula. *[Ketawa]* *Baptism of fire*, dengan izin, sudah cukup sementara. Biarlah orang lain tanya soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri itu adalah dalam memperkasakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan dan saya ingat Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan yang terperinci. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak ada ribut punya soalan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tidak ada ribut. Cuma 10 tahun yang lalu, kita mempunyai pemimpin-pemimpin dan termasuk Menteri-menteri dan Timbalan Menteri membuat demonstrasi perjalanan membantah penggunaan pengajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran *Maths*, Ilmu Hisab dan Sains. Kebelakangan ini, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Langkawi telah mengatakan bahawa kerajaan, dengan izin, *government has*

reintroduced PPSMI without announcing it. Satu, saya pelik kenapakah tidak umumkan? Kedua, adakah dalam dasar ini kerajaan telah membuat satu lagi *U-turn* dan saya pohon penjelasan dan juga maklumat secara detil.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa yang dirujuk oleh Yang Amat Berhormat Langkawi adalah Program DLP seperti yang saya sebut tadi iaitu *Dual Language Programme* yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Jadi, kenapa program ini tidak diumumkan? Saya rasa bukan tanggungjawab saya untuk jawab di sini. Perlu tanya Menteri pada tahun 2016. Akan tetapi sebenarnya saya rasa program ataupun pengumuman tentang DLP ini memang banyak orang yang tidak tahu. Kalau Yang Berhormat Senator sendiri tidak tahu, itu saya rasa bukan masalah saya. Saya hendak jelaskan di sini bahawa DLP ini telah diperkenalkan ataupun dilaksanakan sejak tahun 2016.

Setakat ini, kita mempunyai 1,361 buah sekolah yang terlibat dalam program ini. Berbeza dengan PPSMI, DLP adalah satu-satunya program di mana pilihan adalah diberi kepada pihak sekolah dan juga ibu bapa. Pihak sekolah akan buat penilaian dan buat keputusan sama ada mereka berhasrat untuk menawarkan pengajaran Matematik dan juga Sains dalam bahasa Inggeris dan sama ada guru dalam sekolah itu adalah bersiap sedia.

•1050

Kedua adalah untuk ibu bapa untuk buat keputusan sama ada mereka hendak anak mereka *join* ataupun sertai duduk dalam kelas DLP ataupun kelas yang biasa. Jadi saya rasa informasi tentang DLP ini saya pun sudah beberapa kali jawab dalam Dewan dan ini adalah satu program yang dilaksanakan pada tahun 2016. Jadi kalau ada orang yang buat *U-turn* mestilah bukan Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya melihat kepada statistik ataupun angka-angka mutakhir berhubung dengan bahasa ini. Kalau kita melihat penggunaan bahasa di dunia, 1.3 bilion rakyat menggunakan bahasa Mandarin di 37 buah negara; kedua, *Spanish*, 437 *million* di 31 buah negara; dan ketiga, Bahasa Inggeris – 372 juta, di 106 buah negara terbanyak menggunakan bahasa Inggeris.

Soalan saya Yang Berhormat, saya telah mencuba sendiri ke atas anak saya. Saya menghantar anak saya ke sekolah Mandarin dan akhirnya dia berakhir di universiti di China... *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]* Dia di Xiamen dan pulang ke Malaysia saya ingat dia akan jadi macam Cina, tidak juga. Dia macam Melayu juga, agama pun agama Islam.

Jadi dalam keadaan politik semasa ini Yang Berhormat, adakah kerajaan berhasrat untuk memasukkan bahasa Mandarin menjadi salah satu bahasa yang akan digunakan, akan

diajar di sekolah-sekolah? Itu soalan saya kerana Mandarin ini nampaknya boleh membawa anak-anak kita ke seluruh negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' atas soalan tambahan tersebut. Saya hendak ucapkan ribuan terima kasih dan juga merekodkan penghargaan saya kerana Yang Berhormat Dato' Senator setuju dengan nilai dan boleh memahami nilai bahasa Cina ini di dalam di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, memang sekarang bahasa Cina adalah satu mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah. Di peringkat sekolah rendah, saya rasa ini memang diajar di SJKC tetapi di SK ia adalah satu mata pelajaran elektif tetapi kita bukan tidak mampu untuk memperkenalkan mata pelajaran elektif ini di seluruh SK oleh sebab tenaga pengajar ini tidak mencukupi, tidak mengizinkan kita buat demikian.

Akan tetapi untuk di peringkat sekolah menengah, kita memang mempunyai program ataupun mata pelajaran elektif ini untuk bahasa Cina. Selain daripada bahasa Cina sebenarnya banyak lagi bahasa antarabangsa yang kita mengajar seperti yang kita menawarkan seperti bahasa Jepun, seperti bahasa Korea dan seperti bahasa *France* kita juga tawarkan.

Jadi ini merupakan salah satu hasrat KPM di bawah Yang Berhormat Simpong Renggam bahawa kita memang berhasrat untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk mempelajari tiga bahasa. Jadi selain daripada BM dan BI, kita berhasrat untuk menggalakkan anak-anak kita, BC kah, BT kah bahasa Tamil kah, bahasa Jepun kah, bahasa Korea kah, bahasa *France*, *Spanish* saya tidak pasti saya pohon maaf sama ada ini telah ditawarkan sebagai satu mata pelajaran elektif ataupun Bahasa Arab Komunikasi ini memang ditawarkan.

Kita harap bahawa pada masa yang akan datang apabila kita telah menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi, bahasa-bahasa elektif ini, mata pelajaran elektif ini boleh ditawarkan di lebih banyak sekolah menengah kebangsaan. Sekian jawapan saya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam tahun 90-an awal tahun 2000 ada beberapa pengajar Bahasa Inggeris telah diambil dari negara-negara di mana bahasa ibunda adalah bahasa Inggeris dan *especially* dari Amerika Syarikat dan Eropah. Soalan saya, bagaimana efektifnya projek ini memandangkan loghat mereka adalah terlampau pekat dan ramai murid kurang memahami bahasa Inggeris khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat menyatakan bahawa kita mendapat guru-guru?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Guru-guru ya. Soalan ringkas yang kedua ialah bukankah langkah yang lebih baik jika projek ini masih berterusan atau masih ada, jika

pengajar-pengajar atau guru-guru di ambil daripada negara Filipina ataupun daripada benua sub India khususnya dari Sri Lanka, India sebab loghat mereka dalam bahasa Inggeris mudah difahami. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah rancangan?

Puan Teo Nie Ching: [Ketawa] Okey. Saya hendak ucapkan ribuan terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Saya kurang pasti tentang mengambil guru Bahasa Inggeris daripada negara Eropah ataupun US, apa yang kementerian ada sekarang, program yang kita ada sekarang adalah kita bekerjasama dengan *Embassy Amerika Syarikat* di mana mereka memang akan aturkan mahasiswa-mahasiswi daripada US untuk datang dan mengajar bahasa Inggeris untuk satu tahun di negara kita.

Jadi mereka bukan *English Teacher per se* tetapi mereka adalah *native speaker* dan mereka merupakan mahasiswa-mahasiswi dan mereka mengambil satu *one gap year* dalam pengajaran mereka dan mereka datang ke Malaysia untuk kita akan tempatkan mereka di sekolah-sekolah biasanya satu sekolah seorang dan mereka akan membantu guru Bahasa Inggeris kita supaya kita boleh memastikan pembelajaran bahasa Inggeris ini lebih seronok.

Kita juga nampak impaknya cukup bagus, biasanya kita menerima sambutan yang sangat baik daripada murid-murid itu kerana itu bukan sahaja satu cara untuk mereka boleh belajar bahasa Inggeris, mereka boleh lebih berani untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris tetapi itu adalah juga *part of the culture exchange* dalam pandangan saya. Jadi tentang cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Senator..

Tuan Yang di-Pertua: Loghat, kerana loghat.

Puan Teo Nie Ching: Ya, daripada negara-negara jiran kita saya rasa saya mungkin boleh bawa balik untuk berbincang dengan pegawai-pegawai saya. Terima kasih.

5. Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta Perdana Menteri menyatakan, langkah meletakkan aset-aset Tabung Haji di bawah Kawalan SPV Menteri Kewangan Diperbadankan yang dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif bukan Islam yang bercanggah dengan Akta Tabung Haji 1995.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan SPV yang dimiliki penuh kerajaan dikenali sebagai Urus Harta Jemaah Sendirian Berhad (UJSB). Ia bertujuan membantu mengambil alih aset-aset Lembaga Tabung Haji yang mengalami kejatuhan nilai ataupun yang kita panggil *non-performing asset*, dengan izin, bagi menutup jurang di antara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Izad Shahidi Mohd Salehuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif UJSB berkuat kuasa pada 2 April 2019. Pelantikan ini sebagai langkah pembentukan pasukan pengurusan di UJSB bagi memastikan kelangsungan proses pemulihan aset-aset yang dipindahkan Tabung Haji. Maka tiada timbul pelantikan Pegawai Eksekutif Bukan Islam dan tidak juga berlaku keadaan yang bercanggah dengan Akta Tabung Haji 1995.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dokumen yang digunakan untuk mengambil alih aset-aset ini adalah melalui Perjanjian Pemindahan Aset ataupun *Assets Transfer Agreement* dan bukannya melalui Perjanjian Jual Beli, *Sales Purchase Agreement*. Kerajaan perlu mengambil alih aset-aset ini pada harga premium bagi menutup jurang defisit di antara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jawapan yang diberikan. Memang kita sedia maklum bahawa syarikat Urus Harta Jemaah yang merupakan satu SPV yang ditubuhkan oleh kementerian untuk mengawal ataupun menguruskan dana-dana Tabung Haji ini tetapi timbul pula satu syarikat yang dinamakan Prokhas Sdn. Bhd. yang mana CEO-nya merupakan orang bukan Islam yang menjadi satu *uproar public*, maknanya menimbulkan keresahan rakyat Malaysia khususnya rakyat yang beragama Islam tentang urus tadbir harta-harta yang tidak mendapat keuntungan ini oleh CEO yang bukan Islam.

■1100

Maka, saya hendak bertanya apabila pemindahan yang berlaku ini dilaksanakan agak tergesa-gesa dan menimbulkan keresahan rakyat Islam, maka saya hendak bertanya kepada kerajaan, apakah langkah-langkah dan bagaimanakah kerajaan dan Lembaga Tabung Haji serta pengurusan tertinggi menangani *public uproar* ini? Ataupun keresahan masyarakat tanpa elemen *political influence and approach* agar impak *public uproar* ini tidak memberikan kesan terhadap risiko penurunan nilai pasaran syarikat-syarikat Tabung Haji.

Oleh sebab memang kita tahu ia tidak menyalahi Akta Tabung Haji 1995, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is not against the act*, but dengan meletakkan CEO yang bukan Islam, *it is not accordance to the act* yang menimbulkan keresahan rakyat beragama Islam. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Sebenarnya, apabila kita pindahkan ataupun kita *transferkan*, kita *cough out* semua *non-performing asset* ini sebanyak 106 syarikat sekuriti ekuiti domestik, 29 hartanah dan satu syarikat tidak tersenarai. Kita keluarkan dan masukkan ke dalam SPV. Maksudnya, kita ada apabila kita buat *transfer agreement* ini, ia masuk dalam SPV dan bukan lagi tertakluk di

bawah Akta Tabung Haji. Kenapa kita lakukan begitu? Ini kerana pada tahun 2018 dan penghujung 2017, kita punya liabiliti melebihi aset dan keadaan Tabung Haji itu sudah dalam keadaan yang berbahaya dan itu sendiri tidak bertepatan dengan Akta Tabung Haji, Yang Berhormat Senator. Ini kerana mengikut Akta Tabung Haji, aset kena melebihi liabiliti untuk Tabung Haji mengeluarkan hibah pada tahun 2017.

Jadi tahun 2017 itu, masa ketika itu sudah langgar Akta Tabung Haji. Jadi apabila kerajaan baharu mengambil alih, Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pada tahun 2018, jurang itu telah lebih besar. Jurang antara aset, liabiliti melebihi aset itu telah lebih besar, maka sebelum hujung 2018, sebelum ditutup, *closed accounts*, kita perlu mengeluarkan *non-performing assets* ini daripada Tabung Haji dan masukkan ke dalam SPV ya. Ada perpindahan dan SPV kerajaan, ini kerajaan kepada kerajaan dan kerajaan membayar RM19.9 bilion untuk menutup lubang Tabung Haji tadi, jurang antara aset dan liabiliti.

Tidak timbul keadaan di mana *non-Muslim* menguruskan SPV kerana buat makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Ahli Lembaga Pengarah Urusharta Jamaah Sdn Bhd terdiri daripada Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi UJSB.

Kedua, Yang Berbahagia Datin Rashidah Mohd Sies, Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan; dan yang ketiga, Yang Berbahagia Dato' Mohd Shukri bin Hussin, Pengarah Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad; keempat, Encik Mohd Hassan Ahmad, Timbalan Setiausaha Fiskal dan Ekonomi; dan kelima, Encik Imri Dolhadi Abdul Wahab, Ketua Seksyen Bahagian Fiskal dan Ekonomi.

Kelima-lima ini adalah Ahli Lembaga Pengarah Urusharta Jamaah Sdn. Berhad. Pada ketika itu, kita mengambil masa untuk melantik. Kerajaan mengambil masa untuk melantik CEO kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd untuk memilih CEO yang terbaik, tetapi lembaga pengarah ini mengawal selia dan Prokhas cuma merupakan *caretaker*. Ini kerana Prokhas memang merupakan *caretaker* kepada aset-aset kerajaan di bawah Kementerian Kewangan.

Jadi bukan- tidak timbul isu kerana ia tidak lagi tertakluk di bawah Akta Tabung Haji dan kedua CEO Prokhas kebetulan ketika itu merupakan bukan seorang yang berbangsa Melayu Islam, tetapi dikawal selia oleh *board of directors* ya. Dikawal selia oleh *board of directors* dan keputusan-keputusan itu dibuat oleh *board of directors* dan syarikat-syarikat itu masing-masing masih lagi mempunyai pengurusan masing-masing. Jadi, Prokhas hanya mengawal selia sebelum kita melantik CEO kepada Urusharta Jamaah Sdn Berhad. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat saya ingat jawapan itu sudah...

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Belum cukup Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya mohon penjelasan, apabila tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Prokhas hanya mengawal selia aset-aset yang diletakkan di bawah Urusharta Jamaah Sdn. Berhad. Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kawal selia itu dilaksanakan dan bagaimanakah yang dimaksudkan dengan dikawal selia oleh Prokhas? Sebab apa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat, ini soalan tambahan yang kedua, ini sudah- cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beri penjelasan bahawa dia kena dikeluarkan aset-aset yang tidak memberi faedah kerana kalau ada juga bertindih dengan Akta Tabung Haji yang tidak boleh memberi dividen. Silakan Yang Berhormat Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga difahamkan yang CEO Prokhas dilantik sebelum peralihan kuasa, PRU14. Maksudnya CEO Prokhas ini *existing* yang telah dilantik oleh UMNO, Barisan Nasional. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah itu benar?

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu benar? Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Sebenarnya, isu Prokhas itu dia- saya rasa *blown out of proportion* atau dipolitikkan. Ini kerana CEO Prokhas dia naik pangkat *rank and file*. Maksudnya dia sudah lama dekat dalam Prokhas dan dia naik pangkat sebagai pegawai kerajaan yang biasa. Tidak ada perkara yang harus dipolitikkan di situ. Sementara Urusharta Jamaah Sdn. Berhad melantik CEO dan kita hendak memilih CEO yang terbaik, *board of directors* ini yang mengawal selia. Sebenarnya keputusan-keputusan ke atas Urusharta Jamaah Sdn. Berhad dibuat oleh *board of directors* yang saya sebut tadi, lima orang tadi. Jadi menjawab kepada Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah, itulah dia *governance*, itulah dia cara kita mengurus ya...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan yang Dato' Fahariyah, yang Datuk Razali.

Puan Fuziah binti Salleh: ...Dan Datuk Razali. Saya jawab juga...

Tuan Yang di-Pertua: Masa bila Yang Berhormat Timbalan Menteri, CEO itu dilantik. Itu soalan dia.

Puan Fuziah binti Salleh: Yang saya dimaklumkan, saya tidak ada tarikh yang tepat, tapi saya dapat daripada pihak...

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan baharu kah kerajaan lama?

Puan Fuziah binti Salleh: Mr. Chen. Saya dapat ini, Mr Chen ataupun CEO Prokhas itu ialah *acting* CEO pada zaman Barisan Nasional. Ini jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu jawapannya. Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ingin menyatakan sesuatu yang saya rasa patuh dari segi moral. Saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada soalan tambahan atau tidak?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ada soalan penting. Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mengenai tadi dijelaskan mengenai aset diambil, Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui *transfer* tadi ya bukan melalui SPV. Tolong jelaskan, betulkah *transfer* itu menggunakan wang cukai negara yang melibatkan bukan sahaja orang Islam, orang bukan Islam juga. Orang Islam bagi Tabung Haji rosak, tiba-tiba orang bukan Islam kena pakai duit dia untuk ambil *transfer*.

Jadi saya dalam hal ini saya rasa malu. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa kita orang Islam, urus Tabung Haji tiba-tiba kita rosakkan, rugi. Apabila kita hendak betulkan kita guna duit daripada cukai yang melibatkan orang bukan Islam juga.

Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa? Jadi sebabnya bagi saya, saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang bukan Islam merelakan duit cukai mereka digunakan untuk menyelamatkan Tabung Haji yang dirosakkan oleh orang Islam. Mohon penjelasan.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Mohd Yusmadi. Seperti yang saya katakan tadi, *Board of Directors* dahulu dan *management* yang terdahulu yang sebenarnya melanggar Akta Tabung Haji apabila mereka mengeluarkan hibah tidak mengikut akta. Ia Bercanggah dengan- melanggar dengan akta. Jadi apabila kita dalam keadaan Tabung Haji itu mengalami satu jurang defisit yang besar, menjadi komitmen kerajaan untuk menyelamatkan Tabung Haji. Jadi, betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator, *it is a rescue plan*. Kita cuba elakkan perkataan *bail-out*. *It is a rescue plan by the government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan mempunyai komitmen untuk mengatasi keadaan ini dan menyelamatkan Tabung Haji kerana itu adalah institusi ummah yang telah dirosakkan oleh kerajaan terdahulu.

Akan tetapi kita tidak boleh hendak biarkan kerana kita tidak mahu kita hilang integriti institusi ummah ini. Maka kerajaan pada hari ini komited dan terpaksa *rescue* Tabung Haji dengan jumlah yang begitu besar iaitu RM19.9 bilion dan *transfer of asset* itu kita mengambil nilai asal bukan nilai waktu itu. Nilai asal.

■1110

Saya bagi contoh ye FGV. Nilai asal RM4.62 tetapi apabila kita *transfer to* nilai tinggal 78 sen tetapi kerajaan bayar balik RM4.62 satu saham. Itulah *rescue* yang dibuat oleh kerajaan untuk menjaga institusi ummah ini. *Insyallah* Kerajaan Pakatan Harapan akan juga dengan baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan tambahan itu ada tak duit yang diguna pakai itu adalah duit...

Puan Fuziah binti Salleh: Jadi duit yang guna dipakai itu...

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Dasar Ekonomi Baru lah?

Puan Fuziah binti Salleh: Daripada Kementerian Kewangan memang duit rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua satu soalan yang sangat penting, atas kepentingan ummah juga... [*Dewan ketawa*] Penting, saya akan terus menanyakan soalan. Saya tidak akan pergi dengan izin *beating around the bush*, *no*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah soalan topik yang penting. Saya harap Dewan ini menggunakan peluang ini untuk bertanya soalan yang akan memberi manfaat.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: *Insyallah*.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada rakyat di luar sana yang bimbang dengan kestabilan Tabung Haji, silakan.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sangat prihatin ke atas isu ini. Saya hendak tanya mudah sahaja kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ulang banyak kali ada berlaku pelanggaran akta. Tiga kali Yang Berhormat Menteri ulang berlaku pelanggaran akta. Saya hendak tanya apakah tindakan yang dibuat oleh pihak Tabung Haji sama ada membuat laporan polis ataupun membuat laporan SPRM kah terhadap mana-mana pegawai atau Lembaga Pengarah Tabung Haji. Sila nyatakan di Dewan ini siapa? Bila? Apakah tindakannya? Di bawah akta apa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul ya. Sebenarnya yang melanggar dengan akta dua perkara. Perkara yang pertama ialah untuk

mengeluarkan hibah. Pada satu-satu tahun mesti aset melebihi liabiliti. Perkara yang kedua di dalam akta mengatakan untuk mengeluarkan hibah mesti punyai keuntungan yang cukup untuk mengeluarkan hibah pada satu-satu tahun.

Pada Tahun 2017 memang dua-dua perkara itu tidak dipenuhi. Dua-dua syarat itu tidak dipenuhi Akta Tabung Haji 1995. Jadi, memang melanggar Akta Tabung Haji 1995. Jadi, laporan polis telah dibuat dan memang ianya dalam siasatan polis. Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini kita tak masuk campur. Bila kita sudah buat laporan polis, kita tak kacau. Biarlah polis buat siasatan dan polislah yang akan mengambil tindakan. Jadi kita tak akan kacau. Okey buat, kita suruh saman, kita suruh tangkap, kita tak masuk campur macam itu Tuan Yang di-Pertua. Kita buat laporan polis, kita serahkan kepada pihak yang berkuasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sudah cukup sudah tiga soalan.

6. Tuan Haji Muhamad bin Mustafa minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk mendedahkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan (CEP), justeru tidak melindunginya melalui Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 memandangkan laporan tersebut melibatkan urusan pentadbiran dan ekonomi negara sahaja bukannya melibatkan keselamatan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, sepertimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan ataupun *Council of Eminent Persons* (CEP) telah ditubuhkan pada 12 Mei 2018 dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan majlis ini adalah untuk menasihatkan kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan, serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam tempoh 100 hari pertama peralihan kerajaan.

Antara lain Tuan Yang di-Pertua, CEP telah menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mendalami dan mengkaji isu-isu berkaitan termasuk projek-projek mega yang diluluskan pentadbiran terdahulu. CEP telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan dibantu oleh sebuah sekretariat dan dua jawatankuasa iaitu jawatankuasa berkaitan 1MDB dan Jawatankuasa Reformasi Institusi ataupun dalam bahasa Inggerisnya *Institutional Reforms Committee* (IRC) serta dua pasukan petugas khas iaitu Pasukan Petugas Khas Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan juga Pasukan Petugas Khas Projek *Multi-Product Pipeline* dan Projek *Trans-Sabah Pipeline*.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana pernah dimaklumkan sebelum ini pihak kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP di mana

laporan ini telah pun diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan juga diserahkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) untuk diselaraskan. Laporan CEP adalah di bawah bidang kuasa dan menjadi urusan rasmi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, semua Ahli CEP dan pegawai yang terlibat dengannya secara langsung tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Sepertimana telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat maka dengan itu kerajaan perlu berhati-hati dalam memutuskan sama ada laporan itu wajar didedahkan ataupun tidak. Ini kerana beberapa hasil dapatan mereka memerlukan penyiasatan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini adalah bagi mengelakkan polemik yang mungkin boleh menjejaskan hasil siasatan dan juga keyakinan pelabur.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting ialah tindakan-tindakan pembetulan ataupun *immediate action* diambil dan kerajaan mendapat pandangan profesional daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing yang dapat membantu kerajaan membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan Negara dan kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah mengenai keresahan rakyat tentang kenapa ataupun apakah alasan sebenar kerajaan enggan mendedahkan laporan akhir Majlis Penasihat Kerajaan ini sedangkan ianya bukanlah melibatkan keselamatan Negara. Apakah tindakan ini adalah bercanggah dengan amalan demokrasi di Negara kita ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang secara umumnya Yang Berhormat saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa sepatutnya laporan ini kalau yang terbaiknya kita dedahkan kepada umum. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini saya tidak boleh beri jawapan peribadi saya. Saya hanya boleh menjawab jawapan rasmi kerajaan, okey.

Yang Berhormat, kita menyedari bahawa di sana ada suara-suara termasuk daripada anggota CEP yang meminta supaya laporan ini dedahkan kepada khalayak ramai. Akan tetapi Yang Berhormat sepertimana saya telah jawab tadi bahawa ada beberapa perkara yang perlu diambil kira sebab itulah laporan ini hanya diserahkan kepada orang-orang tertentu, pihak-pihak tertentu iaitu kepada Menteri.

Yang Berhormat, kita kena faham bahawa apabila Jabatan Perdana Menteri ini di samping jawatan itu juga ada- bersama jawatan itu adalah *certain privileges* ataupun hak istimewa tertentu yang tidak ada pada orang lain. Jadi kita merasakan bahawa kita perlu menghormati bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pihak yang sepatutnya yang memang layak untuk terima ini.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sekarang ini telah dilanjutkan juga kepada ICU dan juga di GIACC. Mereka juga telah ini. *Insyah-Allah* saya telah- perbincangan tadi, saya rasa kemungkinan, ini isu masa tetapi Yang Berhormat ada sesetengah perkara yang dalam CEP ini telah pun diselesaikan dan kemungkinan akan didedahkan tetapi mungkin secara berperingkat.

Jadi saya berharap Yang Berhormat sabar sedikit. OSA ini Yang Berhormat mana-mana Negara pun perlu Yang Berhormat, saya hendak beri tahu. Jadi sebab apa? OSA ini Yang Berhormat kita bukan boleh hapuskan begitu sahaja sebab pada negara kita perlu sebab dalam OSA ini kita ada empat kategori dipanggil *secret information*.

- (i) *top secret*;
- (ii) *secret*;
- (iii) *confidential*; dan
- (iv) *restricted*.

Ada empat kategori. Jadi bukan mesti hanya melibatkan keselamatan sahaja. Ada juga isu-isu lain sebagai contoh, dalam Kabinet pun kalau tidak ada OSA ini Yang Berhormat, bahaya. Ia melibatkan mungkin kebocoran mengenainya dan ia boleh terdedah kepada *element* ataupun sebagainya. Oleh sebab itulah OSA ini tak boleh tidak kita mesti ada. Cumanya yang salah dahulu ialah salah guna itu.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat OSA ini juga ada kekerasan di situ kita akan *insyah-Allah* kata orang *mitigated*, *insyah-Allah* dalam manifesto telah mencadangkan penggubalan dipanggil *Freedom of Information Act* atau Akta Kebebasan Maklumat. Jadi, dia boleh mengimbangi.

Macam dalam Islam Yang Berhormat. Kita ada hukuman keras ke atas penzina tetapi dalam masa yang sama Islam juga benarkan perkahwinan untuk *mitigate* benda itu. Kalau kita benarkan perkahwinan, lepas itu orang berzina juga patutlah hukuman itu keras. Jadi begitu lah. Ada OSA tetapi *insyah-Allah* kita ada juga *Freedom Information Act*. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh memahami benda itu. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa tinjauan dan kajian yang dilakukan oleh CEP, kebanyakan KSU dan pegawai tertinggi kerajaan dikehendaki membenteng laporan status dan perancangan agar hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan disesuaikan dengan Manifesto Pakatan Harapan dan prinsip perundangan negara.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah laporan yang diklasifikasikan rahsia ini menjadi panduan bagi Perdana Menteri memacu agenda tindakan intervensi pertumbuhan ekonomi setempat? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang Menteri pun tidak tahu. Itu sudah cakap *restricted*. Saya ingat tidak payah jawablah Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh.

7. Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, jumlah peruntukan yang disalurkan kepada negeri Selangor untuk membaik pulih saluran sungai untuk mengatasi masalah banjir di negeri Selangor.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bagi tahun 2019 kepada negeri Selangor melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) bagi mengatasi masalah banjir adalah berjumlah RM16.9 juta bagi lima pelaksanaan projek berikut:

- (i) Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Fasa I;
- (ii) pembinaan sistem saluran mesra alam di kawasan operasi Pelabuhan Klang dan sekitarnya;
- (iii) pemeliharaan serta pengindahan Kolam Takung Banjir Sungai Damansara;
- (iv) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh, Selangor;
- (v) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa I, Selangor.

Di bawah Program Pemulihan Sungai untuk mengurangkan risiko banjir, peruntukan RM1.925 juta telah disalurkan kepada negeri Selangor bagi pelaksanaan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di negeri Selangor. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh. Yang Berhormat...

Dr. Yaakob bin Sapari: *[Bangun]*

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, kita kena bagi peluang pertanyaan lisan ini kepada soalan asal, kepada Yang Berhormat yang menanyakan soalan. Silakan.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Okey, terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah, adakah beberapa peruntukan khas yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir kilat yang tidak memerlukan pemindahan sementara? Baru-baru ini di kawasan Puchong, kita dapati lebih kurang 800 rumah terlibat dalam keadaan banjir yang teruk dan kerugian amat ketara kepada mereka. Saya hendak tahu ada kah apa-apa bantuan khas diberikan kepada mereka? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bantuan untuk mangsa banjir, silakan Yang Berhormat.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Biasanya bantuan yang segera ini Yang Berhormat Senator, diperuntukkan kepada Ahli Parlimen setempat sebab rasa-rasa ia tidak banyak. Cuma yang saya maksudkan tadi di pihak kementerian ada memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Selangor RM1.925 juta. Itu untuk kerja-kerja berkala lah dan satu lagi untuk program-program ataupun masa banjir ini biasanya di bawah kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selangor penyumbang KDNK terbesar pada Malaysia dan keperluan untuk tebatan banjir ini patut lebih banyak lagi di negeri Selangor dan RM16.9 juta sangat kecil. Adakah kerajaan bersedia untuk menambah lagi untuk keperluan negeri Selangor?

Tuan Yang di-Pertua: Untuk bertambah.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mungkin ada salah faham sedikit ini. Maklumat yang saya bagi tahu tadi RM16.9 juta bagi pelaksanaan lima tahun projek itu adalah tahun 2019. Sebenarnya keseluruhan bajet yang diperuntukkan RM10 juta dan hingga RM11 juta adalah RM234.239 juta tetapi bagi berperingkat-peringkat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

8. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah mekanisme yang digunakan dan langkah yang diambil untuk memastikan bahawa kementerian-kementerian lain sama-sama mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memenuhi kuota satu peratus pengambilan pekerja OKU. Berapakah jumlah terkini penjawat awam OKU dalam perkhidmatan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut.

Mengikut data dari JPA sehingga Disember 2018, didapati hanya seramai 3,856 ataupun 0.31 peratus Orang Kurang Upaya berkhidmat dalam sektor awam yang keseluruhannya berjumlah 1,268,701 perjawatan. Walaupun kementerian ini telah berjaya mencapai 1.77 peratus dengan pengisian 144 daripada keseluruhan 8,138 perjawatan, sehingga kini tiada kementerian lain ataupun pentadbiran kerajaan negeri yang telah mencapai satu peratus, yang paling dekat nombor dua adalah Kementerian Pertahanan dengan 0.98 peratus, bilangan pengisian OKU - 107 orang.

Tempat ketiga jatuh kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dengan jumlah 0.97 peratus iaitu 53 orang. Jumlah besar yang kita perlu isi sebenarnya untuk mencapai satu peratus adalah 12,637 orang. Jadi, langkah-langkah yang telah kita ambil adalah:

- (i) mencadangkan Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman bin Othman yang mewakili OKU untuk dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, beliau telah mengangkat sumpah dan melaporkan diri sebagai AHLI SPA pada 1 April tahun ini dan tempoh pelantikan untuk tiga tahun;
- (ii) garis paduan pepadanan kerja OKU di sektor awam telah pun disediakan oleh Jabatan Pembangunan OKU dan telah diserahkan kepada pihak JPA;
- (iii) pembentangan status pencapaian satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan semua KSU dan KP.

Untuk maju ke hadapan lagi, kementerian kita menyeru kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memberi peluang kepada OKU bagi mencapai satu peratus OKU di peringkat PBT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah satu pangkalan data diwujudkan ataupun dikendalikan untuk memberi gambaran keseluruhan Orang Kurang Upaya dalam

pekerjaan di pihak perkhidmatan awam dan juga di pihak swasta? Jadi, ini adalah amat penting, statistik pengumpulan, statistik amat penting untuk tujuan perancangan pada masa kelak bagi meningkatkan kualiti hidup orang kurang upaya. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peringkat kementerian dalam proses untuk melaksanakan satu kajian untuk melihat bidang tenaga kerja yang mana yang lebih sesuai untuk populasi OKU di negara kita. Kita tidak mahu lihat negara lain kerana kita kena tengok keperluan OKU yang telah berdaftar sedia ada di Malaysia.

Jumlah populasi OKU yang berdaftar dengan kita sekarang mencecah 500,000, daripada kalangan tersebut kebanyakannya adalah warga emas dan juga kanak-kanak. Jadi, kita hendak lihat yang boleh bekerja, jenis kerja apa yang sesuai untuk mereka dan kajian itu akan dilaksanakan oleh kementerian kita sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masa untuk jawapan ini hampir selesai. Soalan terakhir, Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

9. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, secara terperinci berapakah jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Skim Insurans Pekerjaan ini semenjak Januari 2018 - Februari 2019.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor 9 ini ia *straight forward*. Jadi saya jawab pun *straight forward*.

■1130

Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) [Akta 800] ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2019 dan penguatkuasaan sehingga Februari 2019, seramai 18,506 orang telah pun mendapat bantuan interim yang jumlah keseluruhan bayaran sebanyak RM18.08 juta. Manakala bagi faedah penuh SIP yang dilaksanakan mulai 1 Januari 2019, sebanyak 2,938 tuntutan faedah telah diluluskan melibatkan jumlah bayaran RM6.5 juta. PERKESO juga telah berjaya menempatkan seramai 8,254 orang untuk kembali semula bekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan. Terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Kita faham bahawa sistem insurans pekerjaan ini adalah untuk pekerja swasta dan ia telah dilaksanakan pada Januari 2018 sebagai satu jaringan keselamatan sosial bagi bertujuan antaranya meningkatkan dan membantu yang hilang pekerjaan dan melalui program latihan dan juga latihan vokasional. Kadar caruman SIP adalah 0.2 peratus kepada majikan dan juga 0.2 peratus kepada pekerja.

Soalan saya, adakah terdapat sebarang perancangan pihak kementerian untuk menaikkan kadar caruman ini daripada 0.4 peratus, memandangkan kadar caruman di Malaysia adalah yang terendah di dunia berbanding dengan Thailand sebanyak 1.25 peratus, Vietnam sebanyak 3.0 peratus, Arab Saudi sebanyak 2.0 peratus dan juga Korea Selatan sebanyak 2.5 peratus. Satu lagi soalan ini adalah untuk pihak swasta, bagaimana pula dengan pihak penjawat awam yang diberhentikan kerja? Adakah ia boleh dibuat skim ini untuk membantu mereka dalam bentuk program dan latihan selepas apabila diberhentikan? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Buat masa ini, kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk menaikkan kadar caruman tersebut kerana ia juga baru sahaja dilaksanakan, baru tempoh setahun ia dilaksanakan. Lebih kurang setahun berapa bulan sahaja. Jadi kita tengok dahulu *progress* selepas daripada ini. Pemantauan untuk memastikan pelaksanaan itu dapat dilaksanakan sebaiknya. Jadi, sehingga kini belum ada apa-apa cadangan untuk kenaikan kadar caruman tersebut.

Berkaitan dengan soalan yang kedua berkaitan dengan sektor awam. Sektor awam ini dia ada faedah-faedah tertentu yang diperoleh. Jadi hingga kini kerajaan tidak pun mencadangkan untuk apa-apa caruman PERKESO kepada sektor awam. Akan tetapi harus diingat bahawa ada juga- bukan SIP lah, tetapi dalam PERKESO dalam yang lain juga mewajibkan untuk sektor awam khususnya pekerja sementara ataupun kontrak. Itu mereka diwajibkan untuk caruman dengan PERKESO. Bukan SIP, caruman untuk caruman PERKESO biasa. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan SIP adalah sebahagian daripada skim insurans daripada PERKESO. Adakah ini bermakna bahawa apabila pekerja tidak akan mendapat kembali dana ini sekiranya beliau tidak pernah diberhentikan? Itu satu.

Kedua, salah satu tujuan SIP adalah untuk membantu memberi latihan kepada pekerja yang telah dibuang. Soalan saya, semudah mana pekerja yang hilang pekerjaan untuk cari pekerjaan baru terutama mereka ini perlu bersaing dengan pekerja pendatang asing yang bayarannya jauh lebih murah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih. Memang caruman ini apabila dicarum, memang tidak dikembalikan walaupun dia tidak pernah mendapat apa-apa faedah daripada SIP. Mahupun caruman PERKESO yang biasa, walaupun sampai akhirnya dia mati, dia tidak dapat apa-apa ataupun selepas dia pencen dia tidak dapat apa-apa pun, jadi dia tidak akan dapat balik. Ini kerana itu dia lebih bersifat kebajikan bukan sahaja untuk diri dia,

hak orang lain pun untuk guna diri dia, hak dia guna untuk caruman itu bagi faedah kebajikan kepada orang lain.

Keduanya ialah, memang kita sentiasa membantu bagi mereka yang hilang pekerjaan sebab itu SIP ini adalah skim untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan untuk dia kembali kepada sektor pekerjaan. Macam saya sebut tadi, bahawa kita telah berjaya mengembalikan 8,254 orang kembali bekerja. Kita bantu mereka melalui pelbagai kaedah untuk mereka mendapatkan semula pekerjaan di tempat-tempat yang lain, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan jawab lisan selesai.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Pengangkutan seperti tertera di nombor sembilan dalam susunan giliran kementerian menjawab ke atas usul menjunjung kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 30 April 2019”.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui].

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilangan syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.” [25 April 2019]

11.37 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas. Sebanyak 22 pertanyaan yang merangkumi 10 isu utama telah dibangkitkan oleh 10 Ahli Yang Berhormat Senator sepanjang sesi perbahasan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhasrat untuk menjawabnya berdasarkan Ahli Yang Berhormat Senator. Pertamanya, kalau mereka tidak ada di dalam Dewan, saya bagi secara bertulis boleh untuk menjimatkan masa?

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada banyak masa Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh: Okey, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Buat masa sekarang kita ada masa.

Puan Hannah Yeoh: Menjawab Yang Berhormat Senator...

Tuan Yang di-Pertua: Lagipun Yang Berhormat Menteri pandai menjawab bolehlah.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

Puan Hannah Yeoh: Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. Isu kanak-kanak juvana. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah di atas keprihatinan terhadap isu kanak-kanak juvana. Kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang dan ditempatkan di institusi pemulihan JKM akan menerima pendidikan serta latihan bersesuaian bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat apabila keluar dari institusi kelak. Pendidikan dan latihan yang dimaksudkan termasuklah:

- (i) meneruskan pendidikan formal sama ada di sekolah kerajaan atau di dalam institusi JKM;
- (ii) mengikuti latihan vokasional yang diiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia sama ada di dalam institusi ataupun kolaborasi dengan agensi luar;
- (iii) menyediakan peluang kerjaya kanak-kanak dengan menjalinkan kerjasama bersama pihak luar sebagai persediaan sebelum mereka keluar dari institusi;
- (iv) pasukan kebajikan kanak-kanak juga berperanan membantu pegawai akhlak di setiap daerah untuk mendapatkan pekerjaan atau latihan kepada kanak-kanak yang telah dibebaskan dan menjalani pengawasan;
- (v) Perkhidmatan kaunseling individu kelompok dan keluarga seta bengkel interaktif turut disediakan oleh JKM dengan penglibatan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak; dan
- (vi) kakitangan JKM turut ditempatkan di penjara atau pusat koreksional Jabatan Penjara sebagai pegawai kebajikan penjara dan perantara antara banduan dengan pihak luar bagi urusan kebajikan dan pengintegrasian banduan termasuk juvana dalam masyarakat.

■1140

Saya masuk kepada isu Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Dasar 30 peratus wanita dalam politik sebenarnya telah banyak kali dibangkitkan dan telah banyak kali dijawab dalam Parlimen, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Kementerian tidak meletakkan dasar 30 peratus wanita dalam pembuat keputusan sebagai kuota tetapi ia merupakan satu sasaran minimum yang perlu dicapai dan dilepasi. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara.

Buat masa ini, saya percaya kedudukan Malaysia sangat bagus kerana ada penambahbaikan sejak pilihan raya yang lalu dan buat julung kalinya telah melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik. Di samping itu, jumlah Menteri wanita juga telah bertambah daripada tiga orang kepada lima orang Menteri.

Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik. Apa yang paling penting adalah untuk meletakkan mereka di kerusi yang boleh menang. Jangan beri kuota tetapi beri kerusi yang tidak mungkin wanita itu boleh menang dan dianggap sudah selesai.

Rekod terkini menunjukkan wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 32 orang daripada 222 orang iaitu 14.41 peratus berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4 peratus sebelum ini. Di Dewan Negara pula, seramai 13 orang wanita daripada 68 orang iaitu 19.12 peratus.

Manakala untuk Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) pula adalah seramai 57 daripada 505 orang iaitu 11.3 peratus berbanding 58 daripada 505 kerusi DUN iaitu 11.5 peratus sebelum ini. Di peringkat pencalonan pula, bagi DUN, terdapat seramai 68 orang wanita atau 9.9 peratus yang telah menjadi calon berbanding jumlah keseluruhan 687 calon yang bertanding. Bagi peringkat Parlimen pula terdapat seramai 131 orang calon wanita yang bertanding atau 8.5 peratus daripada jumlah keseluruhan 1,549 calon.

Bagi memberi sokongan kepada Ahli Parlimen, kementerian telah meluluskan pemberian geran penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di Parlimen menerusi peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 yang lalu. Kami anggarkan bahawa TASKA ini boleh mula dilaksanakan pada tahun ini.

Bagi meningkatkan penglibatan wanita di Parlimen dan DUN, parti-parti politik disarankan bukan hanya memberi peluang kepada wanita untuk menjadi calon dan bertanding di Kerusi yang tidak ada potensi atau hampir mustahil untuk menang tetapi ia mestilah kerusi yang mampu memberikan saingan sama rata dan berpotensi untuk dimenangi dan seterusnya akan dapat menghantar suara wanita ke Parlimen dan di DUN. Untuk isu wanita, bantuan guaman. Bagi merealisasikan hasrat mencapai...

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah satu ya.

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Puan Asmak binti Husin: Okey, berkaitan dengan peningkatan MP wanita itu, antara perkara yang kita hadapi adalah apabila *lifestyle*, cara hidup MP wanita itu tidak dapat dibawa sebab rakyat itu *treat* kita sama antara MP lelaki dengan MP wanita. Jadi hari itu soalan saya adalah, bagaimana kita hendak mewujudkan suasana politik yang mesra wanita di peringkat bawah sampai ke atas? Ini kerana saya bercakap dengan MP-MP wanita daripada Afrika, kita

dapati rakyat mereka boleh menerima seadanya MP wanita. Akan tetapi kalau macam kita hendak 24 jam dengan rakyat, itu agak sukarlah bagi MP wanita.

Puan Hannah Yeoh: Ya, okey. Saya boleh berkongsi daripada pengalaman sendirilah. Pertamanya adalah infrastruktur sokongan itu penting seperti TASKA di Parlimen kerana kita hendak galakkan lebih ramai lagi wanita yang mempunyai kanak-kanak boleh masuk dalam bidang politik dan boleh datang Parlimen berbahas sementara ada orang yang boleh menjaga anak-anak mereka.

Keduanya adalah, stigma ini, kita harus berkongsi lebih banyak lagi mengenai pengalaman yang kita alami kepada orang. Kita boleh terus terang. Kita jangan malu-malu kata, "Saya tidak hadir program kerana hari ini saya perlu menjaga anak". Kalau kita boleh berterus-terang seperti itu dan tanpa rasa malu, saya rasa persepsi rakyat akan mula berubah.

Contohnya di kawasan saya sendiri sekarang ini, saya selalu- Isnin hingga Jumaat saya bekerja di Putrajaya untuk rakyat Malaysia. Hari Sabtu saya balik ke kawasan untuk Segambut dan saya beritahu semua persatuan penduduk, kalau boleh kita strukturkan program cukup *organize* ya. Kalau kita buat program komuniti, kita tumpukan hari Sabtu supaya hari Ahad, semua orang boleh berehat termasuk komuniti yang perlu datang untuk gotong-royong. Pegawai PBT kita juga ada anak dan keluarga sendiri.

Kalau kita semua boleh tumpukan hari Ahad sebagai hari rehat untuk keluarga, saya percaya semua lapisan, bukan sahaja untuk wanita dalam politik tetapi juga wanita dalam kerjaya masing-masing dan ini saya rasa cukup mesra kepada pegawai penjawat awam juga supaya mereka boleh berehat pada hari Ahad. Ini adalah realiti politik di luar. Kita perlukan kerjasama untuk calon-calon wanita dan Ahli Parlimen Senator semua supaya jangan rasa malu. Kalau kita tidak boleh hadir kerana kita perlu jaga keluarga, kita maklumkan seperti itu supaya stigma ini boleh hilang.

Ketiganya adalah bila kita sudah ada kesedaran dan saya lihat Parlimen adalah satu tempat yang sangat baik untuk menunjukkan kepada seluruh Malaysia bahawa kita perlu mesra wanita. Tahun ini, kita telah kurangkan waktu bersidang, tidak sampai waktu malam. Saya rasa ini cukup mesra untuk Ahli-ahli Parlimen dan juga tenaga pekerja di Parlimen untuk membuktikan bahawa kita boleh bekerja keras tetapi janganlah sampai kita mencicirkan waktu keluarga. Itu sangat penting. Jadi *we must lead by example* dan kita jangan malu. Itu sangat penting.

Puan Asmak binti Husin: Saya sebenarnya hendak memohon sokongan daripada Kementerian Wanita untuk memanjangkan waktu persidangan bagi Dewan Negara bagi memudahkan kami MP wanita ini. Sebab kalau waktu persidangan pendek, kadang-kadang kami terpaksa lewat malamlah pada hari-hari tertentu. Jadi kalaulah kata Kementerian Wanita

dapat sokong kami untuk memanjangkan perbahasan Dewan Negara selaras dengan reformasi yang kita hendak buat dalam Dewan Negara, saya rasa kami sangat bersyukur.

Puan Hannah Yeoh: Itu kita memang menyokong. Dewan Rakyat telah melaksanakannya dan sekarang ini kita boleh balik pukul 5 petang atau 6 petang. Cukup mesra. Itu saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk buat keputusan kerana ini adalah bidang kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Bantuan guaman ya. Bagi merealisasikan hasrat mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang serta lestari, kementerian tidak pernah bergerak sendiri dan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk Jabatan Bantuan Guaman di bawah Jabatan Perdana Menteri, Biro Sokongan Keluarga dan juga pelbagai NGO. Mereka adalah rakan strategik yang membantu kerajaan menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Bagi maksud kerjasama dengan NGO berkaitan hal ehwal wanita, kementerian tidak hanya bekerjasama dengan *Sisters in Islam* sahaja. Dalam melaksanakan program dan aktiviti pembangunan wanita, kementerian juga bekerjasama dengan gabungan NGO seperti *Joint Action Group (JAG)*, *Women's Aid Organisation (WAO)*, *National Council of Women's Organisations (NCWO)*, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan Perikatan Wanita Antarabangsa Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ). Kementerian mengalu-alukan kerjasama dengan NGO lain seperti yang dicadangkan bagi memastikan kepentingan wanita sentiasa diutamakan.

Golongan wanita adalah separuh daripada populasi Malaysia. Jadi kerja ini banyak. Kerajaan sendiri tidak boleh tanggung. Jadi kita perlukan lebih ramai lagi NGO untuk membantu kita. Saya juga telah arahkan Bahagian Unit Komunikasi kita untuk sediakan bantuan dalam segi infografik. Ini kerana kita lihat ramai yang hendak cari bantuan ini mereka tidak tahu hendak cari siapa, apakah langkah-langkah yang patut mereka ambil, nombor telefon mana yang perlu mereka panggil. Itu sebab kita sekarang uar-uarkan infografik melalui *WhatsApp* dan juga kita uar-uarkan Talian Kasih kita 15999 supaya pengumpulan data juga lebih strategik. Semua *call* satu nombor, kita boleh kumpul data tersebut.

Untuk isu pemberian peruntukan kementerian kepada *Sisters in Islam*, mengenai isu peruntukan ini yang dibangkitkan, saya telah merujuk kepada *Hansard* Dewan Rakyat bertarikh 1 April 2019 yang mana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa telah menjawab persoalan ini mengenai fatwa. Jadi saya ada satu salinan ini. Saya nanti boleh berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Saya juga telah menjelaskan dengan panjang lebar dalam Dewan Rakyat kenapa saya telah memberikan peruntukan untuk membantu wanita terutamanya buku *Telenisa* ini. Saya juga ada bawa satu salinan ini... [*Menunjukkan sebuah buku*] Sebenarnya inilah buku tersebut

yang mempunyai semua statistik yang mereka kumpulkan dan saya juga boleh berikan satu salinan kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak.

■1150

Puan Asmak binti Husin: Berkaitan dengan- mohon pencelahan.

Puan Hannah Yeoh: Ya.

Puan Asmak binti Husin: ...Berkaitan dengan bantuan terhadap SIS. Sebenarnya hari itu saya mengemukakan keresahan di kalangan rakyat memandangkan SIS ini ada isu. Memang ada isu dari sudut fatwa. Fatwa yang ada di Selangor itu adalah berkenaan dengan adakah JAIS mempunyai bidang kuasa untuk mengatakan bahawa SIS itu bersalahan dengan Islam ataupun tidak tetapi ia tidak menafikan *substance* bahawa pandangan-pandangan SIS ini sangat kontroversi di kalangan umat Islam. Jadi saya mohonlah pihak- perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk masa akan datang agar mengambil kira keresahan orang Islam.

Bagi pihak saya, peruntukan tersebut adalah daripada pihak Yang Berhormat sendiri, tidak ada isu dan ia adalah terpulang kepada pihak Yang Berhormat. Namun, apabila diumumkan atas *stand* Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, itu yang menjadi isu dan keresahan rakyat. Jadi saya mohon perhatian untuk pada masa akan datang. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Saya telah jawab panjang lebar dan video itu pun ada. Saya telah jawab kenapa saya berikan peruntukan RM20,000 itu untuk membantu pengumpulan data dan statistik bagi kerja mereka di seluruh Malaysia. Saya cukup sedar bahawa negara Malaysia agama rasmi adalah Islam. Dalam melaksanakan tugas saya sebagai Timbalan Menteri, saya turun banyak tempat, saya dengar NGO pandangan orang Islam dan bukan Islam.

Saya juga mempunyai nombor telefon pejabat Mufti Wilayah Persekutuan di mana saya ada sering kali menghubungi pegawai mufti untuk *check* isu-isu semasa dan bagaimana kita harus- menggunakan *approach* mana untuk kita membantu bukan sahaja golongan warga Islam dan bukan Islam tetapi wanita ini secara keseluruhannya memang perlukan banyak sokongan, boleh ya?

Untuk isu akta dan perundangan, kementerian telah membentangkan laporan negara ketiga, keempat dan kelima mengenai status pelaksanaan CEDAW di Geneva, Switzerland pada 20 Februari tahun lepas. Antara lain laporan yang dibentangkan menjelaskan mengenai kepentingan wanita dalam agenda pembangunan negara serta pencapaian wanita Malaysia dalam pelbagai aspek seperti perundangan, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan politik menggunakan perincian data sehingga tahun 2017. Kementerian telah dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri,

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga NGO terhadap cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap CEDAW dan seterusnya menyediakan pelaporan bertulis kepada jawatankuasa tersebut.

Bagi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), kementerian sedang dalam usaha memuktamadkan draf Laporan Negara CRC Kedua hingga Kelima dengan mendapatkan kerjasama kementerian dan jabatan berkaitan untuk pengemaskinian maklumat dan statistik terkini. Draft laporan negara ini dijangka akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CRC di Geneva pada penghujung tahun ini setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Sekarang ini kita telah melantik *focal person* supaya data-data ini masuk dengan cepat. Tahun-tahun sebelum ini memang kita ada masalah untuk dapatkan maklum balas daripada kementerian lain dan apabila setengah masuk, setengah belum masuk, apabila setengah ini masuk, data ini sudah *outdated*. Jadi kita sekarang ini kita mencari – kita sedang mencari cara baharu untuk melaksanakan kerja dengan lebih efektif supaya laporan-laporan ini kita boleh sediakan tanpa *delay*.

Untuk Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying mengenai isu warga emas. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah diberi keutamaan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Strategi B5 iaitu menambah baik persekitaran warga emas menerusi langkah menambah bilangan PAWE. Ini adalah selaras dengan sasaran satu Parlimen satu PAWE iaitu 222 Kawasan Parlimen dan melibatkan kerjasama NGO.

Satu sesi taklimat kepada semua Ahli Parlimen berkaitan program PAWE telah diadakan pada 25 Mac tahun ini bertempat di Parlimen. Semasa taklimat tersebut, Ahli Parlimen dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan bagi penubuhan PAWE di kawasan masing-masing.

Mesyuarat Jawatankuasa Penubuhan dan Pemberian Bantuan Kewangan bagi Program Komuniti di Bahagian Warga Emas Bil 1, tahun ini telah meluluskan dua lagi penubuhan PAWE baharu di Pulau Pinang iaitu di Parlimen Permatang Pauh dan Parlimen Bukit Mertajam di *mainland* sahaja dan di *island* belum lagi permohonan masuk. Jadi kita minta Ahli-ahli Parlimen di *island* boleh mula masukkan permohonan supaya kita boleh tubuhkan PAWE di sana.

Untuk Senator Tuan Aknan a/l Ehtook isu kekeluargaan. Kursus pra perkahwinan bagi pengantin bukan Islam dan cadangan mewajibkan saringan HIV bagi bakal pengantin bukan Islam. Satu perbincangan bersama Ketua Pengarah LPPKN dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara telah diadakan pada 4 Mac tahun ini.

Saya sendiri telah mempengerusikan satu mesyuarat bersama NGO-NGO yang melaksanakan kursus pra perkahwinan untuk golongan bukan Islam. Hasil daripada sesi

perbincangan tersebut, kementerian bersama Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan buat masa ini kita tidak berhasrat untuk mewajibkan kursus pra perkahwinan terhadap pasangan bukan Islam yang ingin berkahwin. Ini kerana kita ada kursus kita *smart start* dan kita ada *partnership* NGO-NGO di seluruh Malaysia tetapi gabungan NGO ini *network* mereka bukan *extensive* sangat, jadi kita risau kalau kita syaratkan secara wajib dan di negeri-negeri atau daerah di mana NGO itu tidak wujud ataupun tidak ada pejabat, ini akan menyukarkan golongan yang ingin berkahwin untuk menghadiri kursus di tempat tersebut.

Jadi, kita sekarang sedang mempertimbangkan banyak cara untuk menggalakkan mereka menggunakan kursus perkahwinan ini mungkin melalui video juga. Kita sedang melihat bagaimana kita boleh *develop video content* untuk membantu golongan yang hendak berkahwin.

Mesyuarat yang telah diadakan bersama Exco-Exco wanita negeri baru-baru ini juga sebulat suara bersetuju agar bakal pengantin bukan Islam digalakkan untuk menyertai kursus *SmartStart* sebagai pra syarat mendapat insentif perkahwinan daripada negeri. Jadi di sini saya juga ingin menguar-uarkan cadangan kita adalah untuk pasangan yang ingin berkahwin jangan buat keputusan berkahwin baru hadiri kursus. Sebelum masih bujang lagi boleh menghadiri kursus perkahwinan supaya kita boleh tentukan sama ada kita ini sesuai untuk berkahwin atau tidak. Bukan semua orang bersedia untuk melaksanakan komitmen sebagai suami ataupun isteri. Jadi kalau selepas mereka mempunyai tarikh perkahwinan, kad pun telah *print* baru hendak hadiri kursus, itu sudah terlalu lambat walaupun tidak sesuai pada masa itu kerana hendak jaga air muka kemungkinan besar pasangan-pasangan ini akan terus berkahwin juga dan kemudiannya bercerai.

Okey, untuk isu saringan HIV, saya minta maaf kita tidak ada perkembangan terbaru. Jawapan masih sama seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam sidang yang lepas.

Untuk Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah, bilangan unjuran taman asuhan kanak-kanak (TASKA) pada tahun 2020. Bancian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 menganggarkan jumlah kanak-kanak berusia kosong hingga empat tahun pada tahun 2018 adalah seramai 2.3 juta orang. Sekiranya kita beranggapan bahawa 50 peratus daripada kanak-kanak di Malaysia yang berusia kosong hingga empat tahun memerlukan TASKA, maka negara kita memerlukan 38,000 TASKA bagi menampung jumlah kanak-kanak tersebut.

Namun, jumlah TASKA berdaftar dengan JKM sehingga Februari ini hanyalah 4,497 buah. Jadi 90 peratus lagi TASKA di luar tidak berdaftar. Saya telah jelaskan juga pada masa yang lepas. Belanjawan 2019 memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk penubuhan 50 buah TASKA di tempat kerja sektor awam dan sebanyak 56 permohonan TASKA di tempat

kerja awam telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM8,502,600. Peruntukan telah disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri pada 24 April tahun ini untuk tindakan selanjutnya. Masih terdapat lebih kurang sejumlah 1.5 juta untuk permohonan perwujudan TASKA di tempat kerja awam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua untuk Yang Berhormat Senator Datuk Paul. Pemasangan CCTV di TASKA dan pusat jagaan warga emas. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di TASKA adalah syarat wajib bagi pendaftaran TASKA dan ia telah dikuatkuasakan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1, Tahun 2015. Dalam Peraturan-peraturan Taman Asuhan 2012 pula, sub peraturan 5(7) mewajibkan perakuan pendaftaran TASKA dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di TASKA.

Cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai untuk mewajibkan pemilik premis TASKA mempamerkan perakuan pendaftaran di hadapan pintu utama TASKA supaya memudahkan ibu-bapa mengenal pasti status pendaftaran TASKA dengan lebih mudah adalah satu cadangan yang sangat baik. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Senator terhadap pindaan sub peraturan tersebut dengan lebih lanjut.

■1200

Setakat ini juga tidak ada arahan untuk mewajibkan pemasangan CCTV di pusat penjagaan warga emas dan kementerian juga telah menyambut baik cadangan tersebut untuk dipertimbangkan sebagai penambahbaikan kelak.

Untuk CCTV ini, memang kita telah wajibkan untuk pemasangan. Cuma orang yang telah pasang CCTV di tempat ini kalau mereka hendak mendera warga emas atau pun kanak-kanak, mereka tahu *blind spot* di mana CCTV itu tidak mungkin boleh *cover*. Kalau kita lihat, kalau mereka hendak gunakan ataupun mendera kanak-kanak dalam tandas, kita juga tidak boleh wajibkan bahawa CCTV dipasang dalam tandas kerana itu tidak ada *privacy*.

Jadi, ini adalah satu masalah. Kita selalu meminta kerjasama ibu bapa untuk selalu turun padang, buat *spot check* dekat taska-taska supaya kita tahu tempat itu adalah selamat untuk kanak-kanak kita.

Isu berkaitan remaja hamil luar nikah. Kementerian memandang serius terhadap isu remaja hamil luar nikah. Namun dalam masa yang sama, kerajaan mengambil pendekatan berbentuk kaunseling dalam membantu mangsa menangani isu ini. Kementerian telah dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara pada 22 November 2018, bahawa pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual remaja telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah iaitu di dalam subjek Pendidikan Kesihatan di mana ia merangkumi 75 peratus daripada keseluruhan kandungan kurikulum tersebut.

Oleh itu, Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial merupakan mata pelajaran wajib yang diajar di sekolah. Kementerian melalui LPPKN sentiasa menyokong program PEKERTI seperti program sokongan kurikulum sekolah yang dilaksanakan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Kementerian kita sekarang ini sedang menunggu data untuk masuk untuk kita membuat *mapping* di mana *hotspots* seluruh Malaysia tempat pembuangan bayi, tempat di mana ramai remaja luar nikah tinggal supaya kita boleh membuat intervensi yang cukup tepat. Tanpa data itu sukar untuk kita melaksanakan intervensi kalau pembuangan bayi ini dilakukan oleh kemungkinan warga asing. Kalau kita tidak ada data di mana mereka tinggal, info grafik yang kita sediakan di dalam bahasa Melayu, tidak akan efektif.

Jadi, kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan dan mula mengumpul data-data secara bermakna supaya kita boleh jalankan intervensi. Kita selalu menguar-uarkan kepada ibu bapa untuk pastikan setiap waktu cuti sekolah kita tahu apa aktiviti yang akan dilaksanakan ataupun aktiviti yang disediakan untuk anak-anak kita. Jangan biarkan mereka tinggal seorang diri di rumah dan jangan beri mereka satu *gadget* sahaja kerana ini adalah tidak bagus untuk mereka. Pantauan ibu bapa itu sangat penting.

Untuk isu OKU, memperkasakan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah bte Mohd Salleh, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam usaha memperkasakan MKBOKU seperti berikut.

Pelantikan anggota Majlis sama ada OKU ataupun bukan OKU daripada pelbagai latar belakang berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang luas berkaitan isu-isu OKU. Ini bagi memastikan tiada kategori OKU yang terpinggir. Mereka akan dipilih sama ada daripada kategori OKU, ahli akademik dalam bidang OKU, pakar berkaitan OKU dan sebagainya.

Selain daripada itu, wakil daripada Sabah dan Sarawak juga dipilih bagi memastikan hak OKU di Sabah dan Sarawak tidak terpinggir. Mulai tahun ini, beberapa penambahbaikan dibuat dalam mesyuarat Majlis. Sekretariat akan menyediakan platform bagi anggota Majlis individu untuk membincangkan terlebih dahulu isu atau usul yang ingin dibangkitkan sebelum mesyuarat Majlis diadakan. Langkah ini diambil untuk memastikan isu yang dibawa benar-benar merupakan isu yang boleh memberikan impak besar kepada OKU dan tidak hanya tertumpu kepada isu individu.

Sekretariat telah menambah jumlah peruntukan yang diberikan kepada jawatankuasa untuk pelaksanaan aktiviti dan peruntukan ini telah bertambah dari RM50,000 kepada RM60,000 setiap jawatankuasa. Langkah ini untuk membantu lebih banyak program dilaksanakan untuk pembangunan OKU. Agenda mesyuarat telah ditambah baik dengan

setiap jawatankuasa perlu membentangkan cadangan aktiviti untuk mendapatkan pandangan mesyuarat. Langkah ini penting untuk memantapkan keberkesanan program yang dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan mencadangkan agar Majlis ini mewujudkan satu Jawatankuasa *Accessibility* di bawah Majlis ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis ini memainkan peranan untuk membincangkan isu *accessibility*.

Untuk menambah keberkesanan jawatankuasa ini, bilangan keahlian yang lebih menyeluruh dengan memfokuskan wakil-wakil daripada agensi yang berkait rapat dengan isu *accessibility* seperti dari Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pendidikan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri telah pun dilantik.

Audit akses yang dijalankan turut meliputi kawasan-kawasan Lembah Kelang termasuk luar bandar seperti beberapa kawasan di luar Lembah Kelang seperti di Kuching, Kota Kinabalu, Kuantan, Kota Bharu dan sebagainya.

Mengenai isu langkah dan bantuan kebajikan kepada golongan OKU yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Kadar bantuan bagi semua Skim Bantuan Kebajikan akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut perubahan ekonomi dan kemampuan kewangan kerajaan. Ini bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan adalah mencukupi bagi membantu meringankan beban dan mampu untuk menampung kos sara hidup kumpulan sasar ini.

Bantuan kewangan kebajikan JKM diberikan secara bulanan atau sekali gus untuk meringankan beban mereka. Skim-skim secara bulanan adalah seperti berikut.

Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar RM250 sebulan dipertimbangkan kepada orang kurang upaya yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan kecacatan mereka yang teruk dan tidak berupaya bekerja. BTB telah dikaji dan telah dinaikkan kadarnya sebanyak tiga kali dan kali terakhir pada tahun lepas.

Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM400 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang sedang bekerja yang pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan sebagai insentif supaya mereka terus bekerja. EPC telah dikaji dan dinaikkan kadarnya sebanyak lima kali dan kali terakhir pada tahun lepas juga.

Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya terlantar dan pesakit kronik terlantar dengan kadar RM350 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti. PBT juga telah dikaji dan dinaikkan kadarnya

sebanyak dua kali dan kali terakhir pada tahun lepas. Selain itu bantuan kewangan sekali gus turut dikekalkan untuk manfaat kumpulan sasar.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua...

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, minta...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya juga mencadangkan dalam perbahasan saya supaya pekerjaan-pekerjaan yang boleh diambil oleh OKU itu diwajibkan. Contohnya, tol.

Puan Hannah Yeoh: Saya hendak menjawab sekarang Yang Berhormat. Terlalu awal Yang Berhormat bangun bertanya.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Oh! Sebab saya ingat Yang Berhormat hendak masuk nama orang lain sudah.

Puan Hannah Yeoh: Tidak, tidak. Peluang pekerjaan OKU di kaunter tol lebuhraya. Kementerian menyambut baik sekiranya ada majikan yang memberi peluang pekerjaan di kaunter tol kepada OKU yang sesuai dengan keupayaan dan tugas mereka. Walau bagaimanapun, peluang pekerjaan kaunter tol semakin berkurangan sekarang. Dalam jangka masa panjang juga kerana perkhidmatan kaunter tol sedang ditukarkan ke sistem elektronik.

Jadi, pada masa yang sama kementerian akan menjalankan kajian peluang pekerjaan OKU di negara ini yang akan merangkumi sektor formal dan tidak formal. Penemuan kajian ini diharapkan akan memberi maklumat mengenai situasi penawaran industri, permintaan daripada golongan OKU sendiri dan halangan-halangan yang dihadapi oleh kedua-dua majikan dan OKU. Dapatan kajian ini juga akan digunakan untuk membuat penambahbaikan terhadap dasar dan program sedia ada.

Jadi apabila kajian ini selesai kita akan berkongsi pendapat itu dengan Yang Berhormat Senator di sini. Secara peribadinya juga bila ada OKU memohon kerja dan melalui pejabat saya, pegawai saya, kita bertanya dan mereka ada mengatakan mereka tidak hendak berpindah. Contohnya, kalau permohonan datang dari Melaka, mereka hendak tinggal di Melaka. Itu sebab kita telah cadangkan PBT di kawasan-kawasan masing-masing memberikan peluang pekerjaan satu peratus supaya mereka bukan fokus kementerian di peringkat Putrajaya kerana sokongan infrastruktur, keluarga semua itu sangat penting. Jadi lebih baik OKU ini tidak perlu berpindah tetapi di tempat tinggal sedia ada, ada peluang pekerjaan untuk membantu mereka.

Kita hendak fokus sekarang untuk hendak pastikan kerajaan sendiri boleh mencapai satu peratus itu. Kalau tidak, sukar untuk kita keluar beritahu sektor swasta untuk mewajibkan

mereka mengambil golongan OKU. Jadi, kita sedang meneliti dan kita hendak pastikan KSU semua kementerian membantu bersama.

Ada soalan Yang Berhormat Senator? Tidak ada, ya.

Isu berkaitan *curfew*...

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

Puan Hannah Yeoh: Ya, ya, ya.

Puan Bathmavathi Krishnan: Dalam perbahasan saya Yang Berhormat Menteri, saya telah pun mengutarakan beberapa perkara berkenaan OKU. Berkenaan dengan pencapaian satu peratus kuota penempatan bagi pekerja OKU di perkhidmatan awam.

■1210

Apakah pandangan kementerian terhadap cadangan saya kepada Ketua Setiausaha Negara untuk meletakkan pencapaian satu peratus kuota itu sebagai salah satu KPI bagi KSU di kesemua kementerian dan... [Disampuk]

Puan Hannah Yeoh: Saya akan menjawab nanti. Saya belum sampai sana Yang Berhormat Senator. Saya hendak jawab isu berkaitan dengan *curfew* dahulu, boleh?

Okey, untuk Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Merujuk jawapan yang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 14 Mac mengenai isu yang sama, pelaksanaan *curfew* hanyalah salah satu daripada usaha besar kerajaan Iceland untuk pembangunan infrastruktur rekreasi serta aktiviti pengisian bagi golongan muda. Jadi, walaupun model Iceland tersebut menarik namun ia tidak dapat dilaksanakan kerana persekitaran sosioekonomi yang berbeza di Malaysia. Pelaksanaan *curfew* di sana berjaya kerana mereka telah pun mempunyai sistem sokongan yang kukuh dan persekitaran *work-life balance* yang mengutamakan masa bersama keluarga.

Kementerian kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk meneliti pendidikan wajib supaya pastikan pendidikan wajib sekarang ini tamat pada usia 12 tahun. Jadi, kalau kita hendak buat *curfew* dan semua ini, ia mesti bermakna. Bermaksud, pendidikan wajib mesti sampai usaha 17 tahun sebelum kita boleh laksanakan. Kalau tidak, tidak ada undang-undang yang memaksa mereka pergi ke sekolah. Kalau yang ponteng sekolah adalah 14 tahun, saya bagi contoh.

Akan tetapi, undang-undangnya tidak mewajibkan mereka berada di sekolah. Kita tidak boleh laksanakan *curfew* dalam *atmosphere* seperti ini. Jadi, kita dalam Majlis Sosial Negara kita sentiasa membincangkan isu-isu ini dan majlis kanak-kanak juga membincangkan bersama kanak-kanak yang lain, apakah cara terbaik untuk mengatasi remaja yang suka melepak di luar waktu malam.

Kita balik kepada tanggungjawab ibu bapa bersama dengan kerajaan. Sangat penting. Kalau ibu bapa pun tidak ada di rumah waktu malam, bagaimana hendak *impose curfew*

terhadap anak-anak. Jadi, ini adalah satu masalah sosial yang kita sekarang ada dan kita cadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan kita dalam Majlis Sosial Negara kita kena banyakkkan lagi aktiviti seperti masa dahulu. Kita ada Rakan Muda. Semua program-program di mana warga muda boleh *channel* tenaga mereka kepada aktiviti yang berfaedah.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh: Ya, Yang Berhormat Senator Dato'.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya bercakap berhubung dengan Iceland dan Portugal. Sebab saya melihat kalau kita kaji sejarahnya, dahulu mereka memang *especially* Portugal, dengan izin memang teruk dia punya rakyat dia dengan anak-anak mudanya, dengan *heavy drinkers* dan sebagainya. Akan tetapi, mereka *introduce* juga walaupun dalam keadaan rakyat masih belum menerima. Sebab, kalau kita tengok rokok sekarang ini rakyat marah. Kita kata Pilihanraya Cameron Highlands kita kalah kerana merokok sahaja. Ini kerana soal merokok tidak boleh dihisap di restoran-restoran. Sekarang, restoran-restoran nasi kandar semua dah *50 percent sale* dan sebagainya. Ini yang efek dia. Akan tetapi, rakyat masih menerima Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tidak mula langsung ataupun kita tidak ada titik permulaan itu di mana Yang Berhormat, agak-agak Yang Berhormat kalau kita hendak tunggulah sampai ke tahap yang Yang Berhormat kata tadi baru kita hendak *implement*, dengan izin. Bila agak-agaknya Yang Berhormat Menteri kita hendak *implement* dengan sedikit demi sedikit. Kalau dahulu kita tengok macam mana Yang Amat Berhormat Tun Mahathir hendak memulakan topi keledar. Dia bagi tahu sahaja dahulu. Siapa hendak pakai itu soal lain. Lepas itu, baru undang-undang masuk *slowly*. Kemudian yang ada *turban* seperti Benggali tidak payah pakai. Orang yang haji tidak payah pakai.

Jadi, prosesnya itu memang makan masa Yang Berhormat. Akan tetapi, kalau kita tidak ada titik permulaan, agak sukar saya nampak perkara ini.

Puan Hannah Yeoh: Ya, titik permulaan yang saya telah jelaskan adalah pendidikan wajib. Perkara yang itu sangat penting dalam *legislation*. Kalau kita tidak ada pendidikan wajib sehingga 17 tahun dan kita laksanakan *curfew- curfew* ini untuk mereka balik rumah tidur awal, pastikan esok mereka pergi sekolah. Akan tetapi, kalau tidak ada pendidikan wajib untuk pastikan mereka bangun awal pergi sekolah dan mereka sudah berhenti sekolah tiada makna.

Itu sebab kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengkaji kesesuaian menaikkan usia pendidikan wajib daripada 12 tahun hingga 17 tahun. Apabila kita ada isu ini selesai di bawah peringkat *legislation*, dengan izin. Kita boleh hentikan bukan sahaja isu kanak-kanak melepak, *teenage pregnancy* juga dan perkahwinan bawah umur juga kita boleh laksanakan juga kita ada pendidikan wajib sehingga 17 tahun. *The good starting point will be legislation for mandatory education.*

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencelahan. Saya tertarik hendak membincang juga tentang isu *curfew* memandangkan saya ada bertanya tentang soalan ini pada sidang-sidang yang lepas. Saya difahamkan sebelum ini kita ada terima satu, kita panggil *survey* daripada pihak kementerian untuk bertanya kepada rakyat, sejauh mana rakyat bersetuju untuk melaksanakan *curfew*. Jadi, saya mohon kalau ada lah *result* daripada *survey* itu dapat dikongsikan, pertama.

Kedua, saya juga mendapat cadangan apabila saya bercerita tentang *curfew*. Oleh sebab kita melihat kepada apa yang dilaksanakan oleh negara maju dan sebenarnya dahulu di Malaysia pun kita ada macam *curfew* juga. Sebab kalau budak-budak melepak di luar, kalau pada suatu ketika dahulu polis dia akan datang pukul 12 malam. Ingat lagi tidak, kan? Dulu-dulu kan? Pukul 12 malam dia akan datang, budak-budak dia lari.

Akan tetapi, sekarang polis ini dia hendak marah kepada budak, tidak boleh sebab budak-budak ini dia kata, "Atas dasar undang-undang apa?" Dia kata. Atas dasar undang-undang apa-apa hendak kacau dia orang. Jadi, oleh sebab literasi undang-undang itu mereka menggunakan undang-undang. Walhal, polis pun sebenarnya dia ada kuasa untuk melarang budak-budak inilah.

Seterusnya juga saya hendak mungkin tertarik juga dengan apa yang dijalankan di negara maju. Mereka menjalankan *curfew* itu bukan dengan kaedah darurat, maknanya undang-undang semata-mata. Akan tetapi, dengan bantuan macam kita yakni tempat kita ini macam KRT lah. Iaitu *enforcement* oleh pihak ibu bapa sendiri dan remaja dibenarkan keluar tetapi dengan penjaga. Macam hendak pergi tuisyen kah, hendak pergi makan kah, kena ada penjaga ataupun suratlah kalau bukan penjaga. Jadi, mungkinlah dengan *methods* yang kita tengok ini, apakah Malaysia tidak mahu mula sedikit macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Sedikit demi sedikit tetapi menggunakan mungkin kuasa PBT yang melibatkan KRT dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, saya telah jawab panjang lebar. Untuk memastikan *curfew* ada makna, mereka mesti pergi ke sekolah. Kita kena pastikan pendidikan yang wajib, undang-undang itu ada sebelum kita laksanakan *curfew*. Kalau tidak, kita suruh mereka balik rumah tidur awal. Mereka akan tanya balik kepada abang polis yakni kenapa tidur awal? Esok saya tidak payah pergi sekolah.

Puan Asmak binti Husin: Saya tertarik bila- minta maaf. Saya tertarik bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaitkan antara pendidikan yang wajib dan juga *curfew*. Adakah kajian di pihak kementerian menunjukkan bahawasanya yang lepak ini adalah terdiri daripada budak-budak yang tidak bersekolah? Mungkin juga. Kalau ada kajian itu, saya suka membaca kajian. Jadi, kalau ada itu mungkin *significant*.

Puan Hannah Yeoh: Itu sebab Majlis Sosial Negara yang melibatkan kementerian kita, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan, kita sentiasa berbincang fasal isu-isu seperti ini, gejala sosial. Sekarang ini, in *today's time* walaupun kita- kalau kita ada *curfew* pun, walaupun mereka duduk dalam rumah dan di dalam bilik sendiri tidak semestinya mereka tidur kerana kita ada apa, mana *gadget* saya iaitu *smartphone*. Tinggal di rumah, main *phone*. Ini mungkin lebih bahaya daripada mereka duduk di restoran bersama kawan. Ini kerana yang duduk di restoran bersama kawan, kita boleh lihat apa yang mereka buat.

Akan tetapi, di dalam rumah, *WeChat* semua pornografi banyak yang boleh dilakukan di dalam bilik seorang diri walaupun ada *curfew*. Itu sebab kita hendak tengok a *wholesome approach*, dengan izin, untuk pastikan anak-anak kita, kita jangan laksanakan sesuatu kerana negara lain buat tetapi sokongan infrastruktur itu kita kena pastikan negara ini bersedia untuk laksanakan and a *good starting point* adalah pendidikan wajib. Boleh ya? Okey.

Saya terus kepada Yang Berhormat Senator... [Disampuk]

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Puan Hannah Yeoh: Ya, silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkenaan dengan kahwin bawah umur ini. Saya hendak merujuk berkenaan dengan masyarakat Orang Asli Yang Berhormat Menteri. Di mana mereka tidak terikat dengan perkahwinan mengikut undang-undang. Mereka mengikut undang-undang adat mereka dan mereka tidak terikat dengan *Marriage and Divorce Act 1976*. Jadi, mereka kahwin mengikut adat dan cerai juga mengikut adat. Di mana apa mereka perkahwinan awal ini, kita tengok banyak masalah berlaku, penceraian dan juga penjagaan anak yang mereka belum bersedia untuk berkahwin awal ini.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian bercadang untuk melakukan, membuat satu undang-undang kepada masyarakat Orang Asli ini supaya kita samakan dengan masyarakat yang bukan Islam. Bagi yang Islam tidak apalah yang mana masyarakat orang Islam mengikut cara Islam. Bagi yang bukan Islam ini, kita mengikut yang wanita berumur 16 tahun dan lelaki 18 tahun.

■1220

Adakah Orang Asli kita juga bercadang untuk mengadakan *enforcement* ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Okey. Untuk isu perkahwinan bawah umur, kita masih di dalam peringkat *consultation* dengan pihak kerajaan negeri dan juga untuk perkahwinan adat Sabah dan Sarawak dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli. Jadi, ini bukan satu masalah yang

senang untuk kita atasi dan buat masa ini hanya negeri Selangor sahaja yang telah menaikkan had umur minimum, 16 tahun ke 18 tahun untuk golongan bukan Islam.

Jadi, *this is an ongoing consultation* bersama pihak lain untuk pastikan mesej yang kita hantar juga seragam untuk semua gadis dan semua lelaki supaya mereka tidak rasa, okey, di negeri ini boleh berkahwin, di negeri ini tidak boleh. Kalau Orang Asli boleh, kalau orang Kadazan boleh. Kalau orang Melayu tidak boleh, orang Cina boleh. Jadi, kita tidak hendak mesej yang berbeza kepada semua golongan kita. Jadi, isu perkahwinan bawah umur masih dalam peringkat melibatkan semua agensi dan kerajaan negeri yang lain, okey. *Still consultation, roundtable dialogue* masih berjalan.

Untuk peruntukan anak yatim di rumah anak yatim yang berdaftar dengan JKM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Kementerian melihat NGO atau dikenali Pertubuhan Sukarela Kebajikan sebagai rakan strategik dalam membantu kerajaan menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi. JKM memberikan bantuan kewangan kepada PSK bagi menampung sebahagian kos operasi penyediaan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran sebanyak RM22 juta bagi tahun ini. Jenis bantuan kewangan kerajaan kepada PSK terbahagi kepada lima jenis geran iaitu:

- (i) geran pentadbiran. Ini adalah untuk pembayaran utiliti, sewa, sagu hati sukarelawan;
- (ii) geran rangsum makan dan minum;
- (iii) elaun khas murid OKU;
- (iv) geran per kapita; dan
- (v) geran pembaikan.

Pertubuhan sukarela kebajikan yang layak diberikan pertimbangan kewangan kerajaan JKM adalah seperti berikut:

- (i) berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966, kategori kebajikan masyarakat atau di bawah undang-undang tubuh lain;
- (ii) pertubuhan bertaraf tempatan;
- (iii) pertubuhan yang bercorak kebajikan (*welfare related*) yang mengendalikan program berbentuk pencegahan, pemulihan, penjagaan, perlindungan dan pembangunan bagi kumpulan sasaran di bawah tanggungjawab dan fungsi jabatan;
- (iv) berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 bagi yang mengendalikan Program Institusi Berkediaman ataupun Pusat Jagaan Harian; dan
- (v) program dan aktiviti PSK adalah selaras dengan dasar dan objektif jabatan dan telah beroperasi selama tiga tahun ke atas.

Pemantauan secara berkala dilaksanakan dua kali setahun mengikut SOP pemberian bantuan kewangan kerajaan yang dijalankan di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat akan memastikan PSK menggunakan geran dengan betul. PSK juga tertakluk kepada terma dan syarat di dalam surat Perjanjian Pemberian Geran yang di materai bagi geran yang diterima.

Untuk Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, mengenai satu peratus OKU dalam sektor awam, yang itu saya telah jawab dalam soalan nombor lapan tadi. Akan tetapi kami bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk memastikan bahawa pengisian kuota satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam menjadikan KPI KSU ataupun KP.

Kementerian menyambut baik cadangan pencapaian Dasar Satu Peratus dijadikan sebagai KPI kepada semua Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah memandangkan tanggungjawab untuk memastikan dasar ini tercapai adalah di bawah kementerian ataupun jabatan masing-masing.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap golongan sasar ini, langkah ini diharap akan membantu OKU mendapatkan peluang pekerjaan di sektor awam dan pengisian kuota satu peratus dalam perkhidmatan awam boleh dicapai.

Untuk perkhidmatan perbankan...

Puan Bathmavathi Krishnan: ...*Alright.*

Puan Hannah Yeoh: Bank ya, yang mesra OKU. Kementerian telah meneliti isu berkenaan perkhidmatan perbankan yang mesra OKU melalui Mesyuarat Pertama Majlis OKU Bil.1/2019 yang telah diadakan pada 15 April 2019.

Satu pembentangan kertas cadangan berkaitan dengan *Accessible Banking for The Blind* telah dibuat oleh anggota MKBOKU individu yang juga mewakili *National Council For The Blind*. Pihak Bank Negara Malaysia turut dijemput dalam mesyuarat tersebut dan mereka telah memaklumkan bahawa usaha sedang dilakukan oleh institusi perbankan, terutamanya di lokasi tumpuan OKU penglihatan seperti di Brickfields, Kuala Lumpur untuk memperkenalkan dan menyediakan perkhidmatan mesin ATM bersuara. Bank Negara Malaysia juga ada mengatakan bahawa sebarang aduan yang hendak dilakukan oleh OKU bolehlah disalurkan kepada pihak Bank Negara Malaysia supaya mereka juga tahu dan mereka akan bercakap ataupun berdialog dengan bank-bank di Malaysia. Ada soalan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan?

Puan Bathmavathi Krishnan: Itu saja. Semua dijawab, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, terima kasih. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu dan cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah kementerian ini. Kami menjaga satu portfolio yang sangat susah kerana dari rahim sampai ke kubur dan

dengan peruntukan yang sangat terhad untuk kita melaksanakan dan ini populasinya semua. Bukan sahaja wanita, sekarang kita sudah mula menjaga isu lelaki juga kerana akta- isu keganasan rumah tangga, lelaki pun menjadi mangsa dan isu gangguan seksual, lelaki pun sudah menjadi mangsa.

Jadi, tanggungjawab yang sangat berat dalam tangan kementerian kita dan kita perlukan kerjasama semua pihak. Kalau ada *WhatsApps chat group* untuk semua Ahli Yang Berhormat Senator, tolong maklumkan kepada saya supaya apa-apa infografik yang kita keluarkan, kita boleh maklumkan juga kepada Yang Berhormat Senator supaya Yang Berhormat Senator boleh turut membantu kita menguar-uarkan apa-apa program kesedaran yang kita turunkan kepada golongan masyarakat. Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Lebih daripada 40 minit kita bagi Yang Berhormat berucap. Kita serah pada Ahli wanita Yang Berhormat, sudah tanya apa yang patut ditanya tadi ya? Semuanya berpuas hati, ya?

Sekarang kita jemput- terima kasih Yang Berhormat. Hari ini kita ada bersama Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri... [*Tepuk*] Yang Berhormat datang sendiri, tidak ada wakil. Yang Berhormat Menteri penuh datang sendiri [*Ketawa*] Jadi, Dewan mengucapkan terima kasih atas sikap itu. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, kita jemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri untuk memulakan perkara Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan Yang Berhormat.

12.27 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2019 di Dewan yang mulia ini, yang antara lain telah pun menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio Kementerian Dalam Negeri. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac 2019 yang lalu. Saya akan menggulung perbahasan Titah Diraja 2019 berdasarkan isu-isu yang telah pun dibangkitkan seperti berikut:

- (i) pembangunan infrastruktur dan aset;
- (ii) kepenjaraan dan AADK;
- (iii) hal ehwal Imigresen dan pekerja asing;

- (iv) kewarganegaraan dan pendaftaran; dan
- (v) keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung status pembinaan balai polis baharu di Matang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Saya ingin memaklumkan bahawa Projek Pembinaan Balai Polis Matang Jaya, pendakwaan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Ke-11. Kontraktor telah pun dilantik untuk melaksanakan fasa pertama projek ini yang melibatkan kerja-kerja penambakan dan rawatan tanah. Tempoh kontrak untuk fasa pertama ini telah bermula pada 29 April 2019, akan bermula sehingga 28 Januari 2020 dan fasa kedua iaitu kerja-kerja pembangunan struktur akan dimulakan selepas itu.

■1230

Berhubung dengan cadangan pembinaan balai polis yang baharu di Kuching Utara, cadangan pembinaan ini telah ditukar kepada IPD Padawan berikutan terdapat keperluan yang lebih mendesak di Padawan. Mengenai kedudukan terkini penubuhan Agensi Kawalan Sempadan ataupun AKSEM di Sarawak dan cadangan pos-pos kawalan baharu di Sarawak, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengadakan libat urus dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Sabah serta jabatan-jabatan yang berkaitan untuk merealisasikan pengoperasian sebenar AKSEM di kedua-dua negeri tersebut termasuklah mengkaji lokasi pos-pos kawalan yang strategik.

Mengenai rancangan kementerian untuk menambah Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Unit Van di Sarawak, pembekalan motosikal untuk URB telah dimulakan sejak tahun 2013. Sehingga tahun 2019, sebanyak 255 buah motosikal telah diagihkan kepada 28 ibu pejabat polis daerah di negeri Sarawak. Manakala bagi balai polis bergerak, terdapat 10 buah kenderaan balai polis bergerak jenis van digunakan di enam daerah iaitu Bintulu, Kuching, Limbang, Miri, Sibu dan Sri Aman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin bertanya mengenai jumlah banduan muda dan penghuni kanak-kanak juvana di setiap institusi penjara Malaysia sehingga bulan April 2019 dan langkah kerajaan untuk memastikan keberkesanan program koreksional bagi pesalah sabitan kes juvana.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 23 April 2019, jumlah banduan muda di seluruh institusi penjara adalah seramai 2,381 orang. Manakala, penghuni kanak-kanak atau juvana yang ditempatkan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Keningau dan Puncak Borneo adalah seramai 1,459 orang.

Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan peluang pendidikan dan kemahiran TVET sebagai nilai tambah dalam melengkapkan diri mereka untuk menghadapi alam pekerjaan setelah dibebaskan. Antara langkah yang diambil ialah memperkenalkan program

kemahiran dan pensijilan seperti program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan pelaksanaan latihan kemahiran jangka pendek. Dalam bidang akademik pula, penghuni juvana digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sehingga 31 Mac 2019, seramai 817 orang penghuni sedang mengikuti program akademik di sembilan buah sekolah integriti dan tiga buah Sekolah Henry Gurney.

Pada masa ini, terdapat seramai 33 orang pelajar yang sedang mengambung pelajaran di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) yang mana sebagainya merupakan juvana daripada Sekolah Integriti. Mengenai jumlah tahanan limpah Yang di-Pertuan Agong, Sultan dan juga Yang di-Pertua Negeri yang turut ditanya oleh Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 23 April 2019, jumlah keseluruhannya adalah seramai 47 orang.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin bertanya sama ada kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan bagi meningkatkan modal insan di Kelantan khususnya berkaitan pencegahan dadah dan gejala sosial di kalangan remaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM14.14 juta pada tahun 2019 untuk melaksanakan program-program rawatan dan pemulihan, pencegahan dan juga penguatkuasaan yang berkesan di negeri Kelantan. Kementerian akan menimbang untuk menambah peruntukan daripada semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah bertanya mengenai tindakan kementerian dalam merencana strategi baharu bagi menangani jumlah penagih dadah di Sarawak yang dikatakan semakin sukar dikawal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah penagih dadah yang dikesan meningkat daripada tahun 2013 ke 2016 iaitu pada tahun 2013 seramai 20,887 orang, tahun 2014 ialah 21,770 orang, tahun 2015 seramai 26,668 orang dan tahun 2016 seramai 30,844 orang.

Walau bagaimanapun, jumlah penagihan dadah yang dikesan pada tahun 2017 telah menurun sebanyak 16 peratus berbanding tahun 2016 iaitu seramai 25,922 orang dan terus menurun sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2018 iaitu seramai 25,267 orang. Hal ini menunjukkan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri mampu membendung masalah dadah daripada menjadi semakin berleluasa.

Antara langkah strategik yang telah diambil oleh kerajaan ialah melaksanakan Dasar Dadah Negara yang bertujuan mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah. Dasar ini mempunyai lima teras strategi utama iaitu, teras pendidikan pencegahan, teras rawatan dan pemulihan, teras penguatkuasaan, teras pengurangan kemudaratan dan teras kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari meminta kementerian menjelaskan inisiatif mengurangkan lambakan pekerja asing dan mencadangkan supaya kementerian merangka satu rang undang-undang baharu berkenaan penangkapan warga asing serta mengkaji model-model yang dilaksanakan oleh negara-negara lain dalam menangani isu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersepadu seperti tangkap, dakwa dan usir terhadap PATI. Dari 1 Januari 2019 hingga 7 Mac 2019, sebanyak 3,214 operasi telah dijalankan dengan sejumlah 11,234 orang PATI dan 201 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen. Tindakan undang-undang terhadap PATI diambil berdasarkan peruntukan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Pasport 1966.

Pada masa ini, kerajaan belum bercadang untuk menggubal satu akta baharu berkenaan penangkapan warga asing dalam merencana hala tuju memperketat tindakan penguatkuasaan seperti mana pertanyaan Ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian juga sentiasa komited dalam melaksanakan usaha penambahbaikan pada proses-proses operasi sekiranya terdapat keperluan daripada semasa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sedang pun merangka pelan penguatkuasaan PATI secara holistik berdasarkan strategi penguatkuasaan berpaksikan kerjasama secara strategik antara agensi. Objektif pelan ini adalah untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka menerusi pendekatan mendaya upaya agensi kawal selia sedia ada termasuk kerjasama dan kesedaran masyarakat setempat. Pelan ini melibatkan dua perkara iaitu pewujudan struktur tadbir urus dan pelaksanaan strategi secara impak segera dan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya membangkitkan isu PATI in kerana bukan sahaja PATI yang ditimbulkan, akan tetapi penjara kita ini Yang Berhormat Menteri, sudah dipenuhi dengan mereka yang hendak balik ke Indonesia contohnya.

■1240

Mereka ini nak balik, bila sampai di tengah laut, polis marin tangkap mereka, dah nak balik dah, tangkap dan bawa masukkan ke dalam penjara kita, pusat tahanan dan sebagainya dan *overflow* di pusat-pusat tahanan ini. Padahal di negara-negara lain Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Indonesia, dia *deport* terus, dia tak simpan dah. Jadi ini yang saya bertanya,

adakah undang-undang baru nak diwujudkan supaya mereka ini tidak ditangkap bawa masuk balik dan mereka ini diambil data-data mereka ataupun ambil profil mereka supaya bila mereka masuk balik itu kita dah tahu bahawa mereka ini adalah PATI yang sudah datang ke Malaysia, nak balik tetapi ditangkap.

Ini musim raya ini Tuan Yang di-Pertua, lagi ramai yang nak balik. Jadi kita *pi* tangkap, masuk dalam penjara. Mereka dalam penjara ini pula bila ditemu duga Tuan Yang di-Pertua, mereka berkata mereka lebih suka tinggal di penjara di Malaysia. "Kami di Indonesia makan ubi kayu pak, di sini makan roti *Gardenia*." Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dibenarkan atas isu yang sama, PATI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan ada cadangan untuk merangka undang-undang, penambahbaikan dan sebagainya. Yang Berhormat Menteri mungkin lebih arif sebagai pemimpin kanan bahawa dasar-dasar dalam negeri mempunyai implikasi terhadap hubungan antarabangsa terutama sekali dengan tetangga. Dalam konteks ini Yang Berhormat Menteri, saya melihat dasar ataupun undang-undang sekarang yang ada suatu ketika sehingga boleh menghukum pekerja tanpa izin ini, di Indonesia panggil TKA, di sini PATI, kita boleh sebat dia.

Saya melihat pendekatan sebatan ini, kebetulan pernah juga ke penjara dan sebagainya, adalah satu perkara yang bagi saya akan memberi akibat yang sangat orang kata kesannya sampai ke dalam terutama sekali kalau kes-kes yang melibatkan ada kecurangan ejen dan sebagainya. Saya mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri apa salahnya memberi satu pendekatan yang lebih manusiawi di dalam mengendali, saya tidak mahu panggil pekerja asinglah, saya panggil pekerja tamu kerana mereka inilah tetamu-tetamu yang datang untuk membina negara kita.

Dalam rangka untuk memperbaiki, saya rasa dengan pendekatan biometrik yang kita ada, kita pun dah sebat tetapi hubungan tak ada peningkatan. Saya rasa apalah baik kiranya kalau Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan di bawah Kerajaan Malaysia baharu ini dengan Tun Mahathir dan juga Presiden Jokowi ini punya cita-cita untuk selesaikan banyak masalah kelapa sawit dan sebagainya, mencari jalan agar hukuman sebat ini bagi saya dikaji semula ataupun dibatalkan. Pada saya itu sangat tak manusiawi. Mohon penjelasan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Pertama, tentang pengusiran PATI ini memang satu perkara yang kita laksanakan sepanjang masa kerana kalau kita nak tahan mereka di pusat-pusat penahanan ini, tempat pun sudah tidak mencukupi kerana bilangan jumlahnya agak cukup besar sekali. Oleh sebab itu operasi ini dijalankan sepanjang masa.

Cuma yang disebutkan tadi bila mereka dah pulang, memang sepatutnya ada satu cara yang lebih tersusun bilamana sudah didaftarkan mereka ini dan mereka ini harus dihantar

pulang kerana mereka adalah pendatang tanpa izin. Maka, sewajarnya tidak ada lagi di tengah-tengah lautan dan sebagainya mereka ditangkap semula. Mungkin tidak ada bukti bahawa mereka ini sudah patut dikeluarkan dan itu jadi masalah dari segi pentadbiran. Ini akan saya teliti kalau ada laporan-laporan tertentu di mana perkara itu berlaku.

Soal yang kedua tentang hukuman. Ya, ada hukuman-hukuman yang telah pun ditetapkan dalam Akta Imigresen dan sebagainya kalau kesalahan-kesalahan itu telah terbukti dilakukan. Kalau nak dikatakan kemanusiaan, kita dah buat macam itu. Kalau nak kirakan hukuman, sejumlah besar yang telah ditahan hukumannya jauh lagi berat. Kalau hendak didenda, beribu-ribu ringgit *pak* tetapi *ngak bisa bayar*.

Jadi sebab itu dia minta kalau boleh kita lakukan secara yang agak lebih mudah. Ada yang pergi kedutaan sebagai contoh di Indonesia ataupun lain-lain kedutaan dan meminta supaya menerusi kedutaan kita izinkan untuk mereka keluar tetapi tidak dikenakan bebanan denda yang berat. Jadi itu ada kita pertimbangkan. Sekarang ini pun ada permohonan-permohonan untuk kita lakukan sebegitu supaya mempermudah bagi mereka yang sudah sedar bahawa keberadaan mereka di dalam negara ini adalah secara tidak sah apalagi waktu nak raya dan sebagainya itu maka mereka nak pulang. Maka memang cara-cara sebegitu kita pertimbangkan.

Cumanya kebimbangan kita ialah ada permasalahan. Bila kita ambil tindakan longgar atas dasar perikemanusiaan, maka ribuan yang datang masuk ke dalam negara kita. Bukan sahaja dilakukan sekali tetapi sepanjang masa dan ini menjadi satu bebanan besar bagi kita. Ada daftar yang tidak rasmi mengatakan sejumlah lebih satu juta pendatang tanpa izin dan dalam tempoh beberapa tahun yang lalu diadakan proses pemutihan ataupun istilahnya dalam bahasa Inggeris *amnesty* tetapi *amnesty* yang pertama dibuat tetapi tidak semua yang patut keluar, keluar kerana ada majikan yang masih fikir sesuai untuk menyimpan mereka kerana dikenakan ataupun dibayar gaji yang rendah.

Kemudian ada *amnesty* kedua. Saya ingat waktu saya jadi Timbalan Perdana Menteri yang juga bertanggungjawab tentang pekerja asing, saya tidak berapa bersetuju tetapi lama-lama terpaksa bersetuju kerana kata mereka kalau tidak dibuat begitu ramai lagi yang akan berada di sini dan mereka tidak akan keluar daripada tempat kerja mereka. Jadi sebab itu kita lakukan *amnesty* yang kedua. Akan tetapi kalau sepanjang masa kita buat begitu, maka kita berikan satu gambaran bahawa boleh datang ke Malaysia, tak apa kena tahan, tangkap, lepas itu diputihkan. Sebahagian mereka dulu bila diputihkan, dijadikan mereka pekerja dan diambil bekerja oleh majikan tempatan. Semua ini saya fikir satu pendekatan yang tidak berapa betul, jadi sudah pun kita perbetulkan.

Puan Asmak binti Husin: [Bangun]

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Maksud saya tadi kalau hukuman yang sedia ada itu kita kena ambil kira sebenarnya secara lebih serius. Kalau kita ringankan, maka ini yang sedang berlaku sekarang ini fasal kita ada perasaan timbang rasa. Jadi bila timbang rasa, orang sebelah sana tidak menimbang rasa *pak*.

Jadi apa yang berlaku mereka masih masuk dan mereka tidak dihukum apa-apa. Kalaupun dihukum sebatan seperti disebutkan tadi, mungkin kita boleh tengok sama ada wajar diteruskan tetapi maksud saya tadi kita perlu pandang berat. Saya lihat dalam tempoh yang beberapa tahun kebelakangan, kita mungkin ambil sikap yang agak lebih ringan dan itu memberikan satu mesej yang tidak baik bahawa kalau datang ke Malaysia pun tidak kena hukuman apa-apa. Kalau nak hukum sikit-sikit saja, lepas itu mereka boleh lepas pulang ke tanah air.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua kalau boleh dibenarkan ya. Saya lebih melihat kepada implikasi rejim undang-undang yang sedia ada sekarang. Adakah ia telah membawa hubungan Malaysia-Indonesia ini ke satu tahap yang lebih baik? Bagi saya tidak walaupun kita sebat, kita hantar balik, pada pandangan sayalah. Saya melihat keterobosan baru, sekiranya katakan hari ini di bawah dasar luar Malaysia dengan dasar dalam negeri, kita melihat bahawa isu ini ada lagi kaitan dengan persoalan saya tidak tahu korupsi kah, mungkin dari segi agensi dan sebagainya. Itu pun belum selesai.

Kemungkinan saya kebetulan pula Tuan Yang di-Pertua, kita tengok bagaimana kes-kes diadili di mahkamah-mahkamah. Kadang-kadang representasi kepada mereka yang ditahan ini pun tidak sewajarnya. Kadang-kadang dari segi kita panggil bantuan hukum kepada mereka yang ditahan. Kadang-kadang kita tengok kes-kes macam itu di Mahkamah Majistret ini kadang-kadang hanya diadili secara kita panggil rutin. Itu pun saya rasa, saya khuatir perlu diperbaiki. Cuma apabila ada cadangan mahkamah PATI dulu kan, yang khusus itu ada perubahan.

Apa yang ingin saya bercakap ialah dalam konteks mencari jalan hubungan baru dengan tetangga Malaysia-Indonesia ini di mana kita melihat kalau hukuman sebat itu pada pandangan – ini *feedback* yang saya dapat daripada rakan-rakan di sana, kadang-kadang ia dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ia bagi macam *sense of bitter*. Bila empat tahun datang, golok gadai datang, balik kena sebat. Jadi ada menimbulkan keresahan pimpinan di sana. Jadi saya melihat, mencari kebijakan di antara dua negara ini, sekiranya pada pandangan saya ianya dapat dipertimbangkan.

Apa yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua ialah hubungan Malaysia-Indonesia ini dulu kita tidak ada cikgu Matematik, orang Indonesia datang ajar, jadi cikgu di Malaysia. Ia bermula dengan satu hubungan yang memang sangat saling membantu. Jadi saya melihat

kalau kita tidak fikirkan dasar-dasar baru yang lebih bergerak ke depan, saya rasa dasar yang ada sekarang masih lagi di status quo itu sahaja. Ini sahaja mohon pertimbangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yusmadi, ya ingat lagi nama. Saya ambil perhatian tentang perkara itu tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam Manifesto Pakatan Harapan kalau Yang Berhormat masih ingat, antara perkara yang kita senaraikan itu ialah usaha untuk mengurangkan pekerja asing dan keduanya tindakan yang lebih tegas terhadap pendatang tanpa izin.

Jadi langkah-langkah ini sudah pun kita buat dahulu tetapi masih dianggap tidak berkesan lagi. Sama ada soal kerana kita nak adakan hubungan baik dengan Indonesia itu maka dengan Indonesia itu kita ada sikit perbezaan, saya tidak fikir itu satu perkara yang adil dalam konteks hubungan antarabangsa.

■1250

Saya percaya kita memahami tentang keperluan kita sendiri untuk membawa pekerja asing kerana di negara kita tidak mempunyai pekerja yang mencukupi tetapi kalau hendak dibuat, elok buat cara yang betul. Ikut saluran yang telah disediakan dengan cara yang sah bukan dengan melanggar undang-undang negara kita masuk tanpa izin lepas itu kita rayu. Lebih lagi Yang Berhormat Senator rayu supaya diringankan jangan dibuat hukuman. Saya bimbang kalau buat begitu selalu nanti bagi gambaran di sana, sekarang Malaysia agak lebih mudah dan lebih banyak masalah akan timbul bila di negara kita tetapi apa pun saya ambil perhatian dan kita akan kaji perkara itu, *insya-Allah...*

Puan Asmak binti Husin: Mohon celahan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon celahan Tuan Yang di-Pertua. Dia sebut nama saya tadi Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Memang saya mencadangkan supaya ada modul-modul baru dan ini masalah PATI yang berterusan.

Saya lihat di Kuwait umpamanya, kita hentikan kemasukan secara halal, secara sah dan mana-mana ditahan di dalam negara alasan Imigresen ialah kerana kos- menahan kos agak mahal, tidak ada peruntukan dan sebagainya.

Sesiapa yang telah ditahan di Semenyih, kita akan beritahu kepada majikan-majikan baharu siapa yang hendak ambil pekerja datang ke Semenyih dan bayar. Jadi ada *income* pada kerajaan dan dalam pada masa yang sama ada proses membetulkan yang salah tetapi hentikan kemasukan dahulu.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Itu juga satu perkara yang di Dewan Rakyat pun pernah bangkitkan dia kata, "Daripada hantar mereka balik, baik kita sahkan mereka kehadiran di sini dan dengan cara begitu maka majikan-majikan boleh mengambil..." Perkara ini pernah dilakukan sebelum daripada itu tetapi sebagaimana yang saya sebutkan

tadi ia memberikan satu gambaran yang tidak berapa betul bahawa walaupun mereka datang secara haram, fasal yang datang secara halal pun banyak.

Kita tahu bilangannya ratusan ribu walaupun tidak juta tetapi yang masuk secara haram itu saya fikir tidak boleh kita pandang ringan. Sebab itu pada masa lalu ada perkara itu dilakukan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, "*Okeylah biarlah mereka tidak payah balik, kita putihkan mereka* " Walaupun kulitnya masih sawo matang *pak* tetapi diputihkan mereka supaya mereka tidak payah pulang dan bekerja. Jadi itu bagi sedikit satu gambaran bagi sayalah sebagai Menteri yang bertanggungjawab tidak berapa tepat.

Ini kerana hendak menguruskan pekerja yang agak teratur itu pun jadi satu masalah. Keduanya, kemasukan tanpa izin ini sampai hari ini macam sukar untuk kita kawal. Sebab itu bila saya jelaskan dalam ucapan saya tadi iaitu pelan penguatkuasaan PATI secara komprehensif bermakna dengan tindakan Jabatan Imigresen saja tidak memadai. Kita perlu satu pendekatan yang lebih holistik yang melibatkan masyarakat keseluruhannya kerana kalau mereka hendak datang secara haram, di mana mereka turun. Kalau saya tahu waktu di Johor banyak ia punya tempat-tempat yang kata kemasukan yang dibuat secara haram, ada kepala-kepala sindiket yang menyambut, naik kenderaan, pergi ke tempat simpan mereka. Ini masalah-masalah yang menyebabkan akhirnya kita dapati sukar untuk kita kawal.

Jadi sebab itu saya terpaksa ambil satu tindakan yang agak lebih tegas sikit daripada yang dahulu untuk hendak mengatasi masalah ini. Pelan ini akan kita kemukakan pada pihak kerajaan negeri untuk dapat kerjasama daripada pimpinan masyarakat seperti Tok Penghulu, Ketua Kampung dan pelbagai-bagai lagi supaya operasi untuk menangkap pendatang tanpa izin ataupun mencegah daripada kemasukan haram ke dalam negara itu dapat kita lakukan dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Puan Asmak binti Husin: Mohon celahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri kerana sudi menziarahi kami di sini. Saya ingin bercerita sedikitlah pengalaman sebagai ibu-ibu yang mempunyai pembantu rumah khususnya daripada Indonesia. Kebanyakan juga daripada ibu-ibu ini berpandangan lebih baik kita memiliki pembantu rumah tanpa izin daripada yang mempunyai dokumen yang sah.

Ini kerana apabila pembantu rumah daripada Indonesia ini mempunyai dokumen yang sah, mereka akan bebas keluar masuk dan mereka akan belajar banyak perkara dan panjang akal. Jadi kalau tidak ada dokumen yang sah, mereka akan duduk di rumah dan lebih selamat untuk kita jaga mereka... [*Dewan ketawa*] Itu adalah realiti yang berlaku pada hari ini dan disebarkan di kalangan ibu-ibulah seperti saya yang mempunyai pembantu rumah. Akan tetapi perkara ini tidak berlaku di kalangan pembantu rumah daripada Filipina.

Kami para ibu sanggup bayar Filipina walaupun harga dia sekarang ini USD400, dia pakai USD sebulan kerana mereka profesional. Kalau kita katakanlah, kalau pembantu

Indonesia ini lari kami berpandangan dan kalau dia ada dokumen yang sah, dia boleh bebas menggunakan dokumen tersebut dan kita majikan yang kena bayar kalau dia lari. Jadi sebab itu rata-rata berpandangan lebih baik tidak payah ada dokumen lebih selamat dan lebih harmoni untuk keluarga kita. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Pandangan saya sebagai Menteri cara itu tidak betullah [*Ketawa*] Fasal Yang Berhormat sini orang kata *legislator* kan yang sudah meluluskan semua undang-undang itu pun, saya yang menjadi Menteri kena buat kerja. Kalau tidak kerja pun, dalam Dewan juga ada yang hentam saya mengatakan kenapa tidak ikut undang-undang. Maksud saya tadi ialah saya faham, itu saya pun ada isteri di rumah dan ada juga pekerja Indonesia di rumah. *Complaint* bukan sedikit, banyak cabut lari, sindiket tidak ikut peraturan dan macam-macam lagilah tetapi masih berterusan tetapi ambil secara betul. Bila ambil secara betul itu bayarannya agak lebih besar. Saya dengar ribuan dia *complaint*, kerja enam bulan cabut lari. Ini lumrah di kalangan suri rumah tangga akan menghadapi masalah pekerja untuk membantu mereka.

Akan tetapi apa pun ialah soal pokok tadi kalaulah dengan sebab itu mereka lagi selesa, saya fikir tidak begitu betul caranya. Ini soal budayalah- saya tidak tahulah mungkin yang datang daripada Filipina itu dia tahu dia mesti ikut undang-undang. Dia agak sudah terdidik lebih baik sikit, jadi dia patuh dengan itu dan itu memudahkan urusan kita. Akan tetapi yang datang daripada Indonesia mungkin kurang terdidik sikit ataupun mungkin masuk ke dalam negara secara menyeludup.

Ada sindiket yang bawa dan merekalah yang mengaut wang yang banyak maka ditempatkanlah di rumah Yang Berhormat Senator, rumah siapakah di sana dan akhirnya kita kata cara ini lebih mudah. Ia mungkin secara praktikalnya mudah tetapi pasti itu menyalahi undang-undang dan peraturan. Saya fikir elok kita cari jalanlah- saya faham tadi bagaimana hendak mencari kompromi supaya kita patuh undang-undang dan yang bekerja dengan kita juga tidaklah melanggar undang-undang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ini berkenaan dengan kewarganegaraan dan pendaftaran. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob Sapari telah mencadangkan supaya kementerian memperkenalkan kad pengenalan baharu untuk mendaftarkan anak-anak yang lahir di negara ini hasil daripada perkahwinan campur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk memperkenalkan kad pengenalan baharu bagi kanak-kanak yang lahir di Malaysia hasil daripada perkahwinan campur seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai permohonan kewarganegaraan...

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Suami, ya.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya bangkitkan *stateless community*. Di Semenanjung anak-anak Rohingya yang mereka lahir di sini, *parents* daripada United Nations dan bertaburan ramai di negeri Selangor. Di Sabah dan Sarawak juga begitu, saya difahamkan jumlahnya ramai tetapi kerajaan tidak ada data tentang mereka dan mereka tidak hendak keluar daripada negara ini sebab dilahirkan di sini. Jadi cadangkan apakah penyelesaiannya. Ataupun kad baharu itu cadangan tetapi apakah penyelesaian pada mereka. Kalau dibiarkan mereka di sini akan menjadi satu masyarakat baharu yang tidak beridentiti tetapi berada di negara ini.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Sekiranya ini ada kaitan dengan UNHCR, saya pun ada ketetapan untuk mengadakan mesyuarat dengan *Commissioner United Nations* yang berada di sini untuk membincangkan masalah pada pendatang ataupun mereka-mereka yang datang di sini sebagai pelarian dan sebagainya itu.

Untuk itu setakat hari ini sudah ada satu sistem pendaftaran dan kad itu dikeluarkan oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) tadi. Walaupun kita tidak *subscribe* pada konvensyen *refugee* tetapi itu juga atas dasar perikemanusiaan. Kita layan mereka dan sebagainya itu. Akan tetapi saya ambil perhatian Yang Berhormat kalau kita bincang nanti sama ada adakah wajar mengikut undang-undang kita dan juga pertubuhan UNHCR, satu kad yang agak berbeza dapat kita keluarkan. Bukan saja pada ibu bapa tetapi kanak-kanak yang terbabit. Ini saya kena teliti dan kaji dengan pihak Jabatan Imigresen dan undang-undang yang sedia ada, *insya-Allah*.

Dr. Yaakob bin Sapari: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlarutan di Sabah seperti ramai anak-anak di Sabah yang tidak mempunyai identiti, jadi soal pendidikan dan sebagainya. Apa penyelesaian kerajaan?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Itu sejak sudah bertahun lamanya perkara itu bukan tidak dapat diselesaikan tetapi kerana kes itu agak istimewa umpama waktu zaman macam orang di Sabah atau Sarawak taulah ada pelarian daripada Filipina datang, selepas itu bermastautin di sana. Selepas itu mereka tidak hendak pulang macam PATI yang kita sebut dekat sini, lepas itu berkahwin, anak-beranak. Sudah jadi dua ke tiga generasi. Masalah ini bukan mudah hendak diselesaikan ia isu *stateless children* ataupun mereka ini yang tidak dikata ada mana negeri itu masih jadi isu besar bagi kita.

Untuk di Sabah saya ada satu jawatankuasa bersama dengan kerajaan negeri yang di sebelah saya, saya akan jadi pengerusi dan di sana ialah Ketua Menteri. Kita telah bersetuju hari itu hendak mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hal-hal seperti ini termasuklah isu *stateless* yang disebutkan tadi dalam pelbagai isu yang lain. Jadi kita pun tidak dapat lagi satu gambaran cara bagaimana hendak menyelesaikan. Hal ini ada kaitan dengan Perlembagaan Negara, ada kaitan dengan undang-undang Imigresen dan macam-macam isu

yang agak kompleks. Hendak jawab sekali gus pun begitu susah kita hendak ikut tetapi kita kena teliti *case-by-case* macam mana cara kita hendak mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Ramai Yang Berhormat kita yang hendak bertanya saya rasa sebab Menteri pun baru datang. Nanti kalau pendek lagi saya bagi lima minit, kalau tidak saya minta ditangguhkan. Kita sambung pada pukul 2.30 *karang*. Mana Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya ada lebih kurang dekat lapan muka lagi Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Jadi banyak, jadi kita jangan lepaskan peluang ini. Jadi kita Yang Berhormat dapat sambung selepas ini. Jadi Ahli Yang Berhormat jam sudah satu lebih. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan ini dan sambung semula jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

▪ 1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Minta Yang Berhormat Menteri sambung. Sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan kewarganegaraan suami warganegara asing kepada isteri warganegara Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad dan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook, setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh kementerian akan diproses dengan teliti untuk memastikan setiap permohonan memenuhi syarat-syarat dan peruntukan yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* dan perundangan yang berkuat kuasa.

Permohonan kewarganegaraan oleh suami bertaraf bukan warganegara kepada isteri bertaraf warganegara Malaysia adalah melalui naturalisasi di bawah Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, pertimbangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada prosedur operasi standard yang diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship*

Rules 1964 iaitu memenuhi tempoh permastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) selama 12 tahun.

Manakala bagi penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) yang berumur 60 tahun dan ke atas, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan tanpa mengira kaum secara berperingkat dan akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* dan perundangan yang berkuat kuasa.

Mengenai isu kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri di negeri Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Ini selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules 1964*. Taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung dan status perkahwinan yang sah mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa sewaktu kelahiran berlaku.

Berhubung tindakan kementerian ke atas dakwaan terdapat 500,000 orang penduduk di negeri Sabah yang tidak memiliki kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula daripada tahun 1990 sehingga 18 April 2019 ialah seramai 581,085 orang.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin telah meminta Kementerian Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah untuk membantu rakyat Sabah yang mempunyai kesukaran untuk mendaftar di Jabatan Pendaftaran Negara...

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan kewarganegaraan. Saya pohon khasnya untuk masyarakat India, saya memohon supaya- ini cadanganlah- kerajaan permudahkan lagi proses untuk meluluskan taraf warganegara kepada mereka yang terdiri daripada golongan warga tua yang agak malang dan sudah lama berada di negara ini tanpa menikmati kemudahan sebagai rakyat Malaysia. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberikan satu kelulusan khas pada bulan

Ogos 2018 tetapi saya mohon supaya mempermudah proses meluluskan taraf warganegara. Terima kasih.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan *stateless Indian* yang mana sebelum ini ramai pemimpin khususnya Ahli Parlimen mengatakan lebih kurang 300,000 *Indian stateless*. Jadi saya hendak tahu, berapakah angka yang sebenar dan berapa ramai yang telah diberi dalam 11 bulan ini yang sudah *settle* isu *stateless*, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat yang pertama tadi, sebenarnya saya telah jelaskan di sini bahawa kita sudah pun mengambil tindakan dan telah pun kita laksanakan iaitu memberi kewarganegaraan kepada mereka yang sudah lama berada di negara kita, lebih 60 tahun usia mereka dan ke atas. Sebahagian besar itu daripada warga India.

Kalau tidak silap saya, sehingga bulan lepas, lebih 1,600 yang sudah pun kita berikan sijil kewarganegaraan. Saya sendiri pun sudah menyampaikan sebahagian daripadanya. Ini adalah satu jumlah yang agak besar. Yang berbaki, kalau tidak silap saya, tidak sampai 3,000. Ada pihak yang mengatakan jumlahnya besar. *It is not true*. Saya minta *check* balik daripada kawan-kawan kita daripada Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat pun mereka tidak dapat hendak menjelaskan. So, dari sudut itu, langkah dan tindakan sudah pun kita ambil untuk mengatasi masalah tadi.

Soal yang kedua, isu *stateless*, memang satu isu yang kita telah sebutkan awal tadi satu masalah tentang mereka tinggal sudah lama di sini dan tidak ada dokumen-dokumen yang betul. Kalau adapun mungkin sijil kelahiran sahaja. Oleh kerana ini sudah berlaku untuk sekian lama pada peringkat awal dahulu mungkin ibu bapa mereka datang daripada luar macam daripada Filipina, daripada luar negara dan selepas itu sudah meninggal dunia, sudah berkahwin dan sebagainya.

■1440

Jadi, masalah ini agak terlalu kompleks untuk saya jelaskan dengan mudah bahawa mereka ini boleh diberikan kad pengenalan merah ataupun sijil kewarganegaraan dan sebagainya. Kita kena teliti satu persatu bagaimana yang saya jelaskan tadi mengikut peruntukan dalam Perlembagaan dan juga *citizenship rules* yang sedia ada. Jadi, bagaimana yang saya sebutkan tadi, perkara ini kalau khususnya di Sabah kita akan bincangkan dengan Ketua Menteri dan wakil daripada pihak kerajaan negeri di sana. Kalau di sini, termasuk di Sarawak kita telah wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang boleh mereka salurkan, Ahli Yang Berhormat pun boleh membantu dengan menyalurkan kes-kes tertentu dan kita akan teliti setiap kes itu di atas merit masing-masing...

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Mohon mencadangkan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan. Cuma saya dalam perbincangan ada juga menyentuh berkenaan dengan bagaimanakah, mohon penjelasan kerajaan berkenaan dengan kaum wanita yang berkahwin dengan warga asing dengan suami yang berwarganegara lain dan juga melahirkan anak di negara tersebut tetapi tidak sempat berdaftar di kementerian. Ini kerana saya ada berjumpa dengan individu, kawan saya sendiri yang berkahwin dengan warganegara Britain tetapi melahirkan anak di Australia yang tak sempat mendaftarkan anaknya di Kedutaan Australia tetapi balik ke Malaysia. Sekarang ini anaknya telah pun berumur lima tahun dan pernah memohon kewarganegaraan tetapi sehingga sekarang masih belum mendapat warganegara.

So, sekarang ini beliau terpaksa berulang alik setiap tiga bulan dia terpaksa ke luar negara untuk cop sebab anaknya memegang pasport bukan pasport di dalam negaralah maknanya, maka mohon penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimanakah cara boleh memudahkan seorang ibu ini untuk mengendalikan anak yang bapanya warganegara bukan Malaysia. Tidak sempat berdaftar di kedutaan apabila melahirkan anak tersebut di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang perkara itu ada berlaku saya tak pasti bilangan yang ramai tetapi bila peraturan telah menetapkan bila seorang warganegara macam kes di sini ialah ibunya adalah warganegara dan bapanya mungkin warganegara asing. Lahirnya di luar negara peraturan yang sedia ada ialah mereka harus mendaftarkan kelahiran itu di pejabat di kedutaan dan itu akan menjadikan ia satu dokumen yang penting yang nanti akan di terima oleh Jabatan Pendaftaran untuk diproses. Jadi jawapan saya ringkas sahaja, bila mereka sudah membuat permohonan dan syarat-syarat lain bukan itu sahaja dapat dipenuhi maka kalau mereka itu sewajarnya layak menjadi warganegara maka mereka harus diberikan sijil kewarganegaraan.

Saya telah mengeluarkan arahan di peringkat kementerian bahawa kalau nyata mengikut fasal tertentu di dalam Perlembagaan, mereka ini layak untuk menjadi warganegara kita harus permudahkan. Ini kerana dalam kes-kes yang lepas ada juga yang ditolak kerana dokumennya tidak lengkap. Dalam satu mesyuarat khas yang telah saya adakan di kementerian baru-baru ini, saya telah meminta supaya pegawai meneliti tentang *standard operating procedure* yang diguna pakai dan lepas itu diperjelaskan kepada pihak-pihak yang terbabit supaya ia patuh semua sekali kehendak-kehendak tadi.

Jadi kalau dia boleh berbuat begitu maka proses untuk menimbangkan permohonan itu dapat kita segerakan ya.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Mohon laluan Yang Berhormat Menteri, ingin penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan proses untuk memberikan dokumen. Ini sebab masalah utama kanak-kanak di jalanan ini banyak sekali di Sabah khasnya di kawasan Pantai Timur Sabah seperti Sandakan, Tawau dan sebagainya. Akan tetapi saya menerima baik jawapan tadi bahawa kelahiran itu tidak memberikan kewarganegaraan secara automatik tetapi apa yang menjadi masalah kita di Sabah adalah proses untuk memberikan mereka sekurang-kurangnya satu dokumen untuk membolehkan anak-anak ini mendapat pendidikan, sementara kerajaan mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Jadi, saya ingin bertanya adakah terdapat kerjasama daripada agensi luar seperti UNICEF ataupun UNHCR dengan kementerian untuk mencari jalan terbaik sebagai *interim action* dengan izin, untuk memastikan bahawa kanak-kanak ini tidak *they don't end up on the streets*. Itu sahaja, terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya, itu satu daripada isu yang berbangkit ialah dalam keadaan di mana status mereka ini tidak pasti lagi lebih lagi kalau dikatakan *stateless*, tetapi yang berbangkit ialah isu tentang soal pendidikan. Kalau ikut Konvensyen UNESCO yang mengatakan bahawa setiap anak-anak itu mesti diberikan ruang dan peluang untuk belajar, fasal kalau tidak nanti membesar esok tidak ada ilmu pengetahuan menjadi masalah kepada negara. Jadi atas dasar itu bermakna kita tidak ada sekatan untuk mereka mempelajari di mana-mana cuma bila masuk ke sekolah kerajaan itu terserah kepada Kementerian Pendidikan, boleh tak dia tampung mereka ini untuk belajar hanya dengan dokumen yang *limited* yang terbatas yang ada tadi.

Atau kalau ada disediakan seperti yang saya tahu di Sabah beberapa institusi NGO, kalau tak silap satu daripadanya *Humana Organization* di mana dia bangunkan sekolah tetapi mengikut kurikulum mereka. Kalau pihak Indonesia sebagai contoh ialah itu warga asing juga anak-anak asing mereka mendirikan sekolah-sekolah mengikut kurikulum daripada Indonesia. Jadi, kalau sekolah-sekolah sebegini bersedia untuk menerima anak-anak ini untuk belajar di situ maka bagi kita tidak ada halangan.

Cumanya sama ada mereka ini boleh ditempatkan di sekolah-sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan, saya tak dapat hendak jelaskan. Itu mungkin Kementerian Pendidikan boleh memberikan perhatian kepada perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin saya sebutkan tadi meminta supaya Kementerian Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah untuk membantu rakyat Sabah yang mempunyai kesukaran untuk mendaftar di Jabatan

Pendaftaran Negara akibat masalah geografi tempat tinggal, lokasi yang jauh serta kurang pengetahuan mengenai undang-undang berkenaan pendaftaran kelahiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah proaktif dengan memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar melalui inisiatif berterusan seperti perkhidmatan menerusi Program Turun Padang- *Outreach* yang dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Unit Mobile dan Bas Mobil. Menerusi inisiatif ini pelbagai perkhidmatan disediakan termasuk khidmat nasihat berkaitan pendaftaran kad pengenalan dan kelahiran serta kematian.

Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2013 hingga 24 April 2019, jumlah program yang berjaya dilaksanakan di negeri Sabah adalah sebanyak 765 program yang telah merekodkan sebanyak 11,325 permohonan dan 3,622 khidmat nasihat dalam pelbagai perkara. Saya ingin juga menambah bahawa untuk membolehkan pendaftaran itu dilakukan dengan seberapa segera, maka pimpinan masyarakat ketua rumah panjang dan sebagainya diberikan satu peranan untuk membantu supaya kalau di situ terdapat kelahiran maka ibu bapa mungkin tidak mengetahui tentang cara bagaimana hendak menguruskan, maka ketua rumah panjang atau ketua masyarakat boleh membantu. Jabatan Pendaftaran bersedia untuk menerima apa-apa sahaja yang datang daripada mereka untuk mendaftarkan anak-anak yang terbit tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen telah mencadangkan supaya kementerian menimbang semula penempatan polis pelancong dan pondok polis di sekitar Kuala Lumpur atau tempat-tempat lain yang difikirkan wajar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan Unit Polis Pelancong dan pada masa ini Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur mempunyai kekuatan seramai 116 anggota yang ditugaskan di kawasan tumpuan pelancong bagi memberikan perkhidmatan kepolisian dan pencegahan jenayah di kawasan tersebut.

Ini juga tadi dalam perbincangan dengan pegawai saya telah jelaskan mungkin bilangan itu tidaklah besar. 116 orang dan dia bekerja bergilir-gilir. Jadi saya pun sedar apabila turun ke Kuala Lumpur tak nampak pun orang berpakaian berbeza sikit daripada polis biasa yang menjadi polis pelancong. Mungkin dengan sebab itu, kurang berkesan. Saya sudah minta supaya dikaji semula kedudukan itu dan kalau dianggap ini satu langkah yang penting untuk meningkatkan rasa selamat di kalangan pelancong, maka wajar kita tingkatkan lagi tenaga dan tempat-tempat yang harus ditempatkan polis pelancong ini.

■1450

Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind meminta kementerian memperkukuhkan lagi tahap keselamatan dan kesiap siagaan untuk menghadapi ancaman

keselamatan di Sabah secara lebih berkesan khususnya di sempadan perairan antara Sabah dan Filipina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ESSCOM sebagai peneraju dan penggerak agensi keselamatan sentiasa berusaha dan mengambil pelbagai inisiatif dalam menghadapi ancaman keselamatan di Sabah. Ini termasuk meningkatkan kelengkapan peralatan-peralatan aset dan teknologi. Kementerian juga sedang merancang penambahan pos-pos keselamatan baharu untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan pertahanan di kawasan ESSZONE. Ini termasuklah Pulau Ligitan di Semporna, Kuala Sungai Mana Lanun, dan Kuala Meruap di Kinabatangan dan Sungai Menggaris di Kalabakan.

Selain itu, ESSCOM dan PDRM dengan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa yang lain telah memperhebatkan operasi-operasi seperti OPS Bersepadu, OPS Gasak, OPS Taktikal untuk menangani sasaran tertentu khususnya pintu-pintu masuk haram dan pihak ESSCOM juga turut mengadakan operasi yang melibatkan pelbagai agensi penguat kuasa di ESSZONE pada setiap hari.

Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip hendak minta penjelasan kementerian berkenaan dengan tempoh masa untuk mendapatkan keputusan sampel air kencing anak Menteri berhubung isu dadah baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia mempunyai *standard operating procedure* dan arahan pentadbiran yang khusus dalam pengendalian pengambilan sampel urin terhadap individu yang disyaki positif dadah. Arahan berkenaan seperti yang terkandung dalam perintah tetap Ketua Polis Negara, Bahagian F103 (Tatacara Pengambilan Air Kencing) dan penguatkuasaannya di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 [Akta 284], dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Bagi kes anak Menteri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat laporan kimia individu tersebut telah diperolehi dalam tempoh dua minggu dan tarikh ditahan iaitu pada 16 Januari 2019.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad meminta kementerian memberikan siasatan terhadap laporan polis ke atas Timbalan Menteri yang telah menyalahgunakan aset Jabatan Perhutanan Negeri Pahang semasa PRK Cameron Highlands. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah menerima satu laporan polis berhubung kes ini pada 21 Januari 2019. Berdasarkan laporan tersebut siasatan telah dijalankan dan dirujuk pada Timbalan Pendakwa Raya yang memutuskan agar laporan tersebut dirujuk pada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk tindakan lanjut.

Berhubung dengan langkah-langkah untuk menangani gejala ekstremisme, selain daripada tindakan undang-undang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, pihak polis telah mengambil pelbagai tindakan. Ini termasuk meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara, meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi seperti penubuhan *Counter-Messaging Centre* untuk

memantau kandungan laman-laman web dan media sosial yang mempunyai unsur keganasan, mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas dan melaksanakan tapisan ke atas kemasukan penceramah asing untuk memastikan tiada penceramah yang berfahaman radikal dan ekstrem terlepas atau bebas menyampaikan ideologi mereka di negara ini.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid bertanya mengenai langkah kementerian untuk menjamin tidak berlakunya layanan *double standard* terhadap pesalah-pesalah yang mempunyai reputasi yang berbeza. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis tidak pernah mengamalkan amalan *double standard* dalam penguatkuasaan undang-undang ke atas mana-mana pihak ataupun individu. Siasatan dan pendakwaan yang dijalankan oleh pihak polis adalah telus dan tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang. Segala tindakan adalah berlandaskan undang-undang sedia ada dengan nasihat atau rujukan daripada pihak Jabatan Peguam Negara.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga bertanya mengenai bentuk tindakan tatatertib yang boleh diambil ke atas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut Perlembagaan Malaysia Akta SPR dan tata kelola penjawat awam yang ditakrifkan dalam kanun keseksaan berhubung tuduhan ke atas rakyat Kelantan sebagai kaki kelab malam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah membuat semakan berhubung isu ini dan mendapati sehingga kini tiada laporan polis yang diterima mengenainya.

Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, dan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah bertanya mengenai tindakan yang telah diambil oleh kementerian terhadap penuluran kes-kes penghinaan kepada Institusi Raja dan agama Islam di media sosial. Pihak kementerian memang memandang serius kes-kes seperti ini. Secara keseluruhannya sejak tahun 2012 sehingga 20 April 2019, pihak Polis Diraja Malaysia telah menyiasat 98 kes pembuli media sosial yang menghina Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong. Daripada jumlah tersebut, sembilan orang individu telah dituduh di mahkamah dan bagi kes penghinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW dalam tempoh yang sama sebanyak 76 kes telah disiasat dan daripada jumlah tersebut, 12 orang individu telah dituduh di mahkamah.

Di samping itu, pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas pihak pemilik akaun *Facebook* Sabah Sarawak Merdeka yang mengandungi *posting* yang menghina Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setakat 22 April 2019, sebanyak 274 laporan polis telah dibuat berkaitan dengan *posting* ini. Pihak polis telah merakam percakapan 40 orang saksi berhubung dengan kes ini. Kes ini masih lagi dalam siasatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin meminta supaya kementerian menyatakan bilangan kes jenayah komersial dan pengubahan wang haram. Pembiayaan aktiviti keganasan dan hasil aktiviti haram yang dilaporkan dan disiasat oleh PDRM pada tahun 2018 dan tahun 2019 serta kerjasama strategik PDRM dan Interpol berkenaan kes-kes tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod untuk tahun 2018, pihak polis telah menyiasat sebanyak 25,559 kes yang melibatkan jenayah komersial. Sebanyak 124 kes jenayah pengubahan wang haram dan tiga kes jenayah berkaitan pembiayaan keganasan.

Manakala bagi tahun 2019 pula, iaitu setakat bulan Mac 2019, sebanyak 6,291 kes merupakan jenayah komersial, 37 kes melibatkan jenayah pengubahan wang haram, manakala tiada kes jenayah berkaitan pembiayaan keganasan. PDRM telah mempergiatkan usaha untuk memastikan pesalah-pesalah jenayah komersial yang berada di luar negara ataupun luar Malaysia dapat dikesan dan ditangkap menerusi permohonan *Red Notice* pada pihak Interpol. Proses ekstradisi akan dimulakan sekiranya terdapat mana-mana negara ahli Interpol yang berjaya membuat tangkapan ke atas subjek yang berkenaan.

Mengenai status terkini dan kos pencarian individu yang terlibat dengan penyelewengan 1MDB seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Pertuduhan jenayah telah difailkan terhadap Jho Low di bawah kanun keseksaan pada 24 Ogos 2018 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 pada 4 Disember 2018.

■1500

PDRM masih berusaha untuk mengesan suspek dengan pelbagai cara termasuk melalui bantuan daripada pihak agensi penguat kuasa luar negara. Permohonan untuk memasukkan suspek dalam *Red Notice* INTERPOL telah pun diterima oleh pihak INTERPOL pada 11 Jun 2018 dan Kementerian Dalam Negeri tidak dapat menentukan jumlah sebenar kos yang ditanggung sehingga kini kerana kes ini melibatkan pelbagai jabatan dan kementerian.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh dan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong bertanya mengenai tindakan kementerian terhadap laporan SUHAKAM mengenai kehilangan secara paksa ataupun *enforce disappearance* Amri Che Mat, Joshua Hilmy, Ruth Hilmy dan Pastor Raymond. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah menerima laporan pendengaran siasatan awam SUHAKAM kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat pada 8 April 2019.

Lanjutan itu, KDN telah menimbang syor-syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM. Walau bagaimanapun, memandangkan kes Pastor Raymond Koh sedang dibicarakan di mahkamah menurut Peraturan Mesyuarat 22(1)(g) dan Peraturan 35 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, perkara ini tidak boleh dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Berhubung dengan status terkini siasatan terhadap sekumpulan peserta perarakan LGBT semasa Hari Wanita yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, pihak PDRM telah menjalankan siasatan di bawah seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berdasarkan laporan yang diterima di IPD Dang Wangi. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan telah diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut atau NFA.

Mengenai status terkini siasatan terhadap laporan yang telah dibuat oleh SPRM kepada PDRM ke atas seorang Menteri Kabinet berhubung kes Projek Terowong di Pulau Pinang, siasatan telah dijalankan pada 28 Februari 2019 di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan. Memandangkan kes ini masih dalam siasatan pihak polis, saya tidak bercadang untuk mendedahkan dengan lebih lanjut berhubung dengan siasatan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara yang berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman awam dan kemakmuran negara. KDN akan terus komited untuk memelihara keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat yang menjadi teras keutamaan kementerian ini. Boleh saya pantun?

*Pergi memburu si anak rusa;
Lari sembunyi di dalam gua;
Segala yang baik dari Yang Maha Esa;
Yang kurang harap dimaafkan jua... [Tepuk]*

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih atas pantun yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri kita tadi. Ada budaya Melayu ya. Kita telah dengar ucapan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin lengkap tanpa banyak soal ya dan sekali lagi Yang Berhormat Menteri terima kasih banyak dan kami rasa dihormati kerana Menteri sendiri hadir. Terima kasih sekali lagi... [Tepuk]

Sekarang saya jemput juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, dipersilakan.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu

mengucapkan terima kasih kepada 16 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh enam kluster utama yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Kluster yang pertama ialah peluang pekerjaan dan hak pekerja. Saya tidak perlu sebutlah, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, nama-nama Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu ini, peluang pekerjaan. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada Februari 2019 kekal pada 3.3 peratus daripada 15.54 juta orang guna tenaga negara berbanding kadar pengangguran pada tempoh yang sama, kekal 3.3 peratus pada Februari 2018. Statistik mencatatkan seramai 516,400 orang penganggur pada Februari 2019 berbanding seramai 508,500 orang pada Februari 2018.

Pada amnya terdapat tiga keadaan pengangguran utama iaitu pengangguran belia dan siswazah baharu menyertai pasaran buruh, terdiri daripada lepasan institusi pengajian yang baharu menamatkan pengajian. Pengangguran yang disebabkan pemberhentian atau penutupan syarikat dan pengangguran bukan berpunca tidak memperoleh pekerjaan tetapi sedang mencari peningkatan kerjaya dan gaji yang lebih lumayan. Tempoh untuk mereka mendapat pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara kita ini.

Kadar pengangguran belia lebih tiga kali kadar pengangguran global iaitu pada kadar 13.2 peratus pada tahun 2013. Kadar ini kekal tinggi pada 13.1 peratus pada tahun 2016 manakala kadar pada tahun 2018 merekodkan penurunan kepada 10.7 peratus. Bagi graduan serta kumpulan berpendidikan lain-lain, peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan adalah proses yang mencapai padanan pekerjaan yang sesuai.

Kementerian Sumber Manusia telah menaik taraf sistem portal pekerjaan, *JobsMalaysia* 2.0 di bawah projek pembangunan dalam RMKe-11. Pembangunan sistem pepadanan pekerjaan secara atas talian ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan ke seluruh negara serta sebagai hab utama pepadanan pekerjaan gerbang kerjaya di sektor awam dan swasta. Capaian portal baharu itu boleh menampung sehingga 19 juta pengguna berdaftar dan mampu mengendalikan 40,000 capaian serentak pada satu-satu masa dan juga dilengkapi dengan ciri ujian minat kerjaya berasaskan psikometrik sebagai panduan kepada pemohon dalam menentukan kerjaya.

JobsMalaysia 2.0 menampilkan ciri pepadanan automatik dan memberikan syor berkenaan peluang pekerjaan yang sesuai serta tawaran itu di e-mel terus kepada calon. Sistem baru ini menggunakan data *geospatial* bagi mencari pekerjaan merentasi pemetaan geografi mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen secara visual dan instruktif yang dipantau oleh pegawai-pegawai jabatan di *Command Centre Jobs*, Cyberjaya

akan memudahkan pencari kerja yang mahu mendapat pekerjaan di kawasan tempat tinggalnya atau di kawasan-kawasan yang lain.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga melaksanakan pelbagai program untuk membantu pencari kerja yang tamat pengajian atau pencari kerja yang telah bekerja atau telah ada pengalaman kerja yang ingin bekerja dengan kategori pekerjaan dan meningkatkan kerjaya. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran karnival pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun bagi memudahkan pencari untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan melalui program-program seperti berikut iaitu:

- (i) penempatan melalui *JobsMalaysia*;
- (ii) karnival kerjaya;
- (iii) *client account*;
- (iv) temu duga terbuka;
- (v) kerjasama antara agensi;
- (vi) *holiday placement for student*;
- (vii) penyesuaian kerjaya;
- (viii) kembara kerjaya;
- (ix) penempatan dengan kerjasama agensi pekerjaan swasta; dan
- (x) penempatan golongan khas.

Perkhidmatan ini juga telah diperluaskan melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2019, Panduan Urusan Pengambilan Tenaga Kerja menerusi penggunaan portal *JobsMalaysia* turut dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk memberikan panduan mengenai penggunaan portal *JobsMalaysia* sebagai saluran utama bagi pengambilan tenaga kerja di agensi-agensi kerajaan. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama bersama dengan *Sabah Employers Association*, *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)* melalui *Malaysian Investment Development Authorities (MIDA)* cawangan Sabah dan beberapa pihak industri khususnya bagi golongan siswazah untuk mendapatkan penempatan.

Pembukaan sektor industri yang berorientasikan perkhidmatan profesional, perkilangan, minyak dan gas dalam perniagaan peruncitan dan industri perhotelan serta lain-lain industri telah membantu memberikan peluang pekerjaan kepada warganegara. Manakala JTK Sarawak juga menganjurkan Program Karnival Kerjaya sepanjang tahun di beberapa bahagian, daerah seluruh negeri Sarawak.

■1510

Aktiviti utama yang dijalankan semasa penganjuran program karnival kerjaya ialah temu duga terbuka. Para majikan tempatan daripada bahagian-bahagian lain seluruh

Sarawak serta majikan daripada Semenanjung akan dijemput untuk menyertai program ini untuk menjalankan temu duga terbuka bagi pencari-pencari kerja yang hadir. Berdasarkan kepada statistik portal *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) pada tahun 2018 sebanyak 93,171 kekosongan aktif yang didaftarkan terhadap pelbagai kategori pekerjaan. Pada tahun 2018, pihak jabatan telah melakukan penempatan pekerjaan atau *job placement*. Seramai 168,677 orang iaitu 98.1 peratus orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan termasuk mengisi kekosongan aktif yang didaftarkan dari tahun 2017.

Daripada jumlah tersebut seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan melalui 10 program penempatan pekerjaan yang dilaksanakan oleh jabatan. Sehingga Mac 2019 terdapat sebanyak 282,282 kekosongan pekerjaan yang didaftarkan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan di pelbagai kategori yang masih aktif. Antara kekosongan tersebut sebanyak 2,578 kekosongan di kategori pekerjaan pengurusan, 7,911 pekerjaan di kategori profesional dan sebanyak 10,632 pekerjaan di kategori pekerjaan juruteknik dan profesional bersekutu dan yang selebihnya adalah di peringkat yang lebih rendah.

Dalam jangka masa panjang, Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga sebagai agensi peneraju utama dalam merangka hala tuju dan strategi melalui Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 bagi pembangunan TVET Malaysia bagi memacu pembangunan sumber manusia berkemahiran untuk memenuhi industri serta mengarusperdanakan pendidikan serta latihan teknikal vokasional TVET melalui pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) selaras Industri 4.0. Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah menggariskan strategi untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara dan memperkasakan institusi pengajian bertanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan TVET negara agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran tenaga kerja meningkat.

Berkaitan dengan isu *rural-urban migration*, daripada kampung-kampung untuk mendapatkan pekerjaan di kilang-kilang. Penghijrahan daripada luar bandar ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan adalah pilihan pencari kerja ataupun penduduk di kawasan berkenaan ke arah memperbaiki taraf hidup mereka masing-masing. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa membawa peluang-peluang pekerjaan khususnya di sektor swasta kepada pencari kerja sama ada di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman. Beberapa langkah telah diambil untuk membantu pencari kerja khususnya di kawasan luar bandar serta pedalaman melalui siri karnival pekerjaan pada tahun ini, seluruh Sabah di beberapa lokasi terpilih sejak awal tahun 2019. Beberapa karnival pekerjaan telah diadakan di beberapa daerah di negeri Sabah antaranya daerah Kota Belud

pada 2 Mac 2019, Tenom 9 Mac 2019, Beaufort 6 April 2019, Ranau 13 April 2019, Kudat 20 April dan Kunak 21 April 2019.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Tenaga Manusia mempunyai 32 buah institusi latihan kemahiran yang dikenali sebagai Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang beroperasi di seluruh negara. ILJTM ini terdiri daripada lapan buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), 23 buah Institusi Latihan Perindustrian (ILP) dan sebuah institusi Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI). Secara umumnya, kebanyakan ILJTM dibina di lokasi yang mudah diakses oleh golongan belia daripada luar bandar yang berhasrat untuk meningkatkan ilmu mereka di dalam bidang kemahiran. Di antara ILJTM yang dibina di kawasan luar bandar ialah ADTEC di Jerantut, ADTEC Kulim, ILP Selandar, ILP Mersing, ILP Tangkak dan ILP Sandakan.

Kerajaan Pakatan Harapan pada masa ini turut memberikan tumpuan kepada pengukuhan ekonomi domestik serta lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) yang menyumbang kepada penghasilan *high value job* dan juga *knowledge workers*, berpendapatan tinggi yang berterusan dalam jangka masa panjang agar merangsang pertumbuhan ekonomi negara seterusnya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu di dalam negara, di pelbagai sektor ekonomi. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan terus berkembang pada tahun 2019, disokong oleh ekonomi dan juga komposisi eksport yang pelbagai. Aktiviti sektor swasta akan menjadi pemacu utama untuk pertumbuhan bagi tahun 2019 melalui pertumbuhan peluang pekerjaan yang tinggi.

Berkaitan dengan pengajian OKU. Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu memastikan graduan jurupulih cara kerja yang dikeluarkan oleh universiti tempatan seperti UiTM dan USM mendapat perjawatan yang selayaknya adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi PERKESO telah melaksanakan pengurusan hilang upaya kepada pekerja yang mengalami hilang upaya termasuk mereka yang di kategori sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) di Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka yang telah beroperasi sejak Oktober 2014. Seramai 170 orang anggota berkhidmat di pusat ini melibatkan pelbagai perjawatan khusus seperti jurupulih cara kerja, fisioterapi dan juga pengurus kes diwujudkan dan diisi dalam kalangan graduan jurupulih cara kerja.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui pendaftaran melalui atas talian, melalui portal *JobsMalaysia* yang telah dinaikkan taraf melalui program penempatan pekerjaan yang memberi peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia di negara ini termasuk Orang-orang Kurang Upaya. Melalui program penempatan golongan khas dan aktiviti seperti temu duga terbuka, karnival kerjaya dan program

penempatan kerjasama dengan pelbagai agensi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Pada 2018 sehingga Mac 2019, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah menjalankan penempatan bagi OKU seramai 729 orang iaitu tahun 2018 sehingga tahun 2019 ini. Jabatan Tenaga Kerja telah menjalankan pepadanan ini dan sebanyak 729 orang OKU telah ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap kecacatan dan juga pendidikan serta pengalaman OKU di sektor swasta berbanding kekosongan pekerjaan yang ada. Pihak jabatan juga telah mengadakan kerjasama dengan syarikat tol. Namun begitu, kebanyakan syarikat tidak lagi berorientasi tenaga kerja dengan penggunaan sistem automasi *Touch 'n Go*.

Pemberhentian pekerja. Berdasarkan kepada notifikasi yang diterima oleh kementerian, bilangan pekerja yang diberhentikan di sektor swasta tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 orang ataupun 74.4 peratus pemberhentian biasa dan 5,932 iaitu 25.6 peratus pemberhentian sukarela iaitu VSS. Bagi tempoh sehingga Mac 2019, kementerian telah pun menerima notifikasi seramai 10,262 orang pekerja diberhentikan. Daripada jumlah tersebut seramai 9,030 orang pekerja terlibat dengan pemberhentian biasa dan 1,232 orang pekerja pula terlibat dengan pemberhentian sukarela ataupun VSS.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan yang berkaitan dengan isu TH Hotel dan juga Pusat Konvensyen Kuching. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 152 orang pekerja TH Hotel Sarawak Sdn. Berhad, yang terdiri daripada pelbagai jawatan telah terlibat dalam penamatan kerja pada 1 Mac 2019. Daripada jumlah tersebut seramai 39 orang pekerja telah mendapat pekerjaan baharu iaitu 36 di sektor swasta dan tiga dengan badan berkanun. Sementara selebihnya iaitu 113 orang masih lagi berusaha untuk mendapatkan pekerjaan baharu.

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) dalam usaha membantu pekerja-pekerja terlibat dengan mendaftar melalui portal *JobsMalaysia* bagi tujuan carian kekosongan jawatan dan penempatan pekerjaan. Mereka juga dimaklumkan untuk menghadiri temu duga terbuka semasa Program Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh jabatan ini daripada masa ke semasa bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan.

■1520

Berdasarkan kepada siasatan oleh JTK Sarawak dalam kes ini mendapati kesemua pekerja terlibat dalam pemberhentian ini tidak layak kepada Faedah Pendapatan Penamatan Kerja kerana perkhidmatan mereka kurang daripada 12 bulan dengan majikan tersebut pada tarikh penamatan berkuat kuasa berdasarkan kepada perkara 3(1) Kaedah-kaedah Buruh (Sarawak)(Faedah Penamatan dan Pemberhentian Pekerja Sementara) 2008. Walau

bagaimanapun, pihak syarikat telah membayar bayaran baki cuti tahunan yang layak berjumlah RM50,746.85 dan bayaran gaji bulanan yang layak sebanyak RM288,850 kepada semua pekerja terlibat. Ini bermakna jumlah gaji yang telah dibayar sejak Disember 2018 sehingga 1 Mac 2019 adalah sebanyak RM896,550. Semua pekerja terlibat telah menerima bayaran tersebut selaras dengan peruntukan di bawah Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) yang sedang berkuat kuasa.

Berkenaan dengan kemungkinan berlaku penamatan ke atas pekerja-pekerja dalam Projek Lebuhraya *Pan Borneo* di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PERKESO di dalam KSM telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 iaitu Akta 800. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim baharu yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 sebagai pelindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah berbentuk kewangan sementara, carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan sebagainya kepada orang-orang berinsurans bagi membantu mereka mendapat pekerjaan baharu.

Sekiranya terdapat pekerja yang terlibat perlu memfailkan tuntutan di Pejabat Tenaga Kerja JTK yang berhampiran sekiranya pemberhentian yang dilaksanakan tiada pampasan seperti bayaran gaji, gaji ganti notis, faedah penamatan pekerja, gaji ganti, cuti tahunan dan lain-lain bayaran sebagai mana peruntukan Akta Kerja 1955 iaitu Akta 265. Di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] turut memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk pembuangan kerja tanpa sebab atau alasan yang munasabah. Pekerja-pekerja boleh memfailkan kes di dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemberhentian untuk tujuan pemulihan kerja semula.

Kluster kedua, keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu dalam isu *gas explosion* di *shopping complex* di Kuching. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, kejadian letupan gas tersebut telah berlaku di bahagian dapur restoran *NeNe Chicken CityOne Megamall* Kuching, Sarawak pada 4 Disember 2018. Kemalangan tersebut melibatkan letupan gas petroleum cecair LPG yang disalurkan melalui paip daripada bilik tangki silinder yang terletak di aras dan bangunan yang sama.

Kejadian kebakaran ini telah menyebabkan tiga orang maut dan empat orang cedera parah dan 22 orang yang cedera. Sistem retikulasi paip gas petroleum cecair LPG merupakan sistem yang biasa digunakan untuk menyalurkan bekalan gas ke alat pembakar seperti dapur di dalam premis perniagaan makanan termasuk di kompleks membeli belah. Pemasangan sistem retikulasi paip LPG di sektor komersial seperti kompleks membeli belah pada dasarnya tidak tertakluk di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Petroleum (Langkah-langkah

Keselamatan) 1984 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Secara umumnya, pemasangan sistem retikulasi paip LPG di premis komersial seperti di restoran, hotel dan pusat dobi tertakluk di bawah Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). Walau bagaimanapun, akta ini tidak terpakai di negeri Sarawak sebaliknya sistem retikulasi paip gas di negeri Sarawak secara umumnya diuruskan oleh Kementerian Utiliti Sarawak melalui *the Sarawak Gas Supply Services (Operating Company) Ordinance 1995*.

Cadangan pemasangan sensor ataupun pemasangan pengesan kebocoran gas bagi tujuan pencegahan ataupun amaran awal adalah satu amalan kejuruteraan yang baik. Ia dipasang di kawasan yang bersesuaian di dalam bangunan *indoor* yang mana terdapat punca gas petroleum cecair LPG ataupun gas asli seperti di dapur dan alat pembakaran. Pemasangan pengesan kebocoran gas ini perlu mematuhi spesifikasi teknikal yang dicadangkan di dalam standard yang berkaitan.

Pihak kementerian mencadangkan satu pasukan petugas khas *task force* khusus yang diketuai oleh Kementerian Utiliti Sarawak atau Suruhanjaya Tenaga untuk melihat permasalahan isu pemasangan sistem retikulasi di premis komersial di negeri Sarawak. Ini bagi memastikan keselamatan orang ramai yang berada di dalam premis tersebut terjamin. Melalui *task force* ini, satu agensi akan dikenal pasti untuk menguatkuasakan dan mengawal selia sistem retikulasi paip gas di negeri Sarawak.

Kluster yang ketiga ialah pembangunan sumber manusia. Yang Berhormat Senator menggesa kerajaan mengambil perhatian yang serius dalam latihan kemahiran dan pembangunan sumber manusia terutama sekali di kalangan belia dan juga graduan serta peluang-peluang pekerjaan bagi membolehkan mereka ditempatkan di dalam pasaran pekerjaan di negara kita. Ahli Yang Berhormat ingin tahu sejauh manakah peluang pekerjaan kepada belia dan graduan yang dilengkapkan dengan kemahiran yang kompeten dan juga berpengetahuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan sentiasa mengambil serius dalam meningkatkan kualiti latihan kemahiran supaya graduan terutamanya daripada kalangan belia dapat mengisi peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam pasaran pekerjaan. Bagi tujuan melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang kompeten, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan industri untuk membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang sentiasa dikemas kini bagi memenuhi keperluan semasa. NOSS ini menjadi asas kepada penghasilan kurikulum latihan yang diguna pakai di pusat-pusat bertauliah yang ditauliahkan oleh JPK.

Oleh itu, latihan kemahiran yang diterima oleh pelatih-pelatih adalah setara dengan keperluan semasa di industri. Sehingga Mac 2019, sebanyak 1,884 NOSS telah dibangunkan meliputi 21 seksyen melalui seksyen 21, *Malaysian Standard Industrial Qualification* (MSIC) dan sebanyak 42 NOSS yang berkaitan dengan IR 4.0. Selain itu, JPK turut melaksanakan kaedah pensijilan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dijalankan dalam bentuk latihan perantisan dengan 70 peratus latihan di tempat kerja sebenar dan 30 peratus latihan di industri latihan iaitu teori dan juga pengetahuan. Melalui kaedah ini, pengetahuan dan kemahiran perantis akan sentiasa *up-to-date* dengan keperluan industri. Program ini dikendalikan dengan usaha sama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan. Sehingga Mac 2019, sebanyak 109,047 perantis telah menyertai latihan tersebut.

Kesimpulan nya latihan kemahiran yang dilaksanakan di Malaysia berada dilandaskan yang tepat untuk menghasilkan graduan yang kompeten dari segi kemahiran dan juga berpengetahuan. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Manusia mempunyai 32 buah institusi latihan kemahiran yang dikenal pasti sebagai Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang beroperasi di seluruh negara seperti yang telah pun saya sebut sebelum ini. ILJTM menawarkan pelbagai kursus kemahiran khusus untuk golongan belia dan pelepasan SPM yang meliputi bidang teknologi mekanikal dan pengeluaran, teknologi elektrik dan elektronik, teknologi sivil, teknologi komputer, teknologi percetakan dan teknologi bukan logam.

Program-program yang ditawarkan kepada lepasan SPM ini bermula dari peringkat sijil sehingga ke diploma lanjutan dan ia mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi membolehkan para pelajar ditauliahkan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia selepas berjaya menamatkan latihan.

■1530

Selain itu, JTM juga melaksanakan kursus jangka pendek yang berkonsepkan *modular* dan *customize* dan ia adalah terbuka kepada mereka yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran sedia ada ataupun mempelajari kemahiran-kemahiran baharu sebagai persiapan memasuki pasaran pekerjaan. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh ILJTM ini sentiasa dihebahkan kepada masyarakat menerusi pelbagai platform promosi bagi memastikan golongan sasaran mengetahui akan peluang yang ditawarkan.

Menerusi penyertaan golongan belia dalam kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan, mereka berpeluang untuk ditauliahkan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia menerusi kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). ILJTM telah diiktiraf sebagai pusat bertauliah PPT dan ini membolehkan para peserta mendapat khidmat bimbingan dari ILJTM bagi membangunkan portfolio berdasarkan kepada pengalaman yang mereka miliki sebelum di verifikasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Berkaitan dengan struktur pengiktirafan pensijilan TVET diminimumkan biokrasinya agar mekanisme pengiktirafan serta cara mengatasi ketidakserataan antara MQA dan JPK supaya ia tidak memangsakan pelajar TVET. Ahli Yang Berhormat mendapati lepasan TVET hanya diberikan gaji setaraf dengan pemegang sijil SPM.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah sektor TVET, terdapat dua badan yang bertanggungjawab untuk mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta. Selain *Malaysia Qualifications Agency* (MQA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia turut mengeluarkan Sijil Kemahiran Malaysia yang diiktiraf kerajaan dan juga industri. Hingga Mac 2019, seramai 1,808,836 graduan telah berjaya dipersijilkan melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Dalam tempoh tersebut juga, sebanyak 1,391 pusat bertauliah awam dan swasta telah ditauliahkan oleh JPK untuk menjalankan latihan TVET berasaskan kepada SPKM.

Dalam perkembangan terbaru, sektor TVET sedia ada sedang diperkukuhkan melalui penubuhan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang akan diguna pakai oleh MQA dan juga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik. Sistem baharu ini bertanggungjawab untuk mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua. Pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK akan dibuat berdasarkan kepada *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Januari 2019.

Apabila Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET ini dilaksanakan nanti, dijangka ia dapat meningkatkan pengiktirafan program TVET, membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET, membuka peluang pekerjaan kepada graduan TVET supaya lebih kompetitif dan memperluaskan peluang pekerjaan sepanjang hayat sepertimana Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) atau RPEL dan sebagainya.

Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga membangkitkan berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan pekerja muda. Mendapati 95 peratus pekerja muda berada di dalam kategori pekerjaan yang tidak berkemahiran mengikut Institusi Penyelidikan Khazanah, manakala 50 peratus pekerja yang telah membuat pekerjaan berkemahiran rendah secara manual mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh pekerjaan. Majoriti daripada graduan di negara ini- Yang Berhormat juga meminta kerajaan merangka semula sistem pendidikan bagi menjamin masa depan anak-anak muda.

Jabatan Pembangunan Kemahiran melalui Kementerian Sumber Manusia bekerjasama dengan industri untuk membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang sentiasa dikemas kini bagi memenuhi keperluan semasa industri.

NOSS pula menjadi asas kepada penghasilan kurikulum latihan yang diguna pakai di pusat bertauliah yang ditauliahkan oleh JPK. Oleh itu, latihan kemahiran yang diterima oleh pelatih-pelatih adalah sentiasa relevan dengan keperluan semasa industri.

Sehingga Mac 2019, sebanyak 1,884 NOSS telah pun dibangunkan melalui 21 seksyen *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) sedia diguna pakai oleh pusat bertauliah sebagai asas pengajaran dan pembelajaran di institusi masing-masing.

Selain itu, JPK turut melaksanakan kaedah persijilan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dijalankan dalam bentuk latihan perintisan dengan 70 peratus latihan di tempat kerja sebenar. Ini telah pun saya sebutkan tadi.

Saya terus kepada- berkaitan dengan TVET juga. Ingin saya sebut bahawa berkaitan dengan Pelan Induk TVET Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama dengan PricewaterhouseCoopers, cadangan penubuhan sebuah badan dan penguatkuasaan bebas bagi memantau kualiti program dan institusi latihan TVET adalah yang perlu diberikan perhatian.

Jawatankuasa Pemerksaan TVET telah ditubuhkan di bawah urus setia bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan KSM bagi menambah baik pelaksanaan TVET di negara ini seterusnya mengangkat martabat TVET setaraf dengan aliran pendidikan lain. Jawatankuasa ini akan memperhalus perkara-perkara yang berbangkit berkaitan dengan TVET agar penyeragaman dan penyelarasan yang lebih efektif dapat dilaksanakan.

Baru-baru ini, kita telah pun bermesyuarat untuk menyediakan satu pelan induk di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan yang saya mempengeruskannya dan akan mengangkat cadangan pelan induk ini kepada Menteri Sumber Manusia untuk diangkat kepada Kabinet bagi memberikan cadangan-cadangan yang telah pun dipersetujui bersama dengan kementerian-kementerian lain yang terlibat di dalam Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan ini.

Saya terus kepada *cluster* yang keempat, penggubalan dasar perburuhan sumber manusia. Pada ketika ini, pihak kerajaan hanya memberikan kebenaran untuk mengajikan pekerja asing di sektor dan subsektor tertentu yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh rakyat tempatan untuk mengajikan pekerja asing seperti sektor pembinaan, perkilangan, pertanian, perladangan, perkhidmatan dan perlombongan dan pengkuarian. Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan di Malaysia tertumpu kepada pekerja-pekerja berkemahiran rendah dan juga sederhana. Hal ini kerana industri di Malaysia masih lagi bergantung kepada kos tenaga buruh yang rendah di pelbagai sektor.

Kini, dasar pengambilan pekerjaan migran secara komprehensif diwujudkan dengan mengambil kira keperluan industri dan kebajikan pekerja migran melalui Penubuhan Pusat

Kelulusan Setempat (OSC). Saya percaya ini telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebentar tadi.

Kementerian Sumber Manusia hanya menyediakan antara perlindungan di bawah skim PERKESO iaitu Skim Bencana Kerja bagi pekerja asing. Berdasarkan kepada rekod pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen seperti yang telah pun disebut, daripada Januari 2019 terdapat 2,018,240 orang pekerja asing telah dikeluarkan pas PLKS. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 706,553 orang di sektor pembuatan, seramai 437,921 orang atau 21.7 peratus orang di sektor pembinaan, 281,153 orang iaitu 13.93 peratus di sektor perladangan, seramai 30,760 orang iaitu 15.2 peratus di sektor perkhidmatan, seramai 158,302 orang iaitu 7.84 peratus di sektor pertanian dan seramai 127,181 orang iaitu 6.3 peratus orang pembantu rumah.

Berkaitan dengan gaji minimum, *cluster* yang kelima, laporan kaji selidik *Malaysian Employers Federation* (MEF) yang dirujuk oleh Bank Negara dalam laporan tahunan 2018-jawapan saya ialah pada 1 Januari 2019, Perintah Gaji Minimum 2018 dan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 telah pun berkuat kuasa dan terpakai kepada semua pekerja kecuali perantis dan perkhidmatan domestik seperti pembantu rumah.

■1540

Buat pertama kalinya kerajaan berjaya menetapkan kadar gaji minimum RM1,100 sebulan yang seragam bagi seluruh negara sebagaimana yang dijanjikan di dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelaksanaan gaji minimum di Malaysia adalah untuk memastikan keperluan asas para pekerja dijamin dan konsep Dasar Gaji Minimum ini bertujuan untuk menetapkan gaji lantai atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya gaji keseluruhan pekerja. Sekiranya kadar gaji minimum ini berbeza ditetapkan bagi bandar dan luar bandar dikhuatiri penguatkuasaannya kelak akan menjadi sukar.

Dalam pada itu, boleh menyebabkan perpindahan pekerja dari luar bandar ke bandar kerana gaji minimum yang diberikan di bandar adalah lebih tinggi. Selain itu, tujuan pelaksanaan gaji minimum adalah juga untuk melindungi iaitu pekerja-pekerja yang berkemahiran rendah dan kurang berpengalaman kerja yang mana kebanyakan mereka didapati bekerja di perusahaan kecil dan juga sederhana. Saya pergi terus ke kluster hal-hal lain yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu 47 orang rakyat Malaysia yang ditahan dan di penjara di Kemboja kerana ditipu oleh ejen pekerja asing. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, kes ini sedang dikendalikan di Mahkamah Majistret Kuching. Oleh yang demikian, kes tersebut tidak dapat di bincang selanjutnya untuk mengelak berlakunya prejudis ke atas kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Titah Diraja yang belum sempat saya jawab, kementerian ini sangat-sangat dan amat menghargai segala cadangan, teguran dan komen yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mahfuz bin Haji Omar yang mewakili Kementerian Sumber Manusia. Nampak gayanya tidak ada yang mencelah ya, lulus semua. Terima kasih ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertahanan, dipersilakan.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu ini ialah Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Paul Igai telah membangkitkan dua pertanyaan iaitu pertama bertanyakan tentang status penyelidikan Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan sambutan yang diterima di sepanjang proses penyelidikannya serta bilakah ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Yang Berhormat cadangan membangunkan Kertas Putih Pertahanan telah dibentangkan di dalam sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil. 2, Tahun 2018, pada 13 Disember 2018 yang bersetuju akan cadangan Kementerian Pertahanan untuk membangunkan KPP. Semenjak Januari 2019, beberapa aktiviti telah dilaksanakan di dalam membangunkan Kertas Putih Pertahanan, aktiviti-aktiviti melibatkan beberapa siri bengkel, siri dialog dan juga siri komentari. Selaras dengan prinsip inklusif, peranan libat urus atau *consultation* bagi setiap aktiviti KPP tersebut telah melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan industri pertahanan. KPP ini dianggap sebagai dokumen kerajaan dan bukan sahaja dokumen Kementerian Pertahanan. Aktiviti-aktiviti tersebut telah mengumpulkan input dan maklumat yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan dalam memformulasikan KPP.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada lawatan rasmi beliau ke Kementerian Pertahanan pada 21 Februari yang lalu juga telah diberikan penerangan berkaitan KPP dan beliau telah menyatakan sokongan akan usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Rancangan kerja KPP akan terus dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan agar pembentangan KPP dapat dilaksanakan di Parlimen pada Mesyuarat Ketiga Penggal Parlimen tahun ini iaitu mulai bulan Oktober.

Selain itu juga, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan satu kaji selidik secara atas talian bagi mendapatkan pandangan orang ramai terhadap KPP. Bagi sambutan yang diterima ke atas KPP ini pula, hasil dapatan setakat ini mendapati bahawa rakyat Malaysia pada umumnya menunjukkan minat dan menyokong idea pembangunan KPP.

Soalan kedua Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai ialah bertanyakan tentang kes melibatkan empat rakyat Malaysia yang telah diculik oleh tentera dari negara jiran di sempadan Malaysia-Kalimantan pada Disember tahun lepas serta status siasatan kes tersebut dan langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kejadian tidak berulang.

Sebagai makluman Yang Berhormat, kes ini sebenarnya melibatkan kes peras ugut yang melibatkan empat warganegara Malaysia yang ditahan oleh pihak Tentera Nasional Indonesia (TNI), angkatan darat pada 11 hari bulan 2018 yang lalu. Insiden ini merupakan suatu kes yang terpencil dan jarang berlaku. Kes telah dapat diselesaikan dengan baik atas dasar persefahaman serta kesepakatan antara dua buah negara.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama TNI telah membuat siasatan dalaman secara bersama bagi membuat penilaian awal kesahihan insiden. Setelah didapati insiden berlaku di sempadan dalam kawasan Malaysia dan disahkan oleh kedua-dua pihak, seterusnya laporan dimajukan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjutan kerana melibatkan aduan terhadap kesalahan jenayah.

Di samping itu, pada 21 Disember 2018, pihak Kementerian Luar Negeri telah mengemukakan suatu nota bantahan kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur bagi menunjukkan keseriusan pihak kerajaan dalam menangani isu ini serta memastikan kejadian ini tidak berulang. Bagi menangani isu ini dari berulang, pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan lagi hubungan baik dalam pertahanan dengan Indonesia demi menjaga kepentingan kedua-dua negara. Forum-forum seperti *General Border Committee (GBC) Malindo* dan jawatankuasa di bawahnya digunakan untuk membincangkan permasalahan bersama yang dihadapi;

- (ii) meningkatkan usaha sama antara ATM dan TNI khususnya dalam mencegah dan mengatasi isu-isu keselamatan di sempadan negara melalui rondaan dan kawalan kawasan sempadan;
- (iii) mengadakan kolaborasi yang lebih erat dan kerap dengan pihak berkuasa Indonesia khususnya di pintu masuk sempadan;
- (iv) memperagakan kehadiran, *show off presence* anggota ATM untuk menyemai rasa selamat di kalangan rakyat Malaysia; dan
- (v) pelaksanaan konsep pos gabungan yang menempatkan anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Anggota Angkatan Darat atau TNI-AD secara bersama sebagai salah satu inisiatif untuk membendung kejadian seumpama itu tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid yang telah membangkitkan lima pertanyaan. Biasanya kita jawab soalan Laksamana Imran di Dewan Negara. Biasanya tidak ada orang lain yang tanya. Yang Berhormat bertanyakan tentang *return on investment* (ROI) yang telah berjaya dicapai semenjak diadakan pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* (LIMA) mulai tahun 1991 hingga LIMA 2019.

Sebagai makluman Yang Berhormat, penganjuran LIMA secara ringkasnya adalah bertujuan untuk memperkasakan pembangunan industri pertahanan tempatan selain sebagai satu agenda diplomasi pertahanan atau *defense diplomacy* untuk memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan pelbagai negara.

■1550

Return on Investment (ROI) hasil daripada penganjuran LIMA ini bukan hanya dinilai daripada segi pulangan atau keuntungan dalam bentuk kewangan tetapi juga dalam pelbagai bentuk lain yang diperoleh oleh pihak kerajaan, pempamer, pelawat perdagangan mahupun penduduk setempat. LIMA yang dianjurkan bermula tahun 1991 telah menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan daripada pelbagai sudut. Bilangan penyertaan pada pempamer meningkat kepada 406 pempamer daripada 36 buah negara semasa LIMA 2019 berbanding 99 pempamer tempatan dan antarabangsa daripada 15 buah negara pada penganjuran LIMA yang pertama iaitu pada 1991. Peningkatan penyertaan pesawat dan aset maritim juga dilihat setiap kali LIMA dianjurkan.

Penganjuran LIMA 2019 kali ini adalah anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia. LIMA 2019 telah mencatatkan penyertaan 105 buah pesawat dan 104 aset maritim berbanding hanya 23 buah pesawat dan 37 aset maritim yang menyertai pada LIMA 1991. Ini secara tidak langsung telah menarik lebih ramai pelawat perdagangan dan pelawat awam untuk mengunjungi LIMA. Berdasarkan rekod,

seramai 40,280 pelawat perdagangan dan seramai 236,689 orang pelawat awam telah hadir ke LIMA 2019 berbanding hanya 5,000 pelawat perdagangan dan 20,000 pelawat awam yang diterima semasa pameran LIMA 1991. Pengenalan LIMA sejak tahun 1991 juga telah membantu menjadikan Malaysia kini sebagai hab industri maritim dan aeroangkasa utama di Rantau Asia Pasifik.

LIMA juga telah menyediakan platform untuk mewujudkan kerjasama strategik dan kolaborasi antara syarikat industri pertahanan tempatan dengan syarikat pengeluar pertahanan luar negara melalui peluang dan potensi yang dicetuskan semasa pameran ini. Interaksi dan jaringan kerjasama yang dijalinan semasa LIMA membolehkan penggiat industri pertahanan tempatan meningkatkan keupayaan syarikat dan peluang menembusi pasaran pertahanan global seiring dengan usaha kerajaan untuk memudahkan projek-projek pelaburan dan perkongsian perniagaan melalui pertukaran maklumat dan teknologi.

Pelaburan jangka masa panjang ini diperkukuhkan dengan perjanjian-perjanjian persefahaman (MoU) dan kontrak yang ditandatangani semasa LIMA berlangsung. Angka yang di rekod melalui kontrak atau MoU yang ditandatangani semasa LIMA 2019 adalah berjumlah RM4.2 bilion meningkat sebanyak RM400 juta jika berbanding dengan LIMA pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM3.8 bilion.

LIMA juga memberi peluang kepada kementerian untuk menilai perkembangan teknologi terkini dan membuat kajian pasaran- *market survey*, serta dapat memperhalus spesifikasi aset ATM terutamanya bagi aset pesawat udara dan maritim. Ini bagi menentukan keupayaan aset ATM yang dimiliki adalah *credible* dan dinamik mengikut keperluan masa kini dan masa hadapan dan juga ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran pelawat perdagangan dan pelawat awam ke LIMA telah membantu dalam meningkatkan jumlah pelancong ke Pulau Langkawi secara tidak langsung ekonomi penduduk setempat meningkat dengan wujudnya peluang pekerjaan berikutan peningkatan permintaan terutamanya daripada segi sektor pemakanan, perkhidmatan dan barangan lain seperti cenderahati dan produk-produk setempat.

Soalan kedua Yang Berhormat Senator...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Ya, silakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak nafikan kejayaan Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Pengangkutan menganjurkan LIMA 2019 dan kita juga diuar-uarkan dengan nilai perjanjian dan MoU sebanyak RM4 bilion lebih, RM4.2 bilion. Akan tetapi saya lihat ia lebih kepada aktiviti MRO kalau tidak silap saya. Jadi, di manakah pulangan

daripada segi pelaburan untuk industri pertahanan dalam kes pameran atau LIMA 2019 ini? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Ini MoU ataupun *Letter of Intent* dan lain-lain ditandatangani di LIMA, saya akan beri senarai selepas ini. Senarai akan menunjukkan itu bukan sahaja untuk sektor MRO tetapi pelbagai sektor yang terlibat dalam LIMA dan juga MoU yang melibatkan pelbagai sektor.

Akan tetapi seperti apa yang saya bincangkan tiga hari lalu di sini, saya rasa yang penting ialah kita perlu kukuhkan industri pertahanan tempatan daripada segi teknologi, dari segi R&D supaya kita boleh mengeluarkan produk-produk yang bertaraf dunia. Maka LIMA bukan sahaja untuk satu medan untuk pengeluar-pengeluar negara lain untuk menjual produk kepada kita atau sebagai medan mereka menjual produk kepada satu sama lain tetapi kita juga ada produk yang bertaraf dunia. Ini adalah satu proses yang kita harap boleh dikuatkan dengan kerajaan baharu dengan kurangkan posmen ataupun *commission agent* di antara kementerian dengan OEM. Kurangkan itu dan dengan dasar kita boleh kukuhkan industri pertahanan tempatan.

So untuk spesifik yang apa yang telah ditandatangani, kementerian akan berikan maklumat kepada Yang Berhormat Senator Mohamad Imran.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang dan khuatir oleh kerana soalan saya tempoh hari adalah mengenai Syarikat Malaysia Explosive. Apa jadi sekarang? Itu buat peluru dan juga senjata kecil. Saya difahamkan syarikat tersebut telah ditutup. Jadi saya bimbang dan khuatir nanti perancangan kita dalam membangunkan industri pertahanan ini tidak ada perancangan yang benar-benar konkrit. Jadi saya mohon kepada kementerian untuk pertimbangkan sebaik-baiknya dengan memastikan industri yang kita rancang dapat dijayakan. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih atas soalan yang dibangkitkan tadi.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon mencelah.

Tuan Liew Chin Tong: Ya, okey. Silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Apa pendapat Yang Berhormat Menteri supaya *rebranding* LIMA, sebab LIMA ini *brand* lama, supaya ada nafas baharu, *rebranding*. Ini kerana saya nampak LIMA macam *trading agencies*, *middle man*, *trading agencies*. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Laksamana Mohamad Imran tadi supaya LIMA ini menonjolkan agensi tempatan. Apakah hala tuju Kementerian Pertahanan dalam membangunkan industri pertahanan?

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih. Seperti saya jawab hari itu, soalannya ialah *rebranding* kita boleh *rebrand* tetapi soalan pokoknya ialah kesihatan ataupun bagaimana kita

adakan industri pertahanan tempatan. Buat masa sekarang, industri pertahanan tempatan kita terlalu tertumpu terhadap posmen. *Thats mean commission agent* dia dapat komisen, dia ada bilik kecil di Kuala Lumpur tetapi dia tidak menjadi penghasil.

Apa yang penting ialah kita mesti ada industri pertahanan tempatan yang betul-betul buat R&D dengan menghasilkan produk-produk yang bertaraf dunia. Ia tidak semestinya untuk menghasilkan satu kapal terbang. Saya rasa dalam 10 tahun atau 15 tahun kita tidak akan hasilkan satu kapal terbang yang sempurna, yang *complete* tetapi kalau industri pertahanan kita dalam lima tahun atau 10 tahun atau 15 tahun boleh jadi penghasil atau pengeluar *avionic* ataupun sistem *comps*, sistem dalam kapal terbang. Kalau kita boleh hasilkan sektor-sektor ini ataupun produk-produk seperti itu, saya rasa kita boleh kata industri pertahanan tempatan ini berjaya.

■1600

Saya melawat hampir dua pertiga *booth* di LIMA dan saya rasa sebenarnya apabila kita sebutkan industri pertahanan terutamanya dalam maritim dan aeroangkasa, banyak sebenarnya sistem komputer. Buat kapal pun sistem komputer, buat peluru sememangnya sistem komputer. Kalau kita kata *missile* pun menggunakan sistem komputer. So, untuk negara kita, kita mesti cari *niche* atau cari di mana kita boleh jadi penghasil atau pengeluar yang spesifik yang bertaraf dunia dan itu saya rasa adalah hala tuju untuk menghadap ke hadapan.

Untuk soalan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid tadi, dalam LIMA itu satu bahagian kecil untuk soalan industri pertahanan. Di dalam kementerian kami berbincang tentang industri pertahanan melalui perbincangan tentang transformasi bahagian industri pertahanan dan juga kami bincangkan dalam konteks Kertas Putih Pertahanan. Di dalam konteks Kertas Putih Pertahanan ada satu bab tentang industri pertahanan. Saya harap selepas ini ada peluang untuk kita membuat libat urus bersama dengan Ahli-ahli Dewan Negara tentang Kertas Putih Pertahanan dan dalam proses itu saya minta pandangan yang lebih spesifik daripada Yang Berhormat Senator. Okey, ada lagi? Okey, terima kasih.

Untuk soalan kedua Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat bertanyakan tentang status perolehan kereta perisai 8x8 Gempita. Bagi pertanyaan yang dibangkitkan ini, suka saya jelaskan sehingga 26 April 2019, jumlah kenderaan yang telah diterima melalui kontrak kenderaan perisai 8x8 Gempita berjumlah 165 unit daripada jumlah keseluruhan 259 unit. Pada tahun 2015, terdapat kegagalan bekal sebanyak 53 unit kenderaan dan DefTech Malaysia telah dikenakan denda lewat bernilai RM57 juta. Bagaimanapun kena denda lewat ini telah mendapat pengecualian MOF pada 8

September 2017. So, sekarang ini tiada kelewatan tetapi kelewatan berlaku pada 2015 dan isu itu dikendalikan oleh kerajaan lalu.

Soalan ketiga, Yang Berhormat bertanyakan tentang status terkini pembinaan Pangkalan Udara Sendayan (PU Sendayan) dan bilakah pangkalan ini akan diduduki sepenuhnya? Bagi pertanyaan yang dibangkitkan ini, sejak bulan Mac 2018, sebanyak enam kali sesi pemeriksaan pra ambil alih bangunan telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan dan didapati terdapat sebanyak empat buah bangunan dan kemudahan sokongan yang masih belum siap sepenuhnya. Sijil Pengakuan Siap dan Pematuhan, *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) bagi PU Sendayan juga masih belum dikeluarkan oleh pihak konsultan profesional yang dilantik oleh pihak 1MDB.

Pemeriksaan semula ke atas fasiliti dan kemudahan sokongan yang belum siap dijangka dilaksanakan pada akhir bulan Mei 2019. Empat buah bangunan yang belum siap tersebut merupakan bangunan kritikal yang perlu untuk memenuhi keperluan fungsi sesebuah pangkalan udara iaitu Rumah Sakit Angkatan Tentera Malaysia, Pusat Pergigian Angkatan Tentera, stor senjata dan stor bahan letupan. Bergantung kepada penyiapan keseluruhan PU Sendayan, TUDM akan melaksanakan perpindahan secara berfasa bagi memastikan pengoperasian penuh PU Sendayan bermula pada bulan Januari 2020.

Soalan keempat, Yang Berhormat bertanyakan tentang peranan yang dimainkan oleh Majlis Veteran Kebangsaan di mana Yang Berhormat salah seorang daripada ahli. Di dalam memenuhi manifesto kerajaan seperti yang telah digariskan di dalam Buku Harapan terutamanya cadangan bagi pelarasan jurang pencen bagi veteran yang bersara sebelum dan selepas tahun 2004. Sebenarnya saya rasa soalan ini Yang Berhormat boleh jawab lebih baik daripada saya kerana Yang Berhormat adalah ahli MVK tetapi tidak mengapa.

Sebagai makluman Yang Berhormat, berdasarkan Akta Veteran 2012, Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) adalah berperanan untuk merumuskan dasar dan pelan tindakan berhubung dengan hal ehwal veteran. Di samping itu, MVK turut bertujuan untuk menasihatkan kerajaan dan membuat syor mengenai pembuatan atau penggubalan mana-mana perundangan atau pindaan mana-mana perundangan sedia ada supaya dapat menjamin kebaikan dan kepentingan veteran ATM.

Bagi isu pelarasan jurang pencen di kalangan pesara ATM pula, semenjak tahun 1968 hingga tahun 2012 sebanyak 15 kali pelarasan pencen telah dilaksanakan. Manakala mulai tahun 2013 kenaikan pencen sebanyak dua peratus setahun telah dilaksanakan. Kerajaan akan terus membuat penambahbaikan faedah persaraan bagi pesara ATM dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa serta perlu diimbangi dengan kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakannya. Pelarasan jurang pencen antara pesara tentera yang telah lama bersara dan pesara tentera yang baru

bersara, tidak hanya menjadikan isu pesara ATM semata-mata tetapi turut melibatkan pesara perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Sukacita dimaklumkan bahawa MVK yang telah bersidang dan meneliti perkara ini telah mengesyorkan cadangan alternatif yang lebih baik untuk merapatkan jurang pencen pesara ATM. Cadangan berkenaan telah dibawa kepada agensi pusat dan perbincangan lanjut bersama agensi pusat sedang giat dijalankan. Soalan kelima...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Ya.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Penyelarasan pencen disebut dengan jelas di dalam manifesto janji nombor 20 khusus untuk Angkatan Tentera dan polis sebenarnya. Saya mendengar jawapan sesi yang lepas oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Jawapan yang saya dengar sama dengan jawapan yang saya dapat sebelum itu dan sebelum itu. Jadi veteran di luar ini tidak selesa dengan jawapan yang diberi. Kita tidak persoalkan pesara awam, fasal dalam hal ini kerajaan menjanjikan penyelarasan pencen veteran tentera.

Jadi, kita hendak lihat apakah cadangan Majlis Veteran ataupun kerajaan dalam kira-kira ataupun sepoa-sepoa untuk warga veteran ini. Bukan katakan ia akan melibatkan pesara awam ataupun sebaliknya. Jadi, kalau boleh saya mohon kepada pihak Kementerian Pertahanan, walaupun saya ada dalam Majlis Veteran Kebangsaan, saya juga tidak puas hati dengan jawapan yang diberi oleh kerana Jawatankuasa Kerja yang dipertanggungjawabkan tidak mencadangkan apa-apa pun.

Contohnya, gaji koperal sebelum tahun 2004, katalah dapat pencen RM1,000, dia tidak cadangkan yang sebelum tahun 2004 itu dapat berapa? Kita hendak tahu dan bagaimana kira-kira dan cadangan kerajaan dan apakah implikasi kewangan kepada kerajaan. Sama ada kerajaan meluluskan atau sebaliknya, itu keputusan kerajaan. Tanggungjawab kita veteran hendak lihat pihak Kementerian Pertahanan mencadangkan apakah penyelarasan yang akan dilakukan atau dicadangkan dan boleh memuaskan hati veteran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Ya, Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid. Cadangan akan diteliti tetapi saya rasa Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dalam MVK, masalah dan pandangan ini juga boleh disalurkan ke MVK yang akan jadi pentas dan juga jadi agensi yang mencadangkan kepada kerajaan. Saya rasa Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid boleh ambil peluang dalam mesyuarat yang akan datang untuk meneruskan apa yang telah dicadangkan tadi.

Yang Berhormat turut membangkitkan tentang usaha kementerian memperkasakan semula pasukan bola sepak ATM yang pernah mencapai kegemilangannya dalam Liga Super Malaysia pada era tahun 2011 dan 2012 yang lalu.

■1610

Sebagai makluman Yang Berhormat, pasukan bola sepak ATM pernah mencapai kejayaan yang membanggakan di mana pada tahun 2012 pasukan ini telah menjadi johan Liga Perdana dan layak bertanding di Liga Super pada tahun 2013 sehingga tahun 2015. Pada tahun 2013, pasukan bola sepak ATM telah merekodkan pencapaian sebagai Johan Piala Sumbangsih dan layak ke peringkat separuh akhir Piala Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi hasrat setiap warga ATM dan kementerian sendiri untuk menjadikan pasukan bola sepak ATM sebuah pasukan yang unggul dan berprestij. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran yang perlu didepani bagi membentuk satu pasukan yang kuat seperti sumber kewangan, pemilikan jurulatih dan pemain yang berpengalaman dan berkualiti, pasukan pengurusan yang terbaik serta sokongan padu pada setiap lapisan pimpinan ATM dan kementerian amat perlu bagi merealisasikan.

Justeru dengan itu, melalui Persatuan Bola Sepak ATM antara cadangan bagi membentuk kejayaan bagi pasukan ini ialah seperti:

- (i) menetapkan sasaran dengan jelas hala tuju yang ingin dicapai melalui sukan bola sepak ATM;
- (ii) mengenal pasti sumber sedia ada dalam perkhidmatan yang boleh dijadikan sumber yang mengurangkan kos serta sebagai insentif peningkatan kerjaya pada warga ATM;
- (iii) mengadakan akses pembangunan dalam sukan bola sepak secara menyeluruh dari peringkat anak-anak warga ATM seperti Akademi Bola Sepak ATM bertempat di Kem Terendak, Melaka dan *The Gladiator Soccer Kids* di Stadium MinDef;
- (iv) membentuk kumpulan pengurusan di kalangan warga ATM yang berkemahiran serta berkebolehan dalam pengurusan sukan bola sepak serta memberi pendidikan formal kepada kumpulan ini.

Akhir sekali, Yang Berhormat...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Tuan Liew Chin Tong: Ya.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Setujukah Yang Berhormat Menteri kekuatan kita di dalam ATM lebih kurang 160,000 orang. Saya yakin dan percaya kita boleh cungkil bakat-bakat ini bermula daripada pengambilan rekrut ataupun

graduan ataupun graduasi daripada UPNM dan kita pupuk bakat-bakat mereka. Saya berpendapat kita tidak perlukan perkhidmatan pemain-pemain luar. Oleh sebab dahulu kita boleh buat, mengapa sekarang kita tidak boleh buat dengan kemudahan-kemudahan yang ada. Saya harap Kementerian Pertahanan boleh beri tumpuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih atas cadangan. Jumlah kekuatan Kementerian Pertahanan termasuk ATM adalah hampir 140,000 dan cadangan akan dikaji dan diteliti.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang telah membangkitkan dua isu. Isu pertama, Yang Berhormat telah menjelaskan aset-aset utama pertahanan adalah merupakan suatu kerahsiaan dan pendedahan tentang sebarang kelemahannya secara terbuka akan mendedahkan kepada ancaman kepada keselamatan negara. Justeru dengan itu, Yang Berhormat mencadangkan agar tidak dibuat sebarang pendedahan tentang sebarang kelemahan sesuatu aset ATM walaupun di atas dasar ketelusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sedia maklum bahawa maklumat mengenai aset-aset utama pertahanan adalah merupakan suatu kerahsiaan dan pendedahannya secara terbuka boleh menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Walau bagaimanapun, pendedahan yang telah dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan negara ataupun *national interest* terutama bagi meredakan kegelisahan rakyat terhadap isu-isu keselamatan seperti pendedahan aset pertahanan di Pantai Timur Sabah. Di samping itu, ianya juga bagi menarik perhatian rakyat dan semua agensi yang berkaitan mengenai keperluan atau kepentingan aset-aset utama negara agar sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan berupaya untuk mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara daripada sebarang ancaman.

Soalan kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat, saya kecewa sedikit. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang pemberian gaji yang lebih tinggi kepada kaum Cina dan India sebagai satu bentuk dorongan kepada kaum ini untuk menyertai ATM. Saya kecewa kerana ini sebenarnya berita palsu. Saya kecewa kerana Ahli-ahli Dewan Negara bawa berita palsu ke dalam Dewan dan ingat ini sebenarnya kenyataan Yang Berhormat Menteri. Ini memang salah, tidak benar dan tidak pernah di cakap dan diberikan di mana-mana. Ini memang *fake news*, berita palsu.

Saya minta Ahli-ahli Dewan Negara kalau hendak bangkitkan isu apa sahaja, minta semak kesahihan. Sebelum semak kesahihan jangan bawa ke dalam Dewan. Ini memang contoh yang tidak baik. Saya minta kalau boleh tarik balik dan memohon maaf. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong telah memperkatakan dalam perbahasannya tadi Kementerian Pertahanan dengan

panjang lebar. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Terlebih dahulu Kementerian Pendidikan Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan cakna akan konsep pendidikan milik semua. Seramai 31 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah memberikan pandangan, saranan dan teguran yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara.

Sebanyak 80 isu telah dibangkitkan kepada KPM sewaktu perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mulai 22 April hingga 25 April 2019. Saya percaya semua isu yang dibangkitkan adalah bagi memantapkan sistem penyampaian dan keberhasilan bidang pendidikan negara. Saya akan memberi fokus untuk menjelaskan isu-isu dasar mengikut tema. Perkara-perkara spesifik dan operasi akan di rumus secara umum bagi menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, semua isu yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Terima kasih diucapkan saya kepada 13 orang Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu-isu yang menyentuh dasar-dasar pendidikan. Terutamanya, pada mulanya saya ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang membangkitkan tentang laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara ditubuhkan hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2018.

Seramai 13 pakar pada pelbagai latar belakang telah dilantik bagi menyemak semula dasar pendidikan negara serta mengemukakan perakuan berkaitan pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke universiti dengan memberi cadangan dan idea baharu serta inovatif dalam menyusun semula sistem pendidikan negara. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah mengadakan hampir 98 sindikasi dan telah menemui hampir 3,141 pemegang taruh pendidikan. Jawatankuasa juga telah menerima 3,728 cadangan perakuan daripada pihak awam daripada pelbagai sumber. Untuk makluman, jawatankuasa ini perlu mengemukakan laporan akhir kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 30 April 2019. Perakuan di dalam laporan seterusnya akan diteliti dan diperhalusi sebaik mungkin oleh KPM.

Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair pula membangkitkan tentang usaha KPM memperkasakan sekolah kebangsaan dan menjadikan sekolah

kebangsaan sebagai pilihan utama. Hasrat KPM adalah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama masyarakat telah termaktub dalam manifesto Pakatan Harapan.

■1620

Sehubungan dengan itu, KPM sedang memperhebatkan sokongan dan juga bantuan kepada sekolah kebangsaan melalui Program Transformasi Daerah (DTP) iaitu salah satu inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 yang menyalurkan bantuan kepada sekolah yang paling memerlukan di setiap daerah. Menerusi DTP, bantuan diberikan kepada pemimpin dan guru menerusi *Social Improvement Partners Plus* (SIPartners+) dan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) untuk meningkatkan kecekapan penyampaian di sekolah dan pedagogi di dalam bilik darjah.

Dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan, KPM telah menyediakan pembelajaran bahasa ibunda di sekolah kebangsaan. Kini, terdapat beberapa buah sekolah kebangsaan yang menyediakan peluang untuk mempelajari bahasa ketiga seperti bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban dan Kadazan-Dusun. Kementerian juga berhasrat memperluas pengenalan bahasa ketiga di semua sekolah kebangsaan dan hal ini telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk gelombang ketiga pelaksanaannya.

Pusat Pendidikan Komuniti Orang Asli. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid memohon agar KPM mempertimbangkan untuk mengambil alih pusat pendidikan komuniti yang dibangunkan untuk Orang Asli. Untuk makluman sebuah Pusat Pendidikan Komuniti (PPK) telah dibangunkan di perkampungan Orang Asli Pos Gob Gua Musang, Kelantan sebagai model dan perintis bagi menyelesaikan masalah keciciran dan persediaan anak-anak asli untuk ke sekolah.

Inisiatif ini dilancarkan pada 20 Mei 2017 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama KPM, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), CIMB Islamic, komuniti Pos Gob dan juga badan bukan kerajaan. Inisiatif ini dibiayai oleh UKM dan CIMB Islamic. Pada masa ini, PPK tersebut bukan merupakan sebahagian daripada institusi pendidikan kerajaan atau sekolah kerajaan yang ditubuhkan dan di selenggara oleh KPM sebagai yang dinyatakan di bawah Akta Pendidikan 1996. Walau bagaimanapun, KPM melalui UKM telah mengambil langkah awal untuk meneliti dan mengenal pasti bentuk bantuan, kerjasama dan perkongsian sumber yang lebih berstruktur dapat disalurkan termasuk cadangan mendaftarkan PPK sebagai institusi pendidikan swasta.

Berhubungan dengan permohonan geran bantuan yang sepadan diberikan kepada sekolah Orang Asli, KPM ingin memaklumkan bahawa sekolah Orang Asli adalah di bawah KPM yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan seperti sekolah-sekolah lain di bawah KPM.

Maka keperluan dari sudut peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan sekolah di bawah KPM adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan 10 isu berkaitan dengan peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan institusi pendidikan. KPM sentiasa berusaha untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti pendidikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat dan juga kondusif.

Dalam konteks pembangunan semula sekolah daif. Pelaksanaan bagi tahun 2019 di tambah baik daripada aspek penggunaan skala impak kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk rumah guru dan makmal. Keutamaan projek diberikan kepada sekolah yang berskala tujuh. Sekolah yang bersekala tujuh ada sekolah yang tidak selamat lagi untuk digunakan dan telah mendapat pengesyoran daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bagi peruntukan sekolah daif untuk tahun 2019, kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM128 juta yang merangkumi Semenanjung sebanyak RM18 juta, Sabah sebanyak RM10 juta dan Sarawak berjumlah RM100 juta. Berkaitan dengan pembangunan sekolah dan asrama daif di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Sekolah yang telah dikenal pasti dan disahkan tidak selamat oleh JKR dan teknikal di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan diberi keutamaan.

Pelaksanaan naik taraf dan pembangunan sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan peruntukan sebanyak RM552.15 juta melalui peruntukan pembangunan dan *private finance initiative* (PFI). Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula tiga buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh JKR secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangkakan bermula secara berperingkat pada pertengahan tahun ini.

Berhubungan dengan tawaran dana RM1 bilion untuk membaik pulih sekolah daif di Sarawak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. KPM tidak pernah menolak tawaran berhubung cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membayar balik hutang berjumlah RM1 bilion kepada kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, keputusan mesyuarat Jemaah Menteri adalah berbeza adalah berbeza dengan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembayaran hutang dibuat secara kontra. Keputusan mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 20 Februari 2019 menyatakan bahawa dana RM1 bilion tersebut perlu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan sebagai pembayaran hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Seterusnya,

Kementerian Kewangan akan menyalurkan peruntukan tersebut kepada KPM bagi tujuan pembangunan semula dan baik pulih sekolah daif di Sarawak.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut pada 24 April 2019 mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Sarawak dan kedua-dua pihak bersetuju untuk memperhalus kaedah pembayaran dana dan pelaksanaan projek bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan telus.

Status projek Hospital Pengajar UNIMAS. Berkaitan dengan status projek Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. KPM ingin mengatakan bahawa projek Hospital Pengajar UNIMAS telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Ke-11. Bengkel pengurusan nilai, *value management* bagi projek ini telah dilaksanakan dalam bulan April tahun ini dan proses perolehan dijangka dapat dibuat pada suku ketiga tahun ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad pula menyentuh status baik pulih SK Kampung Senta Bidor, Perak yang telah terbakar pada Ogos 2018. Untuk makluman permohonan pembinaan bangunan baharu bagi menggantikan bangunan terbakar di sekolah tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 7 Mac 2019. Projek tersebut masih di peringkat pra pelaksanaan iaitu penyediaan *brief project*. Projek ini akan diserahkan kepada JKR untuk pelaksanaan.

SK Kampung Senta tersebut merupakan sekolah kurang murid dengan jumlah murid sebanyak 87 orang. Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu murid bersesak-sesak dalam kelas kerana bangunan yang terbakar adalah bangunan pentadbiran dan bukan bilik darjah. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh JPM Perak, didapati bahawa terdapat rumah guru di kawasan sekolah yang digunakan secara sementara sebagai bilik guru dan pejabat pentadbiran. Tidak ada rumah guru di sekolah berkenaan yang dibina menggunakan buluh. Bahan-bahan pembinaan bangunan tersebut adalah mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR.

■1630

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam yang membangkitkan isu berkaitan infrastruktur dan peralatan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di Malaysia.

KPM sentiasa memberi perhatian terhadap semua jenis sekolah tanpa mengira aliran bagi memastikan ekuiti dan akses pendidikan dapat dinikmati oleh semua tanpa mengira kaum, latar belakang dan juga lokasi. Untuk makluman, bilangan SJKT sedia ada adalah sebanyak 525 buah yang terdiri daripada sejumlah 365 buah sekolah bantuan kerajaan, manakala sejumlah 160 buah sekolah kerajaan. Bagi SJKT berstatus sekolah kerajaan yang

masih ekonomik untuk dibaiki, pembaikan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan yang disyorkan oleh JPN dan JKR.

Selain itu, KPM melalui peruntukan tabung penyelenggaraan telah menyalurkan peruntukan kepada sekolah bantuan kerajaan bermula tahun 2015. Peruntukan tersebut adalah sebanyak RM50 juta untuk tahun 2018 dan juga tahun ini.

Berhubung dengan cadangan bagi menubuhkan satu unit khas iaitu 3M, memantau, meneliti dan menyelesaikan masalah. KPM pada masa kini telah mempunyai satu seksyen yang menyelaraskan perkara-perkara tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan diteliti oleh pihak kementerian bagi memperkemas lagi pemantauan...

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teo Nie Ching: Biar saya habis dahululah. Bagi memperkemas lagi pemantauan dan pelaksanaan projek-projek khusus di bawah SJKT. Dipersilakan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Berkaitan dengan penjelasan tadi, Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan bantuan sekolah Tamil yang bantuan kerajaan dan juga bantuan bukan kerajaan. Jadi, adakah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan penghapusan ataupun kita sama tarakan sekolah Tamil sebagai satu transformasi ataupun menjelma satu baharu supaya sekolah Tamil sama taraf? Tidak ada dibahagikan kepada sekolah bantuan kerajaan ataupun bantuan bukan kerajaan. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Setakat ini, sekolah untuk SK, SJK(C) dan SJK(T) ada perbezaan di antara sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan oleh sebab tapak sekolah itu adalah berbeza. Untuk sekolah kerajaan, tapak sekolah adalah milikan kerajaan, milikan KPM. Akan tetapi, untuk sekolah bantuan kerajaan, kebanyakan tapak itu bukan milikan KPM, ada yang dimiliki oleh LPS, ada yang dimiliki oleh *churches*, gereja dan sebagainya. Saya rasa cadangan tersebut kami akan teliti supaya kita boleh memastikan tidak kiralah siapa pemilik tapak tersebut tetapi layanan yang sama rata boleh diberikan kepada semua jenis sekolah dalam Malaysia. Akan tetapi, saya rasa itu kita perlukan sedikit masa untuk buat kajian.

Seterusnya, saya ingin menyentuh soalan yang dibangkit tentang SJK(T) Ladang Semenyih oleh Yang Berhormat Senator Sambanthan a/l Manickam juga. Apabila masalah ini dibawa kepada perhatian pihak kerajaan iaitu pada 21 Disember 2018, KPM telah berbincang dengan pihak pemaju supaya tidak merobohkan pagar sekolah dan mereka telah bersetuju untuk menunda kerja-kerja perobohan. Pada masa yang sama, pegawai khas saya telah melawati SJK(T) Ladang Semenyih dan meneliti isu berkenaan.

Jadi, tuduhan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator semasa perbahasannya, saya rasa kurang adil sedikit. Pada 8 Januari 2019, saya telah berjumpa dengan pihak sekolah, pihak LPS dan PIBG...

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Yang Berhormat Menteri, saya jelaskan sedikit tentang sekolah ini. Bukan kita tidak faham apa situasi sekolah SJK(T) Ladang Semenyih. Yang Berhormat sendiri telah pun melawat sekolah tersebut dan saya tanya soalan hari itu, lepas Yang Berhormat melawat, lepas itu seorang Menteri telah pun melawat di sekolah jenis kebangsaan, selepas itu kementerian berbincang dengan EXCO Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan surat daripada pemaju. EXCO kerajaan sudah pun kata surat sudah pun dapat tetapi sampai hari ini kita belum terima sebarang jawapan daripada kementerian.

Yang Berhormat tadi kata sudah berbincang dengan pemaju untuk tidak merobohkan sekolah kawasan tertentu. Lepas Yang Berhormat melawat sekolah, lepas tiga hari, pemaju akan terus datang untuk merobohkan balik kawasan tersebut. Itu Yang Berhormat, saya tanya soalan itu, adakah mendapat geran ataupun surat daripada pemaju dan bersama dengan EXCO Kerajaan Negeri Selangor?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Saya hendak tanya, sekolah itu dirobuhkan oleh pemaju atau tidak- setakat ini tidak ada kan?

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Lepas Yang Berhormat berbincang dengan pemaju, lepas tiga hari, pemaju akan datang balik semula.

Puan Teo Nie Ching: Betul mereka datang balik tetapi KPM sekali lagi telah menghentikan mereka untuk merobuhkan sekolah tersebut. Jadi, saya rasa tuduhan Ahli Yang Berhormat Senator yang menyatakan bahawa KPM tidak ambil berat tentang isu sekolah ini adalah kurang tepat. Jadi, saya hendak nyatakan di sini bahawa...

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Bukan, Yang Berhormat. Soalan...

Puan Teo Nie Ching: Biar saya jawab dahulu boleh tidak, Yang Berhormat Senator? *[Ketawa]* Saya hendak nyatakan di sini bahawa apabila Yang Berhormat Senator menghubungi saya di dalam Dewan Negara ini untuk meminta bantuan, serta-merta kami telah menghubungi pemaju dan minta mereka jangan buat apa-apa perobohan. Pegawai khas saya pergi ke sekolah tersebut serta-merta. Saya pohon maaf kerana saya tidak boleh pergi sendiri kerana hari itu saya berada di dalam Dewan Negara untuk menggulung pindaan kepada AUKU. Jadi, sebab itu saya tidak sempat pergi ke sana. Akan tetapi, tuduhan bahawa KPM tidak ambil tindakan, tidak buat apa-apa, itu tidak tepat sekali.

Isu di sini adalah isu tapak. Kami telah dua kali berjumpa dengan pemaju. Pemaju sekarang pun tidak sentuh, tidak robuh sekolah itu. Pengambilan tanah perlu ambil masa, Yang Berhormat Senator. Tapak itu dimiliki oleh pemaju, bukan dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, apabila KPM hendak *acquire*, hendak mengambil alih tapak tersebut, kita perlu ikut prosedur. Kita perlu ikut prosedur. Bukan sekarang tapak itu dimiliki oleh kerajaan negeri dan di antara dua kerajaan, Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri, kita boleh serta-merta buat sampai satu perjanjian. *Progress* untuk mengambil tanah itu mengambil

masa. Kita sentiasa menghubungi LPS untuk sekolah itu untuk menjelaskan perkembangan tentang sekolah itu kepada mereka.

Saya hendak tanya, Yang Berhormat Senator ada hubungi LPS sekolah itu atau tidak? Ini kerana semua proses ini kita selalu maklum balik kepada sekolah itu. Jadi, saya harap bahawa- kita memang *sincere*, kita memang berhasrat untuk membantu sekolah itu. Janganlah ada seseorang yang hendak mempolitikkan isu ini. Okey, ada soalan lagi?

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Kita bangkitkan isu ini bukan kita hendak cari popular politik di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kita memang lama sudah popular dalam masyarakat India... [*Tepuk*] Bukan baru sahaja. Sudah 30 tahun...

Puan Teo Nie Ching: Betul, betul, betul. Sangat popular. Jadi, saya harap bahawa dapatlah maklumat terkini daripada LPS sekolah itu.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Tidak Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching: Kalau tidak, saya pun selalu sudi untuk kongsi maklumat terkini dengan Yang Berhormat Senator. Okey, saya hendak bergerak kepada...

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi tanya adakah saya berbincang dengan LPS. Saya memang selalu, saya memang orang asal daripada situ. Isteri saya memang bersekolah di SJK(T) Ladang Semenyih. Saya sudah jumpa dengan PIBG semalam, sukan tahunan dan juga saya ada bincang dengan LPS.

Soalan saya, memang ada proses untuk mendapatkan surat tawaran daripada pemaju. Saya tanya, berapa lama proses itu? Ini kerana isu tanah ini bukan baharu. Memang kita tanya ini adalah kerajaan dahulu tidak ada buat, itu bukan masalah. Sekarang saya tanya, apabila Kerajaan Negeri Selangor telah pun diperintah oleh Pakatan Harapan sudah dua penggal, 10 tahun, kali ini sudah 11 tahun. Saya tanya, berapakah lama proses ini? Ini kerana apabila PRK Semenyih, memang dua-dua Yang Berhormat datang. Yang Berhormat Xavier telah berjanji kepada pengundi-pengundi di DUN Semenyih, kita akan selesai masalah ini dengan cepat.

■1640

Selepas itu Yang Berhormat, kenapa mereka EXCO Kerajaan Negeri Selangor berkata, surat sudah keluar. Surat sudah keluar tetapi sampai hari ini kita tidak nampak dikeluarkan, dari mana surat? Itu saya hendak tanya Yang Berhormat. Saya minta lagi sekali kita bukan hendak cari populariti politik di sekolah.

Puan Teo Nie Ching: Saya menjelaskan di sini sekali lagi. Tuan milik tapak itu adalah pemaju dan sekarang adalah tanggungjawab KPM ataupun KPM berhasrat untuk mengambil alih tapak tersebut, tanah tersebut supaya boleh diwartakan sebagai tanah *reserve* sekolah.

Jadi, Pakatan Harapan sudah menjadi kerajaan di negeri Selangor sepanjang 11 tahun sebenarnya tidak mengambil peranan dalam hal ini kerana tuan milik tapak itu adalah

pemaju. Siapa yang sepatutnya mengambil alih tanah tersebut untuk diwartakan sebagai *reserve* pendidikan, tanah *reserve* sekolah adalah tanggungjawab KPM. Oleh sebab itu, hendak mengambil sekeping tanah untuk wartakan sebagai *reserve* sekolah, kita perlu membayar pampasan kepada pemaju. Oleh sebab itu, proses ini kita sedang lakukan.

Jadi, saya rasa kalau bukan kita hendak untuk populariti politik ini, saya tidak faham. Isu ini bukan kesalahan negeri Selangor. Jadi, di sini kita perlu bersikap adil kepada Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun saya bukan dari negeri Selangor tetapi saya rasa dalam peristiwa ini, perkara ini, kita perlulah bersikap adil. Kami tidak boleh menyalahkan kerajaan negeri untuk tidak mengambil alih tanah tersebut kerana untuk mewartakan atau mengambil alih sesebuah atau sekeping tanah untuk dijadikan *reserve* sekolah, itu adalah tanggungjawab KPM, okey.

Selepas itu, saya hendak bergerak kepada pembinaan dan perpindahan SJK(C). Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang membangkitkan isu pembinaan dan perpindahan sekolah jenis kebangsaan di mana kajian dijalankan dari semasa ke semasa untuk meneliti keperluan mendesak di kawasan-kawasan yang kritikal untuk menjalankan projek pembinaan dan perpindahan SJK(C).

Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi tahun 2018 untuk tujuan pembinaan dan perpindahan sekolah-sekolah tersebut. Sebanyak 13 buah sekolah SJK(C) telah pun memperoleh peruntukan tersebut daripada Kementerian Kewangan untuk kegunaan masing-masing, antaranya:

- (i) SJK(C) Hua Lian 2, Perak sebanyak RM1.5 juta;
- (ii) SJK(C) Ladang Ulu Kanchong, Negeri Sembilan sebanyak RM3 juta;
- (iii) SJK(C) Ladang Grisek, Johor sebanyak RM4 juta;
- (iv) SJK(C) Bukit Fraser, Selangor sebanyak RM2 juta;
- (v) SJK(C) Poi Chee, Kedah sebanyak RM1 juta;
- (vi) SJK(C) Kemasul, Pahang sebanyak RM1 juta;
- (vii) SJK(C) Ton Fah, Selangor sebanyak RM1 juta;
- (viii) SJK(C) Batu Duabelas, Perak sebanyak RM1.5 juta;
- (ix) SJK(C) Pei Chai, Johor sebanyak RM1.5 juta;
- (x) SJK(C) Phooi Min, Selangor sebanyak RM1.5 juta;
- (xi) SJK(C) Aik Hua, Pulau Pinang sebanyak RM1 juta;
- (xii) SJK(C) Pai Wen, Sabah sebanyak RM500 ribu; dan
- (xiii) SJK(C) Ladang Hillside, Seremban, Negeri Sembilan, sebanyak RM500 ribu.

Tentang isu pemotongan peruntukan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan bangunan dan kawasan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang

Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung yang prihatin dan telah membangkitkan tentang pemotongan peruntukan untuk kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan bangunan dan kawasan di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengkaji semula pelaksanaan perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) dan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) selaras dengan dasar mengoptimalkan penggunaan sumber kewangan kerajaan yang diamalkan sekarang. Perkara ini dilaksanakan bagi kontrak-kontrak yang bermula 1 Januari 2018.

Bagi kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, KPM sedang menyemak semula bilangan pengawal keselamatan di sekolah ataupun institusi pendidikan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 29 Mac 2019. Bagi kontrak Kebersihan Bangunan dan Kawasan, bilangan pekerja tidak lagi mengambil kira *enrolment* murid dan penghuni asrama seperti dalam skop kontrak sebelum ini. Bermula 1 Januari 2019, bagi sekolah selain sekolah kurang murid, bilangan pekerja bergantung kepada keluasan sekolah, bilangan blok, bilangan aras setiap blok dan bilangan kubikel tandas.

Berhubung isu pembuangan atau pengurangan pekerja-pekerja kebersihan, KPM ingin menjelaskan bahawa KPM tidak terlibat dalam penamatan mahupun pengambilan mana-mana pekerja kebersihan. Syarikat yang terlibat biasanya boleh mengatur pekerjaanya mengikut keperluan kontrak yang tidak hanya bergantung kepada kontrak kebersihan sekolah bagi penempatan pekerjaanya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu PTPTN. Dalam sesi perbahasan kali ini, sebanyak tiga orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berkaitan PTPTN. Berhubung bayaran balik syarat baharu pinjaman PTPTN dan cadangan pembayaran balik daripada minta maaf, saya tadi salah sebut. Kontrak baharu untuk perkhidmatan kawalan keselamatan dan juga kebersihan bangunan dan kawasan bermula pada 1 Januari 2019, bukan tahun 2018. Saya di sini memohon maaf [*Ketawa*]

Okey, PTPTN. Berhubung bayaran balik syarat baharu pinjaman PTPTN dan cadangan pembayaran balik daripada golongan mahasiswa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 telah mengarahkan agar pelaksanaan Potongan Gaji Berjadual (PGB) peminjam PTPTN ditangguhkan bagi mendapat pandangan pemegang taruh susulan menerima maklum balas daripada masyarakat.

Buat masa ini, sesi libat urus sedang dijalankan melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti persatuan majikan, persatuan pekerja, persatuan belia, majlis perwakilan pelajar, badan bukan kerajaan dan lain-lain pemegang taruh yang akan dijalankan selama enam bulan bermula Januari 2019 sehingga Jun 2019. Cadangan dasar baharu

berkaitan bayaran balik pinjaman PTPTN akan mengambil kira kesan ke atas kelestarian PTPTN serta kemampuan bayaran balik oleh peminjam agar tidak membebankan akan disediakan setelah mengambil kira semua pandangan daripada sesi tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili yang bertanya tentang hutang tertunggak PTPTN sehingga Disember 2018. Jumlah keseluruhan pinjaman ataupun *sukuk* PTPTN adalah sebanyak RM51.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM13.5 bilion telah dibayar mengikut jadual yang ditetapkan menjadikan baki pinjaman atau *sukuk* semasa adalah sebanyak RM37.7 bilion. Untuk makluman, tiada tunggakan pinjaman ataupun *sukuk* yang ditanggungkan oleh PTPTN. Sebaliknya, bayaran balik pinjaman ataupun *sukuk* adalah mengikut jadual yang ditetapkan oleh institusi kewangan atau pemberi pinjaman.

Berhubung unjuran peminjam dan dana PTPTN pula, secara purata, pelajar baharu yang memerlukan pinjaman pendidikan PTPTN setahun adalah di antara 170 ribu orang sehingga 200 ribu orang. Untuk itu, PTPTN memperuntukkan sehingga RM4 bilion setahun bagi membiayai peminjam baharu dan peminjam aktif sedia ada. Berkaitan isu pelupusan pinjaman PTPTN.

■1650

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon pencerahan sedikit. Berkenaan dengan PTPTN, agaknya bila pelaksanaan dasar baharu ataupun penetapan bayaran yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Seperti yang saya sebut tadi, PTPTN telah diminta oleh Jemaah Menteri untuk mengadakan sesi libat urus dari Januari sampai Jun tahun ini. Jadi mereka akan membentangkan laporan kepada KPM dan selepas itu KPM akan membentangkan laporan tersebut kepada mesyuarat Jemaah Menteri. Saya percaya keputusan hanya dapat dibuat selepas laporan itu dibentangkan. Jadi saya rasa mesti selepas Jun kerana Januari sampai Jun memang adalah sesi untuk *engagement* lagi. Terima kasih.

Berkaitan isu pelupusan pinjaman PTPTN seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili dan isu bayaran balik pinjaman PTPTN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu sehingga Mac 2019 sebanyak 59,786 pinjaman telah diberikan pengecualian bayaran balik kerana mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama. Dasar pengecualian bayaran balik graduan ijazah kelas pertama masih diteruskan dan mulai 1 Januari 2019, insentif ini dianugerahkan kepada pelajar daripada keluarga kumpulan B40 dan M40.

Saya sekarang bergerak kepada isu TVET Tuan Yang di-Pertua. Isu berkaitan TVET telah dibangkitkan oleh beberapa orang Senator. Bagi menjawab isu birokrasi pengiktirafan

TVET dan langkah mengatasi isu ketidaksetaraan program TVET seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, KPM telah mengambil pelbagai langkah. Antaranya ialah membangunkan Sistem Jaminan Kualiti TVET Tunggal. Melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti TVET Tunggal tersebut, proses permohonan persijilan dan penilaian program-program TVET diselaraskan melalui:

- (i) Jawatankuasa Teknikal Bersama ataupun *Joint Technical Committee* dengan izin yang dianggotai oleh wakil MQA.

Mohon maaf, saya salah sebut lagi [*Ketawa*] *Paragraph 44* okey, minta maaf ya. Okey, saya nak buat sedikit pembetulan, sehingga Mac 2019 sebanyak RM59,789 pinjaman telah diberikan pengecualian bayaran balik, so *RM59,789*. Mohon maaf.

Okey, Jawatankuasa Teknikal Bersama iaitu *Joint Technical Committee* yang dianggotai oleh wakil MQA, JPT, kementerian berkaitan dan pakar TVET yang bertanggungjawab menyelaras dasar dan proses jaminan kualiti bagi program-program TVET.

- (ii) *TVET standards* yang terdapat dalam *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* untuk kegunaan MQA dan juga JPK dalam penilaian akreditasi program-program TVET; dan
- (iii) penambahbaikan laluan graduan TVET sehingga ke peringkat pendidikan tinggi sarjana muda dan seterusnya peringkat pasca siswazah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, *Massive Open Online Course* (MOOC) telah dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memenuhi kehendak pelajar generasi digital. MOOC telah bermula pada tahun 2015 sehingga kini, sebanyak 88 MOOC telah dibangunkan yang melibatkan sebanyak 141,144 enrolmen dalam kalangan pelajar dan pensyarah politeknik khususnya dan pihak luar secara amnya.

MOOC yang dibangunkan ini melibatkan bidang TVET politeknik yang dilaksanakan secara khusus, teradun dan juga kursus pendek di peringkat politeknik. MOOC juga boleh disertai oleh pihak luar termasuklah tenaga kerja di industri yang memerlukan ilmu pengetahuan dan latihan komprehensif secara separuh masa dalam bidang TVET. Bagi tahun 2019, JPPKK dalam usaha ke arah membangunkan satu MOOC secara sepenuhnya dalam talian yang boleh disertai oleh semua pihak termasuklah tenaga kerja di industri secara separuh masa dan fleksibel.

Berhubung dengan peruntukan RM206 juta untuk politeknik dan kolej komuniti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada pembelajaran pembangunan yang telah diperuntukkan dalam *Rolling Plan* Keempat, RMKe-11. Peruntukan ini telah digunakan untuk membangun

dan menyediakan fasiliti dan prasarana yang lebih kondusif agar latihan yang diberikan lebih memberi impak kepada pelajar dan pelajar dapat mengikuti program latihan di politeknik dan kolej komuniti dengan selesa dan selamat.

Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing telah membangkitkan isu berkaitan usaha KPM dalam meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat berhubung pendidikan TVET dan usaha meningkatkan kualiti TVET. Untuk makluman, KPM telah dan sedang berusaha mengemudi semula pandangan sarwa masyarakat terhadap pendidikan TVET. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:

- (i) menguar-uarkan kejayaan lulusan TVET;
- (ii) menyelaras artikulasi lepasan TVET;
- (iii) menyediakan program pengajian yang menepati keperluan industri;
- (iv) menggalakkan pelajar berdaftar dengan *Malaysia Board of Technologist* (MBOT);
- (v) pengiktirafan antarabangsa;
- (vi) mengadakan kerjasama dengan industri; dan
- (vii) melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran terkini.

Berhubung status penyelarasan pemantauan TVET pula, mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah bersetuju terhadap pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET. Kewujudan satu sistem...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta izin sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. KPM sangat menghargai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing bagi memajukan pendidikan TVET.

Untuk makluman, laporan interim Jawatankuasa Pemerkasaan TVET yang disediakan pada awal Januari 2019 telah mencadangkan beberapa inisiatif. Sebahagian inisiatif tersebut yang telah pun berjalan dan sebahagiannya sedang berjalan dan ada yang akan dimulakan. Antara inisiatif yang telah diambil tindakan oleh KPM adalah seperti berikut:

- (a) penubuhan Jawatankuasa *Task Force* Khas Hala Tuju Kolej Vokasional;
- (b) Memorandum Jemaah Menteri, pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional;

- (c) perkongsian sumber pendidikan antara institusi TVET KPM;
- (d) mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pemerkasaan TVET Teknikal bersama semua kementerian, penyelia TVET;
- (e) *premier TVET talk*;
- (f) mengadakan *town hall meeting*;
- (g) program-program *reskilling* pembelajaran sepanjang hayat dan program *finishing schools*;
- (h) program *industry on campus*;
- (i) penubuhan Majlis Penasihat Industri (MPI); dan
- (j) program sangkutan industri tenaga pengajar.

Berkaitan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, jawatankuasa tersebut beroperasi menggunakan peruntukan sedia ada KPM. Kos-kos yang terlibat adalah berkaitan penganjuran sesi *town hall*, bengkel-bengkel serta mesyuarat daripada pemegang taruh seperti penyelia TVET antara kementerian, industri dan juga komuniti.

■1700

Jawatankuasa ini telah diwujudkan bagi membincang serta menyelesaikan isu dan cabaran dalam pelaksanaan TVET merentasi sembilan kementerian iaitu berkaitan akreditasi dan pentauliahan program, pertindihan penawaran program TVET oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam, artikulasi, jurang kemahiran tenaga pengajar TVET, peruntukan kewangan, yuran pengajian, gaji *graduate* TVET serta persepsi masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah mengemukakan cadangan dan pandangan tentang kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran sama ada di sekolah ataupun di peringkat pengajian tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, bahawa pelbagai inisiatif daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi untuk meningkatkan penguatkuasaan dalam bahasa Inggeris telah dilakukan oleh KPM, salah satunya ialah memperkenalkan MUET.

KPM telah mengesyorkan supaya tahap minimum *band* MUET untuk ber-*graduate* di universiti ditetapkan pada seperti berikut:

- (i) *Band 5* bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (*Teaching English as a Second Language*) ataupun undang-undang dan juga perubatan;
- (ii) *Band 4* untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik; dan
- (iii) *Band 3* bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial.

Walau bagaimanapun syor ini adalah tidak wajib dan Senat universiti mempunyai kuasa penempatan syarat ber-*graduate* yang bersesuaian seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 17(2A)(f) Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tentang kualiti kurikulum politik dan Perlembagaan. Terima kasih diucapkan kepada...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Nanti dulu Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: ...Berbalik kepada MUET sekali lagi saya bangkitkan pada seorang pelajar yang membuat ijazah dalam subjek Bahasa Arab Penulisan dan Komunikasi. Beliau sekolah rendah sehingga darjah enam kemudian dia sekolah agama daripada Tingkatan 1 sampai STAM. Tidak ada waktu belajar Bahasa Inggeris dalam waktu tersebut. Jadi saya rasa tidak adillah kalau bakal graduan ini dikenakan syarat untuk graduasi kena lulus MUET.

Sudah dua tahun lebih sudah beliau tidak boleh lepas *Band 2* ataupun *Band 3* yang diperlukan. Jadi saya mohonlah kepada Kementerian Pendidikan, ini sebenarnya bukan *Senate* sahaja. Kalau ikut buku Anggaran Belanjawan 2019, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bertanggungjawab melaksanakan fungsi mengeluarkan keputusan peperiksaan STPM MUET, psikometri dan ikhtisas yang standardnya diiktiraf oleh institusi penerimaan lulusan. Ada kena mengena dengan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Jadi saya pohon untuk kes ini, kes seorang pelajar daripada USIM, nama Muhammad Isman bin Kahar. Saya minta tolong teliti balik, tolonglah bantu untuk beliau *graduate*, anak orang miskin bukan anak orang kaya pun. Jadi dia hendak bekerja pun kelayakan akademik dia dikira daripada STPM ataupun STAM. Jadi kita mohon pihak kerajaanlah membantu nasib orang seperti ini. Boleh kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa soalan ini pun saya pernah jawab dalam Dewan Negara ini. Kuasa untuk menentukan syarat-syarat minimum adalah terpulang kepada Senat sesebuah UA. Sebenarnya bukan KPM yang tetapkan syarat minimum itu, ada universiti yang tidak letakkan apa-apa polisi ataupun syarat minimum untuk seseorang untuk ber-*graduate*.

Saya rasa apabila Senat sesebuah UA menetapkan apa-apa syarat mereka mungkin mengambil kira banyak perspektif. Seperti kalau mereka wujudkan satu nama bahawa *graduate* daripada universiti ini mereka boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik, jadi kebolehpasaran *graduate* daripada universiti ini juga akan semakin meningkat kerana saya rasa itu adalah satu keperluan tenaga kerja kita juga. Akan tetapi, okey saya akan semak balik tengok bagaimana kita boleh bantu tetapi saya rasa kita juga menggalaklah pelajar tersebut. Kalau sudah dua tahun melalui sedikit intensif *course* mungkin boleh bantu

beliau supaya mencapai MUET *Band 2* kah. Ini kerana MUET *Band 2* memang tidak susah sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh?

Puan Teo Nie Ching: Akan tetapi tidak apa sekarang saya sudah dapat nama dan universiti...

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Laksamana, Yang Berhormat jumpa Menteri dekat luar minta tolong [*Ketawa*] Sambung Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid. Okey di sini, saya hendak ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang mencadangkan supaya KPM mengubah kurikulum yang dapat menghasilkan pemikiran politik yang matang dan Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, yang mencadangkan subjek Perlembagaan diajar di sekolah.

Untuk makluman, di peringkat sekolah KPM telah mengorak langkah awal dalam memastikan murid menerima pendedahan dan pendidikan mengenai asas politik dan Perlembagaan sejak di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dan juga Pendidikan Moral. Tajuk berkaitan dengan demokrasi berparlimen, proses pilihan raya, Perlembagaan Persekutuan, tanggungjawab dan hak warganegara diperkenalkan melalui kedua-dua mata pelajaran tersebut. Tajuk-tajuk tersebut turut dimasukkan dalam subjek Pengajian Am bagi murid STPM.

Selain itu, Pendidikan Sivik yang bakal diperkenalkan semula pada tahun ini akan mengukuhkan lagi pendidikan kewarganegaraan. Manakala di peringkat pengajian tinggi pengetahuan berkenaan Perlembagaan, pentadbiran dan budaya politik negara diterapkan di dalam Kursus Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia yang ditawarkan di dalam mata pelajaran Pendidikan Umum (MPU) yang wajib diambil oleh semua pelajar warganegara Malaysia di institusi pendidikan tinggi. Antara komponen di dalam Kursus Hubungan Etnik adalah demografi etnik dan politik, perkembangan politik, kemufakatan politik, budaya politik baharu dan dinamika politik.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari pula ingin mengetahui pencapaian murid Siam dalam SPM. KPM ingin memaklumkan bahawa bilangan murid Siam yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2016 ialah 647 calon. Tahun 2017 sebanyak 724 orang calon dan tahun 2018 sebanyak 797 calon. Manakala bilangan murid Siam yang memperoleh sekurang-kurangnya 1A dalam peperiksaan SPM pada tahun 2016 ialah 312 calon, tahun 2017 sebanyak 327 calon dan tahun 2018 sebanyak 348 calon.

Saya bergerak kepada tajuk guru dan pensyarah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing yang membangkitkan isu dasar 90:10, guru di Sarawak. Status semasa pencapaian dasar 90:10 sehingga 31 Mac tahun ini di negeri Sarawak adalah 87 peratus daripada guru terdiri daripada anak negeri Sarawak. Berdasarkan kepada pengisian guru seperti pada 7 April 2019, terdapat seramai 41,441 orang guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut seramai 36,118 ataupun 87 peratus merupakan guru kelahiran Sarawak manakala seramai 5,353 orang ataupun 13 peratus merupakan guru dari luar Sarawak.

■1710

Dalam hubungan ini, KPM telah bersetuju bahawa dasar ini diteruskan sehingga tahun 2021 dan nisbah 90:10 ini dikekalkan sehingga mencapai matlamat tersebut. Perlanjutan tempoh tiga tahun ini juga dilihat sebagai satu tempoh yang munasabah untuk kementerian terus memberi komitmen bagi mencapai dasar 90:10 di Sabah dan Sarawak berdasarkan trend peratusan yang meningkat semenjak dasar ini mula dilaksanakan.

Isu beban tugas guru telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPM sentiasa mencari kaedah terbaik dalam mengatasi isu bebankan tugas guru. KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru telah memutuskan lima inisiatif sebagai tindakan jangka pendek bagi membantu menangani beban tugas guru dan telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa perutusan Tahun Baru 2019. Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi;
- (ii) pengurusan data dan sistem *online*;
- (iii) pemansuhan peperiksaan tahap 1;
- (iv) penyelenggaraan pelbagai borang; dan
- (v) penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Kementerian juga sedang memperhalusi tindakan-tindakan bagi jangka sederhana dan panjang untuk dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan beban guru.

Berhubungan cadangan supaya KPM mengkaji semula gred perjawatan, kenaikan pangkat pengetua dan guru besar yang berbeza, kementerian mengambil maklum terhadap isu yang dibangkitkan ini dan sedang mengkaji struktur organisasi dan pentadbiran di peringkat sekolah termasuklah daripada segi penambahbaikan gred jawatan pengetua dan guru besar.

Berhubung isu penarikan surat tawaran penolong pengarah Tamil di JPN Selangor, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam. Pengisian jawatan Penolong Pengarah Tamil di Selangor dilaksanakan di peringkat JPN berdasarkan kepada pengalaman dan kesesuaian seseorang calon bagi mengisi jawatan

tersebut. Perubahan kepada arahan penempatan boleh berlaku atas sebab pertimbangan semula dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan dan keperluan organisasi.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang mencadangkan supaya menambah baik pendekatan yang digunakan dalam mengajar anak-anak Orang Asli. KPM melalui IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan yang merupakan Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan menyediakan program latihan pra perkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan serta menjadi pusat kajian yang menjurus kepada pendidikan Orang Asli dan peribumi.

Daripada sudut kurikulum, pengajian dan pembelajaran murid Orang Asli adalah menggunakan pendekatan pedagogi peribumi iaitu berasaskan persekitaran dan budaya setempat serta tahap murid. Pendekatan ini adalah untuk mengekalkan minat murid datang ke sekolah dan motivasi untuk meningkatkan minat belajar sepanjang hayat.

Selain itu, pelbagai program berbentuk *contextual* dengan masyarakat Orang Asli serta murid Orang Asli seperti program anak angkat, kembara visual, program motivasi ibu bapa, murid sekolah Orang Asli, bina insan guru, *practicum*, program jalinan mesra dan sebagainya yang kesemuanya memberi pendedahan langsung dalam meningkatkan pengetahuan mengenai pendekatan yang boleh digunakan oleh guru Orang Asli dan guru bukan Orang Asli. Perkongsian pengetahuan mengenai pendekatan ini juga dikongsi kepada pensyarah di IPG tersebut khususnya dan pensyarah di IPG yang lain.

Hal ehwal murid dan pelajar IPT Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam soalan saya dalam perbahasan saya memohon kelonggaran Jabatan Pelajaran dan PPD Gua Musang, Jabatan Pelajaran Kelantan. Isunya, pelajar Orang Asli kaum Batek di Kuala Koh di Aring. Sekolah ini Sekolah Projek Khas Aring di bawah pemantauan SK Aring 1. Nama sekolah itu ada di satu Kampung Aring itu digunakan satu bangunan khas untuk projek khas. Bermakna pelajar-pelajar yang tidak bersekolah dan tidak pandai membaca di sekolahkan di situ dan guru daripada SK Aring ditempatkan di situ.

Isunya, pelajar yang lima tahun, enam tahun dan juga yang masuk tujuh dan lapan tahun diterima. Isu yang kedua ialah pelajar yang tidak ada Sijil Kelahiran tujuh tahun, lapan tahun dan sembilan tahun. Isu dan perkara yang dibangkitkan ialah apabila surat khabar pada 24 hari bulan lebih kurang 50 pelajar yang tidak ada Sijil Kelahiran dan tidak dibenarkan bersekolah.

Cuma saya melihat bahawa kelonggaran, asal sahaja pelajar itu hendak bersekolah, dia Orang Asli di sekolah di kampung itu diberi kelonggaran dia hendak belajar. Isunya ialah pendidikan itu sebuah ilmu, bukan birokrasi sangat. Orang Asli di Kuala Koh masih *mobile* di dalam hutan, ada yang beranak di dalam hutan, tidak ada lagi Sijil Kelahiran dan dia hendak

bersekolah. Jadi, bagaimana kelonggaran itu diberi kepada kaum Batek ini yang Negrito, yang masih lagi daif dan maksud saya sangat tercicir daripada pembangunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya polisi setakat ini untuk KPM tentang murid-murid tanpa dokumen ini adalah kita terima Sijil Kelahiran ataupun perintah mahkamah. Dalam kes tersebut saya rasa saya faham bahawa mungkin ada golongan Orang Asli yang masih tidak ada Sijil Kelahiran. Cadangan saya, mungkin saya boleh bincang dengan Kementerian Dalam Negeri supaya kita boleh mengadakan kaunter bergerak di dalam tempat tersebut supaya murid-murid tersebut ataupun anak-anak tersebut boleh dapat sijil kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat KPM bukan hendak menyusahkan murid-murid tersebut. Akan tetapi biarlah kita bayangkan, kalau seseorang anak itu sekarang tidak ada Sijil Kelahiran, kita terima mereka masuk sekolah bukan satu isu besar. Akan tetapi dari segi jangka masa panjang, mereka langsung tidak ada apa-apa dokumen identiti mereka. Mereka akan menghadapi banyak lagi masalah dalam kehidupan mereka.

Jadi saya harap dan saya rasa penyelesaian yang lebih baik adalah kita bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk membantu golongan ini dapat sijil kelahiran mereka. Ini kerana mereka sekarang mungkin hanya berumur enam tahun, tujuh tahun dan 10 tahun. Tidak ada masalah. Akan tetapi apabila mereka mencapai 18 tahun, mereka perlu buka *bank account*. Mereka perlu lesen memandu. Mereka kalau langsung tidak ada apa-apa dokumen, mereka akan dikategorikan ataupun mereka akan dilabel sebagai pendatang asing ataupun *stateless children* atau pun bukan warganegara.

Jadi saya rasa isu ini adalah lagi serius daripada pendidikan. Pendidikan penting. Saya janji apabila mereka dapat sijil kelahiran ataupun perintah mahkamah, kita akan bantu. Akan tetapi saya rasa dalam hal ini kita lebih baik bekerjasama dengan jabatan Pendaftaran Negara untuk membantu anak-anak Orang Asli dapat *document identity* mereka. Saya rasa itu adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat Senator itu adalah sehingga dapat sijil kelahiran itu, ada Kementerian Pendidikan boleh beri kelonggaran tak? Itu soalnya.

Puan Teo Nie Ching: Kami akan, kalau ada dokumen...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dahulu sampai sekarang saya pun tahu ada juga sebenarnya ada juga Kementerian Pendidikan ada bagi kelonggaran kepada ...

Puan Teo Nie Ching: Itu kalau ada dokumen untuk membuktikan bahawa permohonan sedang dibuat, kami akan bantulah tetapi saya rasa sekurang-kurangnya sedikit dokumen untuk menunjukkan bahawa ibu bapa juga ambil berat tentang perkara ini.

Jadi saya rasa, Sijil Kelahiran ini di bawah JPN, Jabatan Pendaftaran Negara...

Tuan Yang di-Pertua: Ataupun borang...

Puan Teo Nie Ching: ...Saya tidak boleh buat apa-apa janji tetapi kalau memang ada satu golongan yang besar yang menghadapi isu ini, KPM sedia untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih. Saya hendak sentuh berhubung perubahan pakaian seragam sekolah khususnya warna kasut sekolah hitam. KPM telah bersetuju bahawa pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam tersebut akan dilaksanakan secara beransur-ansur bermula pada sesi persekolahan tahun 2019 dan diperluaskan pada tahun 2020.

■1720.

Dalam tempoh transisi tersebut murid-murid masih dibenarkan untuk memakai kasut dan stoking berwarna putih. Pihak sekolah turut diminta untuk tidak mengadakan peraturan atau memaksa murid-murid untuk memakaikan kasut berwarna hitam dalam tempoh transisi ini. Penguatkuasaan pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam secara sepenuhnya akan bermula pada tahun 2021.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin telah membangkitkan isu pelajar melacurkan diri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sentiasa memastikan kes-kes tidak bermoral dalam kalangan pelajar dapat dikekang daripada menular di Institusi Pendidikan Tinggi. Sehubungan itu, pelbagai usaha yang dilaksanakan merentasi kementerian dan agensi lain antara kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti PDRM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah dilakukan dan akan sentiasa diteruskan. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan di peringkat institusi bagi membentuk akhlak dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang mencadangkan supaya murid diberikan pendedahan tentang murid berkaitan laluan akademik mengikut potensi masing-masing. KPM sedar bahawa kebolehan harian manusiawi adalah berbeza-beza dari segi sikap, bakat dan kebolehan. Ada yang mempunyai kecenderungan dalam sukan, kesenian dan sebagainya.

Berkaitan dengan laluan akademik murid, KPM telah pun menyediakan Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah rendah dan menengah. Salah satu bidang utama yang terkandung dalam buku panduan tersebut adalah pendidikan kerjaya murid. Semua pengetua dan guru besar sekolah KPM telah diarahkan mematuhi dan menggunakan buku panduan ini serta dilaksanakan secara berkesan kepada murid-murid.

Selain itu, KPM juga melaksanakan pentaksiran psiko metrik bagi mengenal pasti trend, personaliti dan hala tuju kerjaya murid berdasarkan instrumen inventori trend personaliti dan inventori minat kerjaya.

Berkaitan unjuran pengambilan murid prasekolah 2020 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabyah binti Ali. Melalui inisiatif peningkatan *enrollment* dan bilangan kelas prasekolah, KPM telah terus komited dalam menyediakan akses terhadap pendidikan prasekolah dan sehingga April 2019 jumlah bilangan kelas prasekolah KPM seluruh negara yang telah beroperasi adalah sebanyak 9,500 buah kelas. Bagi tahun 2020 berdasarkan permohonan daripada Jabatan Perdana Menteri, kementerian mengunjurkan sebanyak 94 kelas prasekolah baharu dan ini menjadikan kelas prasekolah KPM pada tahun 2020 sebanyak 9,594 kelas yang dapat memanfaatkan seramai 219,068 orang murid.

Isu berkaitan kebajikan mahasiswa terutamanya mahasiswa dalam kalangan keluarga miskin telah mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan kali ini juga. Berhubung isu mahasiswa lapar di institusi pengajian tinggi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Pihak KPM telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dalam menjaga kebajikan pelajar di IPT. Antara program bantuan kepada pelajar adalah:

- (i) Program Skim Zakat dan Bantuan Kebajikan Pelajar;
- (ii) *HEP Food Coupon*;
- (iii) *Food Pantry* di kolej fakulti atau persatuan;
- (iv) *HEP Emergency Cash*;
- (v) *central kitchen*; dan
- (vi) *UM Food Pantry*.

Selain itu, kerajaan juga melaksanakan Program Food Bank Malaysia. Program ini adalah salah satu inisiatif kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Disember 2018 bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan termasuklah pelajar IPT. Pihak UM, UKM dan UPM telah dipilih sebagai universiti perintis kepada program ini dana akan diperluaskan kepada IPT lain dalam masa yang terdekat.

Berhubung pembekal makanan mentah ke sekolah berasrama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip, pentadbiran sekolah adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahan mentah yang dihantar adalah berkualiti dan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan seperti yang termaktub dalam kontrak. Pihak kementerian melalui JPN dan juga PPD sentiasa memantau pelaksanaan kontrak MBB ini bagi memastikan kebajikan murid diutamakan.

Bagi sekolah yang menerima perkhidmatan bekalan makanan bermasak, pembekal adalah diwajibkan berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 040103 – Makanan Bermasak Islam. Adalah menjadi tanggungjawab pembekal makanan bermasak ini untuk memastikan bahan mentah yang digunakan adalah menepati spesifikasi kontrak sedia ada dan pihak pentadbiran sekolah juga memantau perkara ini secara berterusan selaras dengan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Berhubung pengambilan ke IPTA seperti yang dimohon oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling, seramai 48,759 orang pelajar lepasan STPM, Matrikulasi Asasi dan juga seramai 171,882 orang pelajar lepasan SPM telah mendapat tawaran ke IPTA iaitu Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti bagi sesi akademik 2018/2019. Manakala bagi sesi akademik 2017/2018, seramai 42,404 pelajar lepasan STPM Matrikulasi Asasi dan juga seramai 149,249 orang pelajar lepasan SPM mendapat tawaran ke IPTA.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang membangkitkan isu berkaitan kemasukan murid Orang Asli tanpa sijil kelahiran ke sekolah. KPM sentiasa prihatin dan mengambil berat akan pendidikan dan kebajikan murid Orang Asli, kanak-kanak tanpa dokumen bermaksud anak kepada salah seorang ibu dan bapa warganegara Malaysia yang tidak mempunyai Sijil Kelahiran kerana kelahiran anak mereka tidak didaftarkan dengan JPN. Saya rasa ini saya sudah jawab jadi saya tidak perlu ulang di sini lagi.

Satu isu lagi yang saya hendak sentuh adalah tentang kebolehpasaran graduan. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili telah mencadangkan agar Sistem Pendidikan Negara kita dapat melahirkan lepasan graduan IPT mampu berperanan sebagai *job creator* sama ada untuk diri sendiri atau untuk mewujudkan pekerjaan untuk orang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen keusahawanan telah diterapkan dalam kurikulum di kolej vokasional yang bertujuan untuk mengelakkan lepasan KV hanya bergantung kepada kerja sahaja. Sehingga kini seramai 2,263 orang lepasan KV telah berjaya membuka perniagaan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bidang keusahawanan yang diceburi adalah pengeluaran produk perkhidmatan dan penyelenggaraan. SSM telah banyak memberi bantuan kepada lepasan KV melalui latihan dan pembiayaan bagi memulakan perniagaan tersebut.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh telah menyarankan agar Rukun Negara dibaca pada setiap minggu di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bacaan ikrar Rukun Negara merupakan salah satu daripada atur cara utama bagi perhimpunan rasmi sekolah melibatkan semua guru dan murid pada hari minggu persekolahan seperti yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1984 Perhimpunan Sekolah.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, saya ada juga menyentuh- saya menunggu-nunggu bila Yang Berhormat hendak sentuh bab *new psychoactive substances* (NPS) *drug* yang baharu di mana saya menekankan pada perbahasan saya bahawa NPS ini sudah masuk ke sekolah-sekolah.

Akan tetapi sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, biar saya ucapkan tahniah terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri adalah merupakan Menteri Pendidikan yang pertama menghadiri Mesyuarat Agung PEMADAM yang lepas semasa mengadakan program. Tahniah Yang Berhormat Menteri.

Jadi, NPS ini sudah datang ke sekolah-sekolah dalam bentuk gula-gula, *sweets* dan sebagainya. AADK hanya mengenal pasti 27 *type of* NPS, dengan izin. Akan tetapi semasa saya menghadiri *conference United Nations* di Vienna, sebanyak 739 jenis NPS. Jadi, AADK hanya mengenal pasti 27. Ini yang membimbangkan saya di sekolah-sekolah sebab PPDA sendiri pun kompelin bahawa mereka tidak ada peruntukan untuk mengadakan program-program. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi komen sedikit bagaimana kementerian hendak mengatasi masalah dadah yang baharu ini, Yang Berhormat Menteri. Sebab saya timbul dalam perbahasan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya pohon maaf, saya tidak ada jawapan terperinci di sini.

Akan tetapi, KPM akan sentiasa bekerjasama dengan KDN terutamanya PDRM dalam menangani isu-isu dadah dan apa-apa jenis kes-kes jenayah di dalam sekolah. Saya percaya bahawa pendedahan ataupun maklumat yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Senator ini amat-amat memanfaatkan kita. Saya akan bincang dengan KDN selepas ini, tengok bagaimana kita boleh memastikan *drugs* yang baharu ini, *new drugs* ini tidak akan masuk dalam kampus sekolah. Ini kerana setakat ini, kami sendiri pun tidak ada maklumat sama ada *drugs* tersebut sudah masuk dalam sekolah kita. Jadi, selepas ini mungkin saya boleh dapat maklumat terperinci daripada Yang Berhormat Senator juga. Okey.

Setakat ini penggulungan...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Satu lagi. Sedikit ya. Tentang perpaduan ya. Dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua:Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat bangun ini ada bangkitkan dalam hujahan?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, belakang? Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan, ada?... Okey, okey. Silakan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dengan izin ya. Yang Berhormat Menteri, di dalam sistem pelajaran di negara kita ini, kita tidak utamakan atau tidak mencukupi untuk mengutamakan persefahaman silang budaya dan membawa perpaduan antara kaum-kaum di sekolah. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri? Saya ada sentuh perkara ini dalam perbahasan saya. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator. KPM memang mengambil berat tentang isu perpaduan. Sebab itu kita telah memperkenalkan program RIMUP di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Program?

Puan Teo Nie Ching: RIMUP. R-I-M-U-P. Di mana kita mengumpulkan murid-murid daripada semua jenis sekolah di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri ataupun kebangsaan untuk mengadakan aktiviti bersama. Saya rasa selain daripada kurikulum ataupun buku teks yang kita sediakan untuk sekolah ataupun untuk murid-murid kita, kita juga berharap bahawa melalui program-program ataupun aktiviti yang dilancarkan ataupun dijalankan yang melibatkan semua murid-murid daripada semua jenis sekolah ini boleh memupuk semangat perpaduan di antara murid-murid kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Sambanthan.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab banyak soalan yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi, saya pun hendak mengambil kesempatan ini ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menambahkan matrikulasi daripada 25,000 hingga terus melonjak 40,000.

Saya hendak tanya dua soalan sahaja, Yang Berhormat. Mengapakah Kementerian Pendidikan tidak mengubah nisbah pengambilan matrikulasi iaitu 90:10 bagi memberikan peluang lebih kepada bukan bumiputera? Kita tahu pelajar daripada kaum Cina kurang minat untuk masuk matrikulasi, mereka lebih suka buat *foundation*. Akan tetapi, kaum India bukan semuanya berkemampuan, perlu masuk matrikulasi.

Soalan kedua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat ada bangkitkan dalam penghujahan? Yang Berhormat Menteri, tidak ada? Okey, silakan.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Kedua, berapa banyakkah peruntukan matrikulasi kepada kaum India kali ini? Kerajaan dahulu telah memberi sebanyak 2,200 murid-murid daripada kaum India tetapi kali ini kita belum tahu lagi. Ramai masyarakat India tertanya-tanya dan juga banyak kita telah bagi memorandum. Hari itu saya sudah bangkit tetapi Yang Berhormat belum jawab. Saya minta Yang Berhormat- terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Soalan yang samakah, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Ada sama, ada yang tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia sekali jawablah.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada bangkitkan dalam hujahan?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Memang. Saya gunakan lebih kurang...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak boleh kelirukan Dewan, tahu? Itu boleh jadi kesalahan yang besar. So, kalau ada bangkit, silakan. Kementerian ini bila ambil data itu, tolong ambil seberapa yang baik kerana bila hujahan ini tidak diberi perhatian oleh kementerian, memang ada masalah. Silakan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang dalam hujahan saya memang ada tiga muka surat hanya dikhaskan untuk Menteri Pendidikan. Saya pun tidak tahu apa jadi kepada pegawai-pegawai.

Pertama sekali, apa yang dimaksudkan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Muka surat kah hujahan?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Perbahasan saya. Okey, pertama sekali, saya ada memohon statistik tawaran program matrikulasi pengambilan tahun 2019 mengikut kategori B40, M40 dan T20.

Kedua, saya bertanyakan satu isu di negeri Kedah, SJK(T) Ladang Kuala Muda dengan diberikan relokasi sebanyak- pemaju memberikan tanah tiga ekar untuk sekolah tersebut. Saya tanya, apakah status sekarang untuk relokasi sekolah tersebut?

Ketiga, saya bertanyakan tentang pengumuman rasmi matrikulasi untuk kaum India selepas mesyuarat Kabinet. Kita mahu pengumuman rasmi untuk masyarakat India sahaja. Walaupun ada 90 peratus untuk Bumi, *non-bumi* 10 peratus, rasmi masyarakat India berapa dia boleh dapat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang pembinaan SJK(T) Ladang Kuala Muda, pihak LPS masih menyelesaikan isu permohonan pindah milik tanah daripada pemaju kepada LPS. Proses pemilikan tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum memohon untuk berpindah ke lokasi baharu kerana ini merupakan salah satu syarat

yang perlu dipatuhi peserta dengan persetujuan 100 peratus ibu bapa sebelum kelulusan boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Berdasarkan prosedur sedia ada, kelulusan perpindahan ke lokasi baharu perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang pembinaan bangunan boleh dijalankan.

Tentang isu matrikulasi, saya hendak jelaskan di sini, sejak tahun ini, satu polisi baharu yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah 60 peratus punya tempat akan disediakan untuk golongan B40 dan baki 40 peratus akan disediakan untuk M40 dan juga T20.

■1740

Sama ada, ada suatu kuota yang khusus untuk kaum India saya mohon maaf. Saya tak dapat jawab hari ini kerana sebenarnya mesyuarat *Post Cab*, dianjurkan sekarang. Akan tetapi oleh sebab saya berada di Dewan Negara untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan jadi saya tidak ada kesempatan untuk balik ke kementerian untuk menghadiri mesyuarat *Post Cab* ini...

Tuan Yang di-Pertua: Beri secara bertulis.

Puan Teo Nie Ching: Jadi saya percaya kita boleh menjawab secara bertulis. Sekian sahaja. Ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis kah kementerian?

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua? Sebelum Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Dia baru *start*.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak mencelah hal lain boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Mencelah apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya melihat banyak yang kita bahas ini tidak dicatat Yang Berhormat. Kita kena cari satu formulalah, *we have to do reforms* lah. Tiap-tiap kali perbahasan, ini yang di timbul Tuan Yang di-Pertua. Saya daripada pagi tadi saya menunggu ada satu kes tetapi KDN pun tidak jawab. Saya sebut sendiri polis tetapi KDN tidak menjawab. Jadi saya pun tidak tahu mungkin dok tunggu sekarang *Prime Minister Department* pula hendak tengok sama ada jawapan itu.

Jadi kami kena tunggu *and* tunggu *and* tunggu. Tak apalah itu soal lain tetapi soal pencatat-pencatat ini dan semasa perbahasan kita, kita pun tidak tahu yang mana mencatat sebab sebelah sini kosong. Seorang Menteri pun tidak ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun sudah tanya dia orang cakap dia duduk luar tengok TV catat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ya lah kadang-kadang perbahasan Tuan Yang di-Pertua macam Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita kena buat satu peraturan supaya mereka duduk dalam ini kalau tidak ada pegawai ini kita berhenti Dewan nak?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Cantik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak apalah Yang Berhormat kita beritahu kepada kementerian-kementerian tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab Yang Berhormat Senator dulu, pencatat-pencatat memang mencatat. Tengok dia punya *Hansard*. Dia tengok betul-betul. Dia *highlight* apa yang semua Yang Berhormat Senator buat. So jadi saya rasa kita kena bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Tak tapi, tapi banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Sim Tze Tzin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bukan setakat sini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum lagi ada masalah. Dia cakap berkenaan dengan kementerian lain [*Ketawa*]

Tuan Sim Tze Tzin: Ya lah, kita kena bagi penghargaan kepada pegawai-pegawai kita. Memang buat kerja teruk-teruk dan sampai malam mereka pun kena duduk di sini untuk mencatat ya. Jadi saya...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya tidak mengatakan bahawa mereka ini tak ambil cuma kita ada kadang-kadang perbahasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam perbahasan itu...

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Perbahasan kadang-kadang soalan tidak spesifik macam kita pagi-pagi itu. Dalam perbahasan itu sebab kita bertanya kadang-kadang mereka *neglect* dalam mendengar perbahasan kita. Kalau macam pagi-pagi kita tanya soalan lisan itu spesifik, tetapi apabila perbahasan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri kena faham kalau soalan yang dibangkitkan dalam perbahasan diberi kepada Menteri, Menteri akan sediakan jawapan dia tak payah bagi secara bertulis. Itu maksudnya.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya betul, jadi saya pun ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cakap bagi pihak kementerian Yang Berhormat cukuplah. Silakan. Okay.

Tuan Sim Tze Tzin: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah memberikan perhatian terhadap perkembangan sektor agromakanan negara melalui perbahasan Titah Diraja Parlimen Keempat Belas Tahun 2019. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mempertitah mengenai komitmen kerajaan bagi menjamin bekalan makanan dan daya saing sektor agromakanan melalui peningkatan eksport bertujuan menunjukkan bahawa sektor agromakanan adalah yang penting dalam memastikan kestabilan sesebuah negara.

Secara dasarnya, seruan ini juga adalah selari dengan polisi kementerian bagi memastikan sekuriti makanan terjamin demi memelihara kesejahteraan rakyat. Bagi memangkin usaha ini, Hala Tuju MOA, Prioriti dan Strategi 2019-2020 telah digariskan bagi menterjemah perancangan strategik dan inisiatif yang diberi keutamaan dalam merealisasikan Dasar Agromakanan Negara 2011 hingga 2020. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertekad untuk terus memacu dan memperkukuhkan sektor agromakanan negara selain meningkatkan pendapatan para petani, penternak dan nelayan.

Usaha ini sedang dan akan diterjemah menerusi pelbagai usaha memoden dan menambah produktiviti pengeluaran sektor agromakanan negara selaras dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0- *Industry Revolution 4.0*. Inisiatif-inisiatif berteraskan teknologi moden seperti pertanian tepat- *precision farming*, dan mekanisasi dan automasi- *mechanization and automation* akan terus diperluaskan dan dipergiat. Secara tidak langsung penekanan ini akan membantu melonjakkan pendapatan para petani, penternak, dan nelayan.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menyediakan ekosistem yang lebih kondusif berorientasikan pasaran- *market driven* bagi menarik pelaburan swasta. Gandingan kementerian bersama pihak swasta ini akan memastikan usaha reformasi sektor agromakanan negara kekal relevan dalam mendepani cabaran semasa dan akan datang. Usaha pengukuhan sektor agromakanan negara tidak akan tercapai sekiranya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjuang bersendirian tanpa sokongan daripada rakan-rakan kementerian, jabatan dan agensi lain terutamanya Kementerian Kewangan. Usaha ini adalah tanggungjawab bersama bagi memastikan inisiatif-inisiatif yang dirancang mampu dilaksanakan menerusi sokongan kewangan dan teknikal yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja Negara berlangsung, seramai sembilan orang Yang Berhormat Ahli Dewan Negara telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara berkaitan kementerian ini iaitu Senator Datuk Razali bin Idris,

Senator Puan Asmak binti Husin, Senator Dr. Nuing Jeluing, Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Senator Dr. Yaakob bin Sapari, Senator Datuk Ng Chiang Chin, Senator Datuk Paul Igai, Senator Puan Nuridah bt Mohd Salleh, dan Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Secara amnya perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator adalah isu bantuan kepada pesawah, penguatkuasaan dan pelesenan berkaitan industri perikanan dan bantuan kepada petani di kawasan pedalaman luar bandar. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Senator-senator. Bagi menjawab isu-isu berkaitan kementerian ini sebagaimana yang telah dibangkitkan, sukacita saya mengkategorikan isu-isu tersebut mengikut sektor seperti berikut. Sebelum saya bermula, saya ucapkan terima kasih kepada para pegawai yang bersusah payah sampai malam untuk mendengar perbincangan dan akhirnya membuat segala catatan. Kita satu *team* daripada MOA bermesyuarat panjang sepanjang hari demi untuk menjawab soalan-soalan daripada Senator-senator.

Isu yang pertama adalah isu *food security*, hala tuju kementerian serta NAFAS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dan Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang telah membangkitkan isu hala tuju kementerian, isu sekuriti makanan dan kebergantungan negara kepada import makanan terutamanya beras dan status terkini NAFAS.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi memberi rangsangan terhadap ekonomi semasa negara dalam tempoh dua tahun iaitu 2019 dan 2020, Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020 telah dilancarkan pada 14 Februari 2019. Lima hala tuju, 18 strategi dan 51 inisiatif dirangka berdasarkan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu sekuriti makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta pelaburan swasta perdagangan antarabangsa.

Bagi tempoh jangka panjang, Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) akan bermula pada tahun 2021 sebaik sahaja tempoh pelaksanaan DAN sedia ada berakhir. Kajian DAN 2.0 kini sedang berada di peringkat pra pelaksanaan dan dijangka bermula bulan Jun 2019. Hala tuju sekuriti makanan ya. Manakala bagi menjamin sekuriti makanan negara, kementerian ini akan dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dan program seperti berikut.

■1750

Pertama, melaksanakan pembangunan empat kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini berserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan *variety* padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan

meningkat sehingga ke tahap sara diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras.

Bagi meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan projek ladang satelit dan taman kekal pengeluar ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima lembah tenusu dengan menyasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun. Ketiga, membangunkan industri seperti jagung bijian bagi menangani kebergantungan terhadap import bahan makanan untuk ternakan. Melalui inisiatif-inisiatif...

Dr Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze: Ya.

Dr Yaakob bin Sapari: Sikit. Berkaitan ruminan. Saya menyebut supaya ada satu lembaga tentang ruminan. Mungkin akan dijawab kemudian, tetapi oleh sebab perkara ruminan sudah masuk. Saya rasa kementerian kena menyegerakan penubuhan lembaga tentang ruminan ini bagi menggalakkan- ada satu *body* yang mengawal, memajukan tentang ruminan. So, apa persediaan kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Selepas Yang Berhormat Menteri menjawab, kalau soalan yang dibangkitkan dalam perbahasan tidak dijawab saya ingat Yang Berhormat ini boleh bertanya dengan Yang Berhormat Menteri lah. Kalau tidak Yang Berhormat Menteri sedang menjawab, dia punya *flow* itu akan terganggu. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze: Okey. Untuk Yang Berhormat Senator, lembaga ruminan itu akan saya jawab dalam berikutnya. Melalui inisiatif-inisiatif ini, jumlah import bahan makanan negara pada tahun 2018 telah mencatat penurunan sebanyak 44 peratus berbanding tahun sebelumnya. Namun *balance of trade*, dia telah jatuh sebanyak 44 peratus. Namun bahan makanan import masih tetap diperlukan bagi mengatasi kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan terutamanya industri pemprosesan yang sebahagiannya dieksport semula sebagai produk sektor pertanian. Contohnya bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan, sayur-sayuran iklim sederhana-*temperate*, bijirin dan sediaan bijirin meliputi beras dan tepung gandum dan bahan makanan untuk ternakan.

Untuk status NAFAS. Menyentuh isu berkenaan status NAFAS, sepanjang tempoh penggantungannya, NAFAS telah ditadbir dan diurus oleh lapan orang pentadbir di bawah Seksyen 23 Akta Pertubuhan Peladang 1983 [*Akta 109*]. Ini bagi memastikan pentadbiran NAFAS berjalan seperti biasa sepanjang tempoh penggantungan.

Perintah menarik balik Perintah Penggantungan Perlembagaan NAFAS telah diisytiharkan berkuat kuasa pada 15 Januari 2019 melalui pengumuman pada 21 Disember 2018 kepada semua Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri, Setiausaha Tetap

Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah, Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Ketua Pentadbir NAFAS. Pada tarikh yang sama juga 15 Januari 2019, enam orang Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS telah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri selaras dengan Perkara 4 (1) (b) Perlembagaan NAFAS.

Kini NAFAS ditadbir urus berdasarkan *standard operating procedure* yang telah ditambah baik dan mempunyai kumpulan pengurusan yang lebih profesional dan cekap bagi memastikan pentadbiran yang lebih efektif diketuai oleh AJP NAFAS yang baharu bersama 10 AJP yang lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Nuridah binti Mohd Salleh telah membangkitkan isu berkaitan nelayan dan sektor perikanan seperti isu pemilik lesen sampan yang tidak aktif dan menutup peluang pemohon baharu. Isu kebenaran pukut tunda udang pada musim tengkujuh. Isu pencerobohan nelayan Zon B, C dan C2 ke pesisir pantai. Isu naik taraf pelabuhan Tok Bali dan kelima isu mendalamkan Laguna 7 di Tumpat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, merujuk dasar dan prosedur pelesenan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membekukan semua pengeluaran lesen *vesse/* menangkap ikan bagi Zon A, B, dan C sejak tahun 1982, kecuali *vesse/* menangkap ikan yang beroperasi di laut dalam iaitu Zon C2 di pantai timur Semenanjung Malaysia. Sabah dan Sarawak serta Zon C3 iaitu tuna. Pembekuan ini dibuat dengan mengambil kira status sumber perikanan yang terdapat di perairan negara dan tahap tampungan bilangan *vesse/* penangkapan ikan sedia ada yang beroperasi di dalam perairan Malaysia telah mencapai tahap yang optimum.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator sekalian, dalam keadaan sumber- kita ada buat kajian sumber ikan. Berbanding tahun 1960 sehingga sekarang, sumber kita telah berkurangan secara drastik dan ia telah memasuki zon merah di mana kalau secara keseluruhan- kerana zon-zon berbeza. Secara keseluruhan, kita kalau katakan *survey* pada tahun 1960 adalah 100 peratus katakan, sekarang kita tinggal lima peratus sahaja—ikan-ikan sahaja. Tidak mustahil bahawa pada satu hari, kita tidak mempunyai ikan lagi di dalam laut untuk kita- untuk nelayan kita. *So it is a very serious problem* yang ada yang ramai kutuk DOF kata tidak bagilah, tetapi kalau kita tengok kita kena pastikan bahawa anak cucu kita mempunyai ikan daripada laut. *We have to be very careful* untuk tidak memberi lesen-lesen kepada nelayan yang baharu kerana ini akan menyebabkan sumber kita dikurangkan lagi dan satu hari ia akan pupus.

Isu lesen Ali Baba yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Sim Tze: Ya, sila.

Datuk Razali bin Idris: Boleh? Berkenaan soalan saya. Lesen pesisir pantai yang mana setiap tahun, tiga bulan terakhir ada kemasukan ikan daripada laut dalam ke pesisir pantai. Setiap tahun. Kalau nelayan tak ambil ikan tersebut, maka ikan itu akan keluar. Jadi saya tak faham. Apa signifikan pihak kerajaan tidak mengeluarkan lesen kepada nelayan pesisir pantai sedangkan mereka hanya ke laut pagi hingga tengah hari, lebih kurang macam itulah. Dia tidak bermalam dan sebagainya. Ini kerana ini merupakan satu mata pencarian kepada penduduk di tepi pantai terutamanya di negeri Terengganu. Jadi saya minta kalau boleh pihak kerajaan mengkaji balik apakah tindakan membeku lesen memberi pulangan yang terbaik kepada masyarakat nelayan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze: Saya akan jawab tentang isu ini tetapi tak apa, saya boleh jawab dahulu Yang Berhormat Senator. Lesen pukut tunda musim tengkujuh.

■1800

Dikeluarkan sebelum ini bagi membolehkan *vessel* pukut tunda 20 GRT ke bawah beroperasi di kawasan pantai dua batu nautika dan ke atas. Zon A kosong hingga lima batu nautika, hanya pada musim tengkujuh. Nelayan PTMT ini menjadikan udang sebagai tangkapan utama berikutan terdapat banyak udang di persisiran pantai pada musim tengkujuh dan permohonan lesen ini perlu di buat kepada Jabatan Perikanan Malaysia dan boleh dipertimbangkan sebagai lesen tambahan kepada peralatan utama yang sedia dan mengambil kira kesukaran nelayan pada musim tengkujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Musim tengkujuh kita bagi lesen ya?

Tuan Sim Tze Tzin: Ya, *temporary licenses*. Untuk tahun ini kita bagi dua bulan dan untuk mereka dan mereka boleh menangkap ikan daripada enam pagi sampai enam petang.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih. Untuk isu lesen Alibaba. DOF tidak ada lesen Alibaba, okey. Dia ada lesen Zon A, Zon B, Zon C, C2 dan C3.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada lesen nelayan jugalah.

Tuan Sim Tze Tzin: Akan tetapi, saya rasa Yang Berhormat tentang lesen Alibaba ini adalah telah lesen yang disewa, diberikan dan dipajakkan kepada warga asing. Ini tidak- saya dan kita memang tidak- bagi kementerian dan DOF bagi lesen adalah untuk individu pengusaha untuk mengusahakan sendiri dan kalau mereka telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan maka, kementerian dan DOF akan ambil tindakan untuk menarik balik. Kita tahu bahawa memang wujudnya kalau tinggal di Pantai Timur dan juga Pantai Barat kita tahu bahawa memang wujudnya gejala ini dan kita akan buat *enforcement* kerana kita mahu

bahawa orang yang betul-betul usaha akan mendapat pulangan bukan orang yang *ran seekers*.

Jadi, bermula September 2017, DOF melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan lagi permit laut dalam untuk *vesse/* perolehan dari luar negara terpakai atau bina baharu ya. Kecuali hanya bina baharu dalam negara melalui pemodenan *vesse/*. Pekeliling Pelaksanaan sepenuhnya telah dikeluarkan pada Januari 2018. Bagi memastikan kedaulatan makanan negara dimartabatkan, tindakan tegas diambil dengan melaksanakan pemutihan *vesse/* laut dalam bagi memastikan bot yang diberikan lesen adalah mematuhi undang-undang, syarat dan dasar pelesenan yang ditetapkan serta diberikan kepada pengusaha yang benar-benar tulen.

Sejak tahun 2011 sebanyak 577 *vesse/* laut dalam telah dibatalkan lesen dan 61 lesen lagi sedang di dalam proses pembatalan di samping pembatalan permit yang tidak memenuhi syarat pelesenan. Sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, sebanyak 88 *vesse/* laut dalam yang telah dibatalkan lesen. Pembatalan lesen dibuat kerana seperti kegagalan mematuhi syarat lesen seperti keaktifan *Mobile Tracking Unit*, tidak mendaratkan ikan di dalam negara dan juga *vesse/* ke luar negara.

Pencerobohan nelayan Zon B, C, C2 ke Zon A. Semua *vesse/* pukat tunda Zon B sedang dalam tindakan pemasangan alat pengesanan *Automatic Identification System* yang mana turut boleh digunakan untuk mengesan pencerobohan selain untuk tujuan keselamatan nelayan. Begitu juga dengan *vesse/* Zon C yang menggunakan seratus peratus *cruise* asing dan C2 yang juga yang telah dipasang dengan alat pengesanan *Mobile Tracking Unit* (MTU), menggunakan sistem satelit yang juga mempunyai ke fungsian yang sama. Pemasangan peralatan ini telah dimasukkan sebagai syarat lesen dan boleh dikenakan tindakan undang-undang sekiranya gagal mematuhi.

Satu jawatankuasa bersama melibatkan empat kementerian iaitu KDN, MOA, KLN, MINDEF dan MOT, lima kementerian ya. Ia juga telah dibentuk bagi tujuan penguatkuasaan secara bersepadu untuk membanteras pencerobohan *vesse/* nelayan asing. Ini isu yang sangat besar dalam minggu ini. Ada banyak nelayan yang *complain* dan kerajaan telah ambil tindakan. Hari ini kalau baca surat khabar, bot-bot nelayan daripada Vietnam ditangkap yang mencerobohi perairan Malaysia dan kita telah menubuhkan jawatankuasa itu- *task force* tersebut dan ia telah diumumkan oleh Menteri baru-baru ini.

Sebelum itu, *task force* tersebut, jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan antara lima Timbalan Menteri iaitu KDN, MOA, KLN, MINDEF dan MOT telah ada mesyuarat yang berkala. Sekarang jawatankuasa- *task force* yang ambil tindakan terhadap penguatkuasaan bersepadu akan dijalankan supaya memastikan pencerobohan *vesse/* Vietnam tidak mencerobohi perairan Malaysia.

Isu naik taraf Pelabuhan Tok Bali. Pelabuhan perikanan Tok Bali yang telah beroperasi sejak 3 April 2011 telah menyediakan beberapa komponen seperti 10 unit bilik sejuk yang masing-masing berkapasiti 20 metrik tan dan dua unit *blast freezer* berkapasiti 500 kilo setiap satu. Fasiliti ini boleh digunakan oleh pengusaha-pengusaha bot perikanan untuk menyimpan ikan sebelum diedarkan ke pasaran. Selain itu, NEKMAT juga di dalam rancangan untuk membina sebuah kilang air batu di Kompleks Perikanan Tok Bali berkapasiti 10 metrik tan. Kira-kira 500 peluang pekerjaan dijangka akan dibuka kepada penduduk tempatan khususnya daripada Perumahan Nelayan Tok Bali.

Dalam masa yang sama, LKIM juga telah menawarkan kepada beberapa syarikat swasta untuk mendirikan kilang industri hiliran dalam bidang pemprosesan bagi membolehkan nelayan-nelayan menggunakan Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali menjual hasil tangkapan mereka kepada syarikat-syarikat swasta ini tanpa perlu menghantar hasil ke luar negara. Berkaitan pengalihan muara sungai di Laguna Tujuh, Tumpat.

Pada masa ini terdapat seramai 125 penternak akuakultur yang terlibat dengan masalah kualiti air sungai yang kian teruk. Peruntukan pengaliran untuk pendalaman sungai ini dengan anggaran RM35 juta ringgit telah diluluskan pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, kerja-kerja ditapak dijangka hanya akan dapat dimulakan pada akhir tahun 2019 oleh JPS Kelantan sebagai agensi pelaksana dengan mengambil kira tempoh pengambilan balik tanah, penyiasatan tanah dan kerja-kerja ukur yang sedang berjalan sekarang.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak bin Hussin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat telah membangkitkan isu kemarau di Jelapang, kawasan jelapang padi KADA, isu bantuan kepada pesawah dan isu serangan perosak seperti bena perang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara inisiatif yang diambil oleh pihak Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) dalam membantu penanaman padi di Kelantan menghadapi musim kemarau sekarang adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan jadual pengaliran bekalan air di sawah;
- (ii) membekalkan sebanyak 242 pam mudah alih dan 521 *backwork pump* di lokasi yang bermasalah;
- (iii) membina sebanyak 300 *tube* di lokasi yang bermasalah;
- (iv) membekal diesel kepada pam-pam individu petani; dan
- (v) melaksanakan program pembenihan awan pada 10 April 2019 dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia.

Puan Asmak binti Husin: Mohon bertanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah langkah-langkah tadi melibatkan padi di luar jelapang yang diselia oleh Jawatan Pertanian Negeri Kelantan atau melibatkan padi yang diselia oleh KADA? Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin: Buat masa ini ia disediakan oleh KADA di dalam kawasan jelapang sahaja tetapi yang untuk macam pembenihan awan dan sebagainya dia membantu keseluruhan semua tempat. Ya.

■1810

Puan Asmak binti Husin: Boleh saya membuat tambahan? Dalam perbahasan baru-baru ini saya bangkitkan iaitu pengairan kawasan di luar jelapang padi oleh Jabatan Pertanian. Memang kerajaan ada bagi peruntukan, tetapi peruntukan itu tidak mencukupi dan ia menjejaskan mata pencarian pesawah padi ini. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Soalan ini telah dikemukakan dan nanti saya akan bagi penjelasan secara *detail*, banyak sangat *detail*. Subsidi baja dan racun kepada 322,830 orang pesawah bagi musim di seluruh negara akan tetap diteruskan dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi pesawah. Walau bagaimanapun, jumlah bantuan bergantung pada- *okey* tidak apa, yang tetap akan diberikan untuk meningkatkan taraf ekonomi pesawah. Bantuan khas pesawah sementara menunggu hasil tuai sebanyak RM600 tidak lagi diteruskan kerana bantuan berkenaan adalah bersifat *one off* sahaja bagi tahun 2018 sebelum pilihan raya. Itu kita tahu bahawa objektifnya.

Saya ingin memberi satu penjelasan. Ada banyak rungutan bahawa subsidi baja dipotong atau dikurangkan atau dipotong habis. Ini tohmahan-tohmahan tidak bertanggungjawab yang tidak adil kepada Kementerian Pertanian. Sebenarnya Kementerian Pertanian langsung tidak memotong apa-apa baja. Baja SBPKP 12 beg sebatian tetap diberikan. Baja SIPP untuk urea dan tambahan baja NPK diteruskan, racun diteruskan dan upah bajak RM100 satu hektar diteruskan. Pengapuran yang berjumlah 970 hektar setiap tiga tahun diteruskan, tidak ada pemotongan. Walaupun ada pemotongan dalam bajet, tetapi Menteri berusaha untuk *negotiate* dengan Kementerian Kewangan untuk menambahkan balik bajet.

Sebenarnya kita nampak ada kesan-kesan positif. Maka, kerajaan masih tetap komited dengan para petani untuk memberikan yang terbaik kepada para petani berterusan, tidak ada pemotongan. *So*, saya harap isu ini boleh tutup dan orang daripada pembangkang jangan ungkit isu-isu ini dan mengada-adakan fitnah terhadap kerajaan.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, membangkitkan cadangan supaya kerajaan menaik taraf pusat kuarantin persendirian dan memohon peruntukan untuk Skim Pinjaman Ternakan ataupun Skim Pawah untuk memantapkan sektor ternakan di Kelantan. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, bagi tahun 2018 sebanyak 18 premis kuarantin haiwan telah diluluskan di Kelantan oleh MAQIS.

Walaupun bagaimanapun, tempoh sah laku premis kuarantin tersebut hanya sah sehingga Ogos 2018. Selepas tarikh ini, tiada kelulusan diberikan kerana berlaku larangan import

haiwan ruminan daripada Thailand akibat penemuan penyakit kuku dan mulut- *foot and mouth diseases*. Larangan tersebut telah ditarik balik semula pada 5 April 2019. Sehubungan dengan itu, MAQIS masih menunggu permohonan pendaftaran premis kuarantin haiwan dari negeri Kelantan daripada pengusaha-pengusaha yang berminat.

Skim Pinjaman Ternakan telah ditamatkan pelaksanaan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, pihak jabatan sedang melaksanakan program rintis PROPER yang merupakan insentif berbentuk geran pepadanan dan Program Agropreneur Muda untuk golongan belia. Program rintis PROPER baru dilaksanakan pada tahun ini yang mempunyai konsep insentif geran pepadanan, *matching grant* 70 peratus kerajaan, 30 peratus penternak bagi penternak yang mempunyai ternakan sekurang-kurangnya 20 ekor induk.

Program Agropreneur Muda turut dilaksanakan dengan yang melibatkan belia berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun sebagai galakan dalam bidang keusahawanan pertanian. Seramai 88 orang penternak muda di Kelantan telah menerima Geran Agropreneur Muda dengan peruntukan sebanyak RM1.82 juta.

Selain daripada itu, bantuan ternakan menerusi Skim Pawah Negeri disalurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan kepada penternak di bawah peruntukan negeri. Melalui skim ini, seramai 3,845 orang penternak Kelantan telah menerima ternakan lembu, kambing dan berbiri dengan nilai peruntukan sebanyak RM10.36 juta dari tahun 2012 sehingga tahun 2018.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin membangkitkan isu kemasukan produk petani dari Thailand melalui AP terutamanya isu penyeludupan ayam daripada Thailand dan cadangan subsidi kepada penternak ayam. Untuk makluman Yang Berhormat, pertimbangan dan kebenaran untuk mendaftar sebagai pengimport Kelantan ayam hanya diberikan kepada syarikat yang menjalankan pemprosesan produk tambah nilai hasilan ayam.

Pemeriksaan verifikasi akan dijalankan bagi mengesahkan pemprosesan beroperasi dan berkapasiti semasa loji pemprosesan tersebut. Kuota import yang dibenarkan pula tidak melebihi daripada kapasiti dan penggunaan bahan mentah keratan ayam bagi menghasilkan produk tambah nilai hasilan ayam. Pengimportan keratan ayam hanya dibenarkan bagi tujuan pemprosesan. Sebagaimana syarat yang dikenakan dan dilarang sama sekali dijual kepada pasaran terbuka.

Setakat ini, sebanyak 50 buah syarikat pemprosesan di seluruh Semenanjung Malaysia telah didaftar sebagai pengimport dan hanya satu syarikat pemprosesan di Kelantan yang mendapat kebenaran mengimport iaitu sebanyak 100 metrik tan. Sehubungan itu, berdasarkan syarat dan peraturan yang dikenakan ke atas pengimport yang telah didaftarkan tidak akan berlaku lambakan keratan ayam di pasaran terbuka khususnya di Kelantan sehingga menyebabkan terjejas mata pencarian penternak tempatan.

Malaysia dan Thailand merupakan negara anggota perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang ditandatangani pada tahun 1992. Berdasarkan perjanjian ini, Malaysia telah bersetuju untuk merealisasikan perdagangan dengan negara-negara ASEAN dari segi tarif dan halangan bukan tarif, *non-tariff barriers*. Namun begitu, Malaysia masih mengekalkan kawalan *Approve Permit (AP)* dan *Import Permit* bagi beberapa produk pertanian. Kawalan kuota AP dikenakan ke atas produk berikut:

- (i) kelapa dua biji;
- (ii) kubis bulat;
- (iii) susu cair;
- (iv) keratan ayam; dan
- (v) beras.

Bagi tujuan membantu memasarkan produk hasil pertanian tempatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan pelbagai program promosi dan kempen bagi menggalakkan penggunaan dan pengambilan hasil-hasil pertanian tempatan. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan adalah melalui program promosi yang melibatkan pengguna di *outlet* pemasaran seluruh negara dan kempen kesedaran kepada penggunaan dengan memberi penekanan terhadap khasiat hasil pertanian tempatan. Kempen ini bukan sahaja dilaksanakan di *outlet* pemasaran, malahan turut melibatkan platform media sosial dan sesi interaksi secara langsung kepada penggunaan dengan *tagline* “*Nikmat Kesegaran dari Ladang*” dan “*Bantu Petani Negara*”.

Cadangan subsidi kepada industri ayam penternak. Industri ayam telah mencapai SSL melebihi 100 peratus yang mana mempunyai rangkaian industri yang telah lengkap bermula daripada peringkat pengeluaran hingga pemprosesan melalui penglibatan pihak swasta sepenuhnya. Sehubungan itu, campur tangan kerajaan tidak lagi diperlukan termasuk dalam pemasaran industri ternakan ayam. Pihak kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar hanya akan membantu memberi latihan kepada peserta dengan menyediakan kursus-kursus berkaitan industri ternakan ayam. Dari sudut bantuan lain, pihak negeri ada menyediakan bantuan dalam bentuk *infra* reban, peralatan, makanan dan ubat-ubatan kepada golongan sasar terutamanya penternak-penternak ayam dalam skala kecil.

Akan tetapi saya dalam konteks Kelantan, kita hendak ingin menyeru kepada Kerajaan Kelantan untuk menyediakan tanah yang bersesuaian untuk penternak. *I think* itu adalah lebih penting daripada cadangan subsidi dan sebagainya.

■1820

Tanah kalau boleh disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, ia banyak menyelesaikan masalah dari segi *supply* dan juga pengusaha-pengusaha masuk ke dalam industri penternakan ayam. Terdapat risiko kemungkinan berlaku penyeludupan komoditi

pertanian di luar pintu masuk yang tidak diwartakan sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. Walaupun kuasa MAQIS hanya di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin, pihak MAQIS bekerjasama erat dengan pihak Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) untuk mengawal aktiviti penyeludupan produk pertanian. Kerjasama pihak MAQIS bersama dengan agensi-agensinya yang berkaitan dengan perdagangan rentas sempadan seperti pihak AKSEM dan kastam akan dimantapkan lagi bagi mengawal isu-isu yang berkaitan dengan penyeludupan.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari dan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing telah membangkitkan isu penubuhan lembaga nanas dan kelapa, isu Lembaga Ruminan dan cadangan membantu pekebun kecil komoditi melalui *intercropping* agromakanan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penubuhan Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia (LPKNM) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 14 Mac 2018 dan perkara ini masih lagi dalam tindakan kementerian.

Buat masa ini, kementerian telah memulakan sesi kajian *regulatory impact assessment* (RIA) pada Februari 2019. Proses ini dijangka akan dapat diselesaikan pada Ogos 2019. Kajian ini akan melibatkan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam industri kelapa dan nanas di Malaysia...

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon mencelah?

Tuan Sim Tze Tzin: Ya.

Dr. Yaakob bin Sapari: Sementara penubuhan lembaga- bagi Yang Berhormat Menteri sekejap lah, nampak dia lama berdiri Tuan Yang di-Pertua. Sementara lembaga itu ditubuhkan pada bulan Ogos ini, apakah rancangan kerajaan untuk menanam kelapa? Contohnya berapa juta pokok kelapa perlu ditanam, kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti supaya dalam masa setahun, dua tahun ini jumlah tanaman kelapa telah dipertingkatkan.

Tuan Sim Tze Tzin: Kerajaan melalui ITTP iaitu jabatan dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada industri tanaman, ternakan dan perikanan. Dalam bahagian ITTP ia memang ada program yang berterusan untuk merancakkan industri penanaman pokok kelapa. Jadi benda ini berterusan ya daripada- memang ada jabatan yang khusus untuk *look at all this sector*.

Cadangan penubuhan Lembaga Ruminan dilihat sebagai salah satu- salah satu inisiatif yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan kerangka institusi yang lebih fokus bagi membantu usaha negara meningkatkan pengeluaran daging negara. Namun begitu, cadangan ini perlu diteliti dan dikaji akan kebolehlaksanaannya di negara ini. Pelbagai faktor perlu diteliti dengan lebih mendalam dan terperinci khususnya perbandingan dan keberkesanan pelbagai model lembaga yang sedia ada sama ada di dalam atau luar negara

sebelum sebarang keputusan diambil untuk mewujudkan organisasi khusus untuk mengawal selia industri ruminan di negara ini.

Keputusan akhir berkenaan penubuhan Lembaga Ruminan Negara juga dijangka akan bergantung kepada dapatan daripada sesi *engagement* dengan *stakeholders*, kajian pasukan perunding, analisis kos dan faedah, trend pasaran, polisi dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Cadangan ini akan disusuli dengan pembentukan, pembentangan memorandum berhubung penubuhan Lembaga Ruminan kepada Jemah Menteri dijangka pada penghujung tahun 2019 setelah penilaian dan kajian secara menyeluruh keperluan kerangka institusi, analisa rantai nilai dan daya maju penubuhan Lembaga Ruminan Negara dalam usaha melonjakkan pembangunan industri tenusu dan pedaging negara selesai dilaksanakan. Beberapa...

Dr. Yaakob bin Sapari: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya.

Dr. Yaakob bin Sapari: Sama juga soalan tadi. Lembaga belum ditubuhkan, apakah jabatan yang bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa pendekatan industri ruminan negara?

Tuan Sim Tze Tzin: Buat masa ini adalah *Department of Veterinary Services* iaitu Jabatan Veterinar yang bersungguh-sungguh, sangat bersungguh-sungguh untuk meningkatkan- peningkatan dari segi sektor ruminan dan tenusu di dalam negara Malaysia ini.

Beberapa *intercropping* agro makanan dengan tanaman komoditi, beberapa jenis tanaman yang sesuai diintegrasikan dengan tanaman komoditi adalah seperti berikut. Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Yang Berhormat Menteri daripada MPI.

- (i) sayur-sayuran – bendi, terung, cili, kacang panjang, kacang buncis, timun, kangkung, peria, petola, sawi, kailan, pak choi dan bayam;
- (ii) tanaman kontan – keledak, kekacang, jagung manis, keladi, keledak ubi kayu, nanas dan pisang;
- (iii) tanaman herba – pandan, serai, halia, misai kucing, kacip fatimah, lengkuas, *roselle* dan ulaman; dan
- (iv) lain-lain tanaman seperti cendawan tiram kelabu dan cendawan *volvariella*.

Kementerian ini mencadangkan dua konsep bagi penanaman integrasi ini iaitu tanaman integrasi secara selingan yang mana penanaman dilaksanakan secara selingan tanpa mengubah keadaan asal tanaman komoditi dan tanaman integrasi secara berasingan

yang mana penanaman dilaksanakan secara berasingan di sebahagian kawasan atau plot berlainan dalam penanaman tanaman komoditi.

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin membangkitkan isu peruntukan SKB durian sebanyak RM2 juta yang masih belum diterima oleh petani termasuk daripada Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menerima peruntukan program Sumber Kekayaan Baharu (SKB) pada tahun 2018 berjumlah RM2.6 juta apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu iaitu Dato' Seri Najib umum sejumlah RM18 juta tetapi hanya bagi RM2.6 juta. Ini perkara yang berlaku.

Program ini melibatkan seramai lapan peserta individu dan empat buah syarikat yang memenuhi syarat di bawah program ini dengan keluasan 164 hektar. Berdasarkan peruntukan tersebut, negeri Kelantan tidak menerima peruntukan berkaitan memandangkan peruntukan sedia ada adalah terhad. Walau bagaimanapun, MOA akan mempertimbangkan permohonan di bawah Program Pembangunan Kluster Durian dan Tanam Semula Pokok Buah-buahan Terpilih sebagai salah satu inisiatif galakan dalam membangunkan industri durian.

Yang Berhormat Senator Paul Igai telah membangkitkan isu langkah mengawal masalah penyakit rabies di Sarawak. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah mengisytiharkan wabak rabies di Sarawak sebagai bencana tahap dua pada 11 Januari 2019. Pengurusan bencana adalah di bawah Arahan MKN No. 20 Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Satu bengkel pemantapan Pelan Tindakan Pembanteras Wabak Rabies di Sarawak telah diadakan pada Januari 2019. Enam strategi telah digariskan iaitu:

- (i) pelesenan dan pemvaksin anjing bertuan;
- (ii) kawalan populasi anjing terbiar;
- (iii) *surveillance* dan diagnosis penyakit;
- (iv) perubatan dan kesihatan;
- (v) kempen kesedaran awam dan komunikasi risiko; dan
- (vi) polisi dan sumber.

Sehubungan itu, satu operasi bersepadu bagi menangani wabak rabies telah dirancang dan sedang dijalankan pada masa ini. Objektif operasi adalah:

- (i) memvaksin sekurang-kurangnya 70 peratus daripada populasi anjing bertuan di seluruh negeri Sarawak. Anggaran populasi anjing bertuan sebanyak 225,000 ekor. Setakat hari ini, 124,249 ekor anjing bertuan telah divaksin.
- (ii) mengawal populasi anjing terbiar yang berisiko sebagai pembawa penyakit rabies; dan

- (iii) memberi kesedaran kepada orang awam mengenai bahaya penyakit rabies; dan
- (iv) mendapatkan kerjasama mereka untuk mendapatkan rawatan sekiranya digigit.

Saya kira semua isu yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat Senator dan menyentuh bidang kuasa kementerian ini telah pun saya jawab. Sekiranya masih ada sebarang isu yang belum dijawab, saya akan mengemukakan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Senator tersebut.

Puan Asmak binti Husin: Mohon tambahan. Ada satu sahaja isu yang saya bangkitkan di sini iaitu pihak Kerajaan Negeri Kelantan memohon agar dilantik wakil kerajaan negeri dalam jawatankuasa pelesenan bagi pelabuhan laut dalam di peringkat kebangsaan. Sebab di Kelantan ada tempat pendaratan tetapi tiada wakil kerajaan negeri dalam Jawatankuasa Pelesenan. Mohon perhatian dari pihak Yang Berhormat Menteri.

■1830

Tuan Sim Tze Tzin: Ini isu baharu yang saya tidak dapat jawab pada hari ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Kementerian Industri Utama.

6.30 ptg.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam sayangi sawit ku.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Industri Utama (MPI) dalam sesi perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Untuk penggulungan, saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator melalui empat urutan topik seperti berikut:

- (i) penetapan harga lantai bagi harga komoditi sawit dan getah;
- (ii) mekanisme tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG);
- (iii) menangani persaingan negara-negara pengeluar sawit; dan
- (iv) langkah-langkah dan perkembangan menangani kempen anti minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU).

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang akan diperjelaskan adalah berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Abd. Hamid

mengenai cadangan mengenakan harga lantai bagi komoditi sawit tidak kurang daripada RM420 per tan dan harga getah pada harga lantai sebanyak RM4 sekilogram.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator. Sememangnya kita mempunyai cadangan untuk mewujudkan dana penstabilan harga bagi meringankan bebanan pekebun kecil sawit apabila harga buah tandan segar jatuh. Buat masa ini, kementerian sedang mengkaji cadangan ini sehabis baik dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk harga yang bersesuaian, kos yang terlibat serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai skim berkenaan.

Bagi komoditi getah, kerajaan belum bercadang untuk menetapkan harga lantai bagi harga getah skrap. Pelaksanaan harga lantai akan memberikan impak kewangan yang sangat besar kepada kerajaan disebabkan beberapa faktor berikut:

- (i) memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak;
- (ii) membuka ruang kepada aktiviti spekulasi harga oleh peraih-peraih getah dengan menekan harga ke paras rendah dan mengharapkan kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai; dan
- (iii) membuka ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara terutamanya dari negara jiran memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Jadi bagi isu kedua adalah berkenaan mekanisme tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Saya hendak jawab berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin mengenai langkah-langkah mengatasi masalah karehna birokrasi dalam urusan tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG).

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh pekebun kecil getah yang tinggal di kawasan luar bandar untuk menuntut Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Sehubungan itu, bagi memudahkan pekebun-pekebun kecil menuntut IPG, saya telah mengarahkan Lembaga Getah Malaysia untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

- (i) menjalinkan kerjasama dengan pelesen atau peraih getah dan ketua kampung untuk mengumpul dan menghantar borang tuntutan IPG pekebun kecil getah ke pejabat Lembaga Getah Malaysia yang berhampiran;
- (ii) menghantar pegawai-pegawai Lembaga Getah Malaysia untuk mengambil sendiri borang-borang tuntutan yang dikumpulkan di lokasi-

lokasi tumpuan seperti balai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), masjid dan surau; dan

- (iii) menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menghantar terus borang ke pejabat LGM jika kediaman mereka berhampiran dengan pejabat.

Di samping itu, bagi meningkatkan jumlah tuntutan IPG, kementerian melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mengadakan program hebahan dan jelajah melalui kerjasama pemimpin masyarakat setempat dan pihak berkuasa tempatan;
- (ii) menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri masing-masing bagi melaksanakan pembersihan data Permit Autoriti Transaksi- Getah (PAT-G) dan melengkapkan maklumat akaun bank pekebun kecil;
- (iii) menyediakan aplikasi semakan status permohonan IPG iaitu e-bantuan;
- (iv) menyediakan khidmat notifikasi SMS kepada pekebun kecil ke atas status permohonan;
- (v) memaklumkan status tuntutan IPG kepada pekebun kecil melalui data pos; dan
- (vi) membekalkan peralatan komputer, pencetak serta jalur lebar kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS).

Selain itu, pihak RISDA juga telah bersetuju untuk membuka kaunter khas dalam kadar segera bagi membantu pekebun kecil menerima borang IPG. Kerjasama dengan pihak RISDA ini adalah untuk memudahkan proses tuntutan IPG oleh pekebun kecil sekali gus memastikan mereka dapat menikmati insentif yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan persaingan negara-negara pengeluar komoditi sawit...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana sudi menerima cadangan untuk mengadakan harga lantai untuk kelapa sawit RM420 satu tan.

Akan tetapi, saya kurang selesa mendengar jawapan mengenai harga lantai getah, oleh kerana penoreh-penoreh getah masih menuntut supaya diadakan harga lantai sekurang-

kurangnya RM4.20. Andaian mengatakan apabila kita adakan harga lantai berlaku penyeludupan getah itu, itu merupakan andaian. Mengapa kita tidak cuba?

Saya lihat permohonan peruntukan kementerian ini terlalu kecil untuk tahun hadapan iaitu sebanyak RM506 juta sahaja. Macam mana hendak tolong rakyat? Maka sebab itu saya cadangkan supaya- kalau buat permohonan tambahan peruntukan, saya sokong. *Insyah-Allah*, Dewan Negara boleh sokong kementerian demi membantu penoreh-penoreh getah di luar bandar sana. Boleh, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kementerian saya belum terima cadangan RM420 per tan sebagai harga lantai bagi sawit. Akan tetapi, kita memang bersimpati pada pekebun kecil sawit kerana sekarang harga sawit memang rendah dan tengah lihat bagaimana kita boleh membantu mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, salah satu cara ialah kita sekarang mengkaji macam mana kita boleh mengurangkan pekebun kecil sawit kita dieksploitasi kadang-kadang oleh kilang sawit, kadang-kadang oleh orang tengah yang mengumpul minyak mereka. Pada tahun ini kita sudah mulakan satu *dry run* atas koperasi di mana kita- sebab utama pekebun kecil ini bergantung sangat kepada orang tengah ialah apabila mereka beri mereka minyak sawit, orang tengah itu akan bayar *cash* serta-merta. Jadi, sekarang kita hendak cuba dengan menggunakan 10 buah koperasi yang terpilih di mana kita bagi mereka *rolling fund*. Jadi mereka mainkan peranan bayar kepada pekebun kecil dengan harga yang lumayan yang tepat, yang bagus dan dengan *cash* apabila dapat minyak sawit.

Jadi, ini kita hendak lihat sama ada cara ini berjaya atau tidak. Kalau *try run* ini berjaya, kita akan memperluaskan lagi ke lebih banyak koperasi untuk lihat macam mana kita boleh memberi harga yang lebih adil kepada para pekebun kecil sawit.

■1840

Berkenaan dengan harga lantai RM4.00 satu kilogram harga lantai bagi getah. Susahlah Yang Berhormat Senator [*Ketawa*] ini harga yang terlalu tinggi sekarang yang mana jauh lebih tinggi daripada harga yang kita ada sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, hari ini, *cuplump* adalah RM2.35. Jadi IPG kita ini adalah kita letak pada RM2.50. Jadi Yang Berhormat Senator hendak minta RM4.00 itu jauh lebih tinggi daripada harga hari ini, harga semasa, jadi memang kita tidak mampu untuk bayar dengan harga seperti ini.

Selain itu- nanti saya lihat- Selain itu untuk makluman Yang Berhormat Senator, yang sebenarnya kerajaan memang prihatin terhadap kesusahan kepada pekebun kecil sawit kita dan sekarang harga sawit rendah. Memang kerajaan ingin memberikan bantuan kepada mereka. Pada dua hari yang lepas, Kementerian Kewangan sudah mengeluarkan satu cara

bantuan pinjaman mudah penanaman semula dengan peruntukan RM500 juta untuk penanaman tetapi ini bentuk pinjaman dengan kadar bunga dua peratus sahaja.

Jadi kita juga, Kementerian Kewangan juga mengeluarkan pinjaman mudah bagi input dan bahan penanaman sawit bagi pengusaha dengan pengusaha sawit juga dengan faedah dua peratus satu tahun bagi mereka untuk pinjam untuk menggunakan benih yang disahkan dan sebagainya. Jadi kita akan uruskan yang kemudahan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan yang pihak MPOB dan kementerian saya akan meneliti semua kemudahan ini dan melihat macam mana kita boleh membantu pihak pekebun kecil kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jawab isu tentang pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, berkaitan tindakan kementerian dalam menangani persaingan daripada negara-negara pengeluar komoditi sawit. Permintaan terhadap minyak sawit adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti permintaan dan penawaran persaingan dengan minyak sayuran lain, harga dan kesediaan minyak sayuran tempatan. Kesemua faktor ini akan menentukan momentum jumlah eksport minyak sawit Malaysia ke pasaran negara-negara pengimport. Menyedari hakikat industri sawit Malaysia kini berdepan dengan persaingan yang tinggi daripada negara-negara pengeluar lain, pihak kementerian sentiasa berusaha menanganinya dengan langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, memperluaskan pasaran baharu di beberapa negara rantau Afrika yang berpotensi tinggi. Pada tahun 2018, jumlah eksport keseluruhan produk sawit Malaysia ke rantau Afrika adalah berjumlah 3.23 juta tan yang bersamaan dengan hampir RM9 bilion. Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk meneroka akses pasaran yang lebih luas di negara China dan India.

Kedua, kita melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan akses pasaran yang lebih luas serta diterima secara global.

Ketiga, menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara melalui penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal bagi mempromosi dan meningkatkan tahap kesedaran tentang kebaikan produk sawit keluaran Malaysia. Pada tahun ini, kementerian mengadakan beberapa misi. Antaranya ke negara China, India, Eropah, Amerika Syarikat dan negara-negara Afrika dalam usaha untuk mengukuhkan dan mencari pasaran baharu minyak sawit. Kementerian juga akan terus menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pemain industri minyak sayuran dan lemak di negara pengimport dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dan seterusnya eksport minyak sawit.

Keempat, meningkatkan akses pasaran...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia belum habis lagi.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat Menteri, sekejap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti sekejap. Bagi saya habiskan ini. Meningkatkan akses pasaran melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau seranta. Antara rundingan FTA yang masih di peringkat rundingan adalah *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*, *Malaysia- EFTA Economic Partnership Agreement (MEEPA)* dan *Malaysia-Iran Preferential Trade Agreement*.

Kelima, mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran sawit bagi memastikan sektor sawit terus berdaya saing di pasaran minyak sayuran dan lemak antarabangsa... [Disampuk]

Ya, sila.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya pertama sekali hendak mengucapkan terima kasih dapat beg merah dan minyak merah. Yang Berhormat pula Yang Berhormat Senator Alan kata, "Muka merah. Hari ini baju pun merah" [Ketawa] Merah semualah. Kami pun dapat minyak merah, dalam beg merah. Terima kasih.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, saya difahamkan kalau boleh kita cadangkan supaya kita tanam sawit ini hendak mengelak daripada kita *dok* kena hentam sebab bila kita potong pokok kita ini, pokok kita ini boleh menyimpan air. Bila kita potong pokok, kita tanam sawit, ia tidak membantu. Jadi boleh atau tidak kita selang-seli kan sawit, pokok tanaman buah-buahan ataupun sebagainya, kita selang seli kan? Jadi ini boleh menampakkan bahawa ada perubahan sedikit daripada segi kita punya tanaman sawit ini supaya kalau jatuh harga sawit, ada pokok-pokok lain yang boleh membantu peneroka-peneroka ini. Jadi, kita tidak adalah masalah sangat kalau harga sawit jatuh, pokok buah-buahan yang ditanam itu boleh membantu pada waktu ketika harga sawit jatuh.

Lagi satu kalau boleh, kita keluarkan produk-produk lain. Misalnya saya difahamkan ada satu hamba Allah yang berjumpa dengan saya, dia memberitahu bahawa ada seorang profesor ini telah pun membuat minyak pelincir yang sintetik, bukan semi sintetik tetapi sintetik, lebih baik daripada *mobile 1* umpamanya. Lebih baik dan lebih murah. Orang-orang yang macam ini kita cuba- saya pernah maklumkan kepada Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhormat. Di antara Menteri-menteri yang saya terima kad, *call card* ini, Yang Berhormat Menteri adalah Menteri yang pertama yang lengkap dengan nombor *handphone* dan e-mel. Cuma saya berharap kalau saya *WhatsApp* kah, jawablah ataupun saya e-mel, jawablah. Jangan bagi nombor, bagi e-mel selepas itu tidak jawab. Saya hendak membantu kerajaan supaya kita memperkenalkan produk-produk lain agar kita dapat memasarkan sawit ini dengan bentuk yang lain. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana atas permintaan Yang Berhormat Senator ini, saya beri minyak sawit merah kepada semua dan kita ada *booth* dan beri semua Ahli Yang Berhormat Senator cuba santan sawit yang cendol yang kita sudah beri tadi. Sebenarnya ...

Tuan Yang di-Pertua: Memang sedap Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedap bukan? Sebenarnya lebih sedap daripada santan kelapa. Akan tetapi malangnya ramai orang tidak tahu. Jadi saya juga menyeru Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, balik rumah, masak kari guna santan sawit [*Ketawa*]

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan pelbagai kajian bersesuaian dan daya maju integrasi tanaman dengan sawit. Pekebun kecil sawit amat digalakkan untuk melaksanakan projek-projek integrasi tanaman yang sesuai ketika sawit kurang daripada tiga tahun. Pelbagai jenis tanaman jangka pendek adalah sesuai untuk diintegrasikan di antara baris-baris sawit selepas program penanaman semula atau penanaman baharu sawit dilaksanakan.

■1850

Tanaman seperti pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nanas, tebu kuning, keledek, padi huma, tembikai, jagung manis, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman singkat adalah sesuai ditanam diruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda. Strategi memaksimumkan penggunaan tanah ini juga dapat menjana pendapatan awal yang lumayan bagi pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik. Jadi, memang saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat Senator dengan- kita kata ini *intercropping*. Ini saya rasa memang cara yang mana kita boleh membantu pekebun kecil sawit khususnya waktu sekarang bila harga sawit rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan pertanyaan berkaitan langkah-langkah dan perkembangan dalam menangani kempen anti minyak sawit oleh pihak Kesatuan Eropah. Pada masa ini, satu pasukan khas telah ditubuhkan sejak Januari 2018 yang dikenali sebagai *Palm Oil War Room*.

Pasukan ini dianggotai oleh pegawai-pegawai pakar terutamanya dari sudut teknikal dan sains daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Perubahan Iklim dan bahagian penyelidikan di Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Industri Utama dan agensi di bawahnya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC).

Malaysia juga melaksanakan rangkaian kerjasama melalui Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit atau kita kata *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) yang turut dianggotai oleh Indonesia dan Columbia dan Malaysia untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit.

Melalui CPOPC, antara perkara yang dipersetujui ialah termasuk mempertimbangkan bantahan terhadap diskriminasi minyak sawit oleh EU melalui platform *World Trade Organization* (WTO) dan seterusnya menyokong antara satu sama lain bagi sebarang usul berkenaan isu sawit yang dikemukakan oleh negara pengeluar minyak sawit. Selain itu, Malaysia juga akan bekerjasama dengan penyokong industri sawit negara di Kesatuan Eropah iaitu *Friends of Palm Oil* yang terdiri daripada Indonesia, Thailand, Peru, Colombia, Honduras, Costa Rica, Ecuador dan Guatemala serta *European Palm Oil Alliance* (EPOA) yang bertindak dalam membantu mempromosikan dan menangkis aktiviti kempen anti minyak sawit di Eropah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, pada 14 November 2018. EU telah mengemukakan resolusi yang mengaitkan penyahhutan dan rangkaian bekalan komoditi pertanian kepada *United Nations Environment Assembly* (UNEA). Secara dasarnya Malaysia membantah dan menolak resolusi tersebut yang mendiskriminasikan tanaman komoditi terutamanya yang ditanam di negara tropika. Kementerian berpandangan bahawa resolusi ini merupakan usaha berterusan EU untuk mengaitkan tanaman kelapa sawit dengan imej yang negatif dan sebagai punca penyahhutan.

Dalam hal ini, kementerian telah menyediakan maklumat lengkap dan mendapatkan kerjasama daripada MESTECC iaitu Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Perubahan Iklim untuk menyuarakan pendirian Malaysia dan bantahan ke atas resolusi tersebut semasa *4th UN Environment Assembly* (UNEA-4) di Nairobi, Kenya bersama-sama dengan negara Indonesia dan Brazil. Susulan daripada bantahan dan perdebatan mengenai resolusi tersebut, delegasi EU kemudiannya menarik balik cadangan resolusi tersebut pada 13 Mac 2019.

Selain itu, kementerian sedang bekerjasama dengan MITI dalam kajian untuk mengambil tindakan balas atau *retaliation* memandangkan industri sawit adalah tonggak ekonomi negara dan juga pendapatan penting untuk para pekebun kecil sawit. Walau bagaimanapun, pelbagai aspek perlu dipertimbang memandangkan Kesatuan Eropah merupakan rakan dagang yang penting untuk Malaysia. Implikasi juga perlu dikaji dalam hubungan dua hala yang terjalin erat serta lain-lain aspek yang melibatkan faedah bersama dalam jangka panjang.

Di samping itu, kajian keseluruhan termasuk dari segi perundangan, teknikal dan saintifik juga sedang dipertimbangkan sebelum tindak balas diambil. Kementerian juga

sedang membuat kajian untuk mengambil tindakan melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) iaitu *dispute settlement*. Walau bagaimanapun, proses ini akan dimulakan sekiranya *delegated act* yang diluluskan oleh pihak EU diluluskan oleh pihak Parlimen Eropah. Kementerian akan bekerjasama dengan MITI dan kementerian-kementerian lain yang berkenaan dalam menangani isu tersebut di WTO.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan saya yang terakhir ini saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, Dewan Negara ini menyentuh bidang kuasa Kementerian Industri Utama telah saya jawab. Ada lagi? Ya, sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya faham bahawa kita mempunyai satu persefahaman dengan negara-negara Eropah. Jadi, kita tidak mahu mengambil tindakan yang bukan-bukan. Akan tetapi, kalau kita melihat bagaimana berita-berita di Perancis sendiri yang menyatakan kita menebang pokok, *rape the monkeys*, orang utan dan sebagainya. *Accusation*, dengan izin, amatlah berat.

Saya berkata dalam perbahasan saya tidak bolehkah kerajaan kita ataupun Yang Berhormat sendiri memaklumkan kepada Kabinet supaya negara-negara yang terlalu garang seperti Perancis ini kita himpulkan syarikat-syarikat mereka. Sekarang ini mereka ada lebih 120 syarikat Perancis di Malaysia yang aktif. Baru-baru ini pula kita dengar hendak beli kapal terbang pula. Kapal perang Rafale daripada Perancis semasa di LIMA. Mereka ini masuk tender di negara-negara kita dengan berleluasa. Di sana mereka hentam kita, di sini mereka mengambil dan kita melayan.

Cadangan saya supaya mereka ini diajar sedikit. Buat pemutihan. Syarikat-syarikat yang datang daripada Perancis ini ditolak ke tepi dahulu. Kita tolak ke tepi. Jangan bagi mereka *participate* langsung dalam urusan tender-tender di negara kita. Kalau kita melihat juga Yang Berhormat Menteri, mereka bukan *attack* Malaysia sahaja. Mereka *attack* ASEAN. Negara-negara lain. Apa salahnya, kalau kita berkoordinasi dengan negara-negara ASEAN boikot dan kita melihat semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama dahulu- *buy British last*. Efektif.

Saya ingat saya menjadi studen di sana, ramai pelajar kita yang tidak dihantar ke sana dan banyak universiti mereka yang mengeluh. Waktu itulah *linkages* dimulakan dengan negara kita. Jadi, apa salahnya Yang Berhormat kalau kita menuju ke arah itu. Biar mereka sedar sedikit. Akhir sekali, saya hendak ucap terima kasih yakni sawit merah itu saya minum tadi, saya rasa macam hendak balik cepat pula hari ini... [*Dewan Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Saya menghargai pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak pernah dengar yang Yang Berhormat Menteri Pertahanan kata hendak beli kapal terbang *fighter jet* dari Perancis lah. Akan tetapi, yang saya tahu yang dia telah pergi ke Iran dan dia akan pergi ke Rusia. Ini kerana negara Rusia kata mereka sudi beli lebih minyak sawit dari Malaysia dan yang saya rasa Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita ini tengah berunding dengan pihak sana macam mana boleh kita jual sawit ataupun kita boleh juga mempertimbangkan yang senjata ataupun kapal terbang dari negara Rusia.

■1900

Cadangan berkenaan melalui platform ASEAN itu, memang kita sudah bekerjasama dengan negara-negara ASEAN. Untuk makluman Yang Berhormat, pada awal tahun ini sepatutnya satu persetujuan di antara negara-negara ASEAN dengan Kesatuan Eropah itu yang dipanggil *Strategic Partnership Agreement* yang sepatutnya telah ditandatangani oleh EU dan juga ASEAN.

Akan tetapi atas bantahan daripada Indonesia dan juga Malaysia kerana cara EU mendiskriminasikan minyak sawit kita, jadi *Strategic Partnership Agreement* itu tidak ditandatangani oleh pihak ASEAN dengan pihak EU. Ini memang kita lihat menunjukkan jiwa ASEAN, semua ini tidak dibuat kerana masalah minyak sawit. Jadi kita akan teruskan menggunakan platform ASEAN untuk menyuarakan ketidakpuasaan kita ini kepada pihak EU.

Sebenarnya saya akan pergi ke Eropah untuk misi pada akhir minggu ini. Saya akan pergi ke beberapa negara berjumpa dengan Menteri-menteri di negara-negara Eropah dan membentangkan kepada mereka yang tuduhan yang dilemparkan oleh mereka terhadap Malaysia adalah tidak benar. Ini kerana di Malaysia kita masih ada lebih 50 peratus keluasan tanah Malaysia ini adalah di bawah liputan hutan. Ini kita memang sudah kekal dan saya juga hendak bentangkan kepada mereka sebenarnya dalam tempoh 20 tahun, 30 tahun ini Malaysia sudah tanam balik banyak pokok, pokok jenis hutan.

Saya sudah dapat angka ini, jadi saya hendak bentangkan kepada mereka. Tuduhan mereka yang kata kita melakukan penyahhutan adalah tidak benar tapi sebaliknya kita sudah tanam balik banyak pokok. Ini tidak termasuk ladang hutan yang ditanam untuk balak. Selain itu, saya rasa yang kita, Malaysia ini seharusnya juga lakukan yang betul. Saya rasa bila kita lawan Eropah adalah dari segi persepsi. Ini kerana rakyat yang di sebelah sana itu ramai tidak pernah datang ke Malaysia. Mereka juga tidak tahu perbezaan antara Malaysia dan Indonesia.

Saya rasa yang *messaging*, komunikasi kita ini haruslah diperbaiki lagi. Ini semua usaha yang saya tengah lakukan. Jadi pada bulan lepas kementerian saya dan saya sudah pergi ke negeri Sabah. Kerajaan Sabah sudah bagi kita satu hutan yang telah merosot. Kita

akan pergi tanam satu juta batang pokok. Saya hendak menguar-uarkan usaha ini yang mana satu juta batang pokok, *one million trees* adalah ditanam oleh pemain industri sawit.

Selain itu pihak MPOC juga telah pun menderma RM1.5 juta kepada *Sabah Wildlife Department* sebagai panduan kita ini untuk buat kajian terhadap bilangan orangutan dan juga *pygmy elephant* di negeri Sabah. Kita akan ambil semua kajian ini untuk bentangkan kepada pihak Eropah, hendak tunjukkan kepada mereka yang bilangan orangutan di Sabah ini memang tidak kurang tetapi sebaliknya bertambah. Jadi kita perlu semua kajian ini dilakukan baru kita boleh bentangkan.

Jadi saya rasa yang industri sawit kita ini juga perlu buat yang betul. Ini kerana di EU sekarang mereka bangkitkan isu seperti 3-MCPD yang mana kata dalam minyak sawit atau kesemua minyak sayuran ada elemen yang kurang tulen dan mereka hendak adakan minyak sayuran yang tulen termasuk minyak sawit sehingga 1.25 ppm.

Jadi semua ini, kementerian saya sudah adakan satu perjumpaan dengan Persatuan Pengilang Minyak Kelapa Sawit Malaysia (POMA) dan beritahu mereka kita semua haruslah bekerjasama. Kita haruslah mengeluarkan minyak sawit yang gred premium. Ini mesej yang kita hantar kepada mereka. Kalau ini adalah standard yang ditetapkan oleh Eropah kita mesti cuba mengikut standard mereka kalau kita hendak eksport minyak sawit kita ini ke pasaran Eropah. Jadi semua ini kita tengah buat dan juga untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kabinet telah luluskan empat cadangan daripada kementerian saya.

Nombor satu, kita akan hadkan perluasan ladang sawit. Jadi sehingga 6.5 juta hektar. Pada sekarang ialah 5.85 juta hektar. Saya rasa adalah tiba masanya kita perlu hadkan perluasan supaya kita gunakan benih-benih yang hasilkan minyak sawit dengan kualiti yang lebih baik dan kita tidak perlu lagi kembangkan keluasan ladang sawit kita ini.

Kedua ialah larangan untuk buka lagi hutan khususnya hutan simpanan kekal untuk tanam sawit.

Ketiga ialah larangan untuk tanam pokok sawit di tanah gambut, *peat soil*. Ini kerana memang satu isu yang besar di negara Eropah.

Keempat, kita hendak bukakan petak ladang sawit kita ini. Siapa mahu cari tempat untuk perladangan sawit mereka, kita bagi petak kepada mereka atau mungkin mereka boleh mencapai, mengetahuinya melalui internet dan sebagainya. Kita tengah runding dengan pihak pejabat tanah. Kita hendak tunjuk ketelusan kita ini. Jadi, ini semua adalah langkah-langkah yang telah dicadangkan oleh kementerian saya dan tengah dijalankan oleh kementerian saya.

Saya juga minta kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang sudah dapat minyak sawit merah daripada kementerian saya ini, beri kerjasama penuh bila kementerian saya lancarkan kempen '*Sayangi Sawitku*'. Saya juga hendak menyeru semua Yang Berhormat Senator di Dewan ini juga beri kerjasama, buat sesuatulah di kawasan kah ataupun dalam

organisasi Yang Berhormat dan beri taklimat tentang kebaikan, khasiat minyak sawit kepada orang ramai.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator juga boleh dapat kerjasama daripada *cooking oil company* macam hari ini. Ini santan sawit dan minyak sawit, sampel semua ini, kita juga minta daripada syarikat-syarikat. Ini sebagai satu usaha promosi kepada produk mereka. Kalau Yang Berhormat perlu apa-apa bentuk kerjasama, pihak MPOC, pegawai saya juga akan sudi membantu Yang Berhormat untuk mengadakan taklimat, memberi ceramah ataupun mengadakan aktiviti secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menghargai setiap saranan, cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat sebelum duduk, saya – sebelum berhenti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, lagi.

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya hendak bagi cadangan yang kelima. Kabinet sudah lulus empat, saya hendak bagi cadangan yang kelima. Botol minyak ini kalau boleh, dengan izin, *user friendly* sedikit. Saya duduk bersama Yang Berhormat Senator Laksamana, tidak ada? Dia hendak buka tadi, dia hendak cabut pun tidak boleh, bayangkan Laksamana tidak boleh cabut, macam mana saya hendak cabut? *[Ketawa]*

Kalau sudah Laksamana pun sudah tidak boleh hendak cabut, orang macam saya yang prebet ini hendak cabut macam mana? Cuba bayangkan. Tolong betulkan botol itu, *insya-Allah*, kita akan cuba bantu untuk pasaran. Terima kasih

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan panjangkan masalah yang begitu serius ini kepada pihak pengilang minyak sawit merah itu *[Ketawa]* Terima kasih.

Saya bagi pihak Kementerian Industri Utama mengucapkan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan. Sesungguhnya pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Menteri kerana sudi datang sendiri untuk menjawab perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dipersilakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7.09 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada berapa muka surat?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ada dalam lebih kurang 20.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

Saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja pada Pembukaan Parlimen pada penggal ini.

■1910

Saya cuba menjawab sepenuhnya dan sebaik-baiknya soalan-soalan yang telah dikemukakan. Di antara perkara-perkara yang telah diutarakan adalah berkaitan empat isu di bawah perumahan, kerajaan tempatan, kebombaan dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Saya amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan dan akan mengemukakan jawapannya. Pertama, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Ada di Dewan?...

Seorang Ahli: ...Ada.

Seorang Ahli: Panggil dia.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh membaca semua jawapan. Tidak ada masalah.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Okey, baik. Tentang isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, isu ini sebenarnya termasuk di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang kita tidak dapat memberi apa-apa secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Kedua, Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang. Isu ini juga, penempatan haram di bawah kementerian kerajaan Sabah, pendatang tanpa izin ini didapati di bawah Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan kita tidak dapat memberikan jawapan atau respons yang terperinci tentang isu ini.

Ketiga, tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Terima kasih ya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, jikalau Yang Berhormat Senator yang bertanya di dalam perbahasan itu tidak ada di dalam Dewan pun, tidak mengapa. Yang Berhormat Menteri jawab sahajalah terus.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Isunya adalah tentang rakyat yang tinggal di tempat-tempat *bus stand* dan juga di bawah kolong pangsapuri dan isu-isu yang berkaitan dengan gelandangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu utama yang dibangkitkan adalah berkenaan gelandangan atau *homeless* yang tidak mempunyai rumah atau kediaman dan isu ini di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, berhubung dengan isu perumahan, KPKT telah melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara KPKT adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia di mana PPR terdiri daripada dua kategori iaitu:

- (i) PPR disewa yang disewa pada kadar RM124 sebulan; dan
- (ii) PPR dimiliki yang dijual pada harga RM35 ribu seunit bagi Semenanjung Malaysia manakala RM42 ribu seunit di Sabah dan Sarawak.

Sehingga April 2019, status pelaksanaan PPR di negeri Johor seperti berikut:

| Status PPR | Jumlah Projek | Jumlah Unit |
|---------------------------|---------------|---------------|
| Telah Siap | 9 | 8,778 |
| Dalam Pembinaan | 8 | 4,547 |
| Dalam Perancangan | 3 | 1,800 |
| Jumlah Keseluruhan | 20 | 15,125 |

KPKT juga akan terus komited dalam menyediakan perumahan di bawah harga rumah mampu milik melalui Program Perumahan Rakyat bagi golongan setinggan dan berkemampuan, untuk memiliki rumah selaras dengan Dasar Perumahan Negara 2018-2025 yang dirangka secara menyeluruh dan bersifat holistik dalam memenuhi kehendak semasa dan terpakai untuk semua.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, isu projek perumahan terbengkalai dan sakit, ya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sangat peka dalam menangani isu projek perumahan yang dikategorikan

sebagai sakit dan terbengkalai di seluruh negara. Statistik projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia di antara 2009 sehingga 31 Mac 2019 adalah seperti berikut:

| Status | Bilangan Projek | Peratus | Unit | Jumlah Pembeli |
|---------------------------|-----------------|------------|---------------|----------------|
| Perancangan awal | 68 | 25 | 14,135 | 8,847 |
| Sedang Dipulihkan | 12 | 4 | 3,640 | 2,532 |
| Siap Diduduki dan Selesai | 198 | 71 | 53,130 | 35,610 |
| Jumlah Keseluruhan | 278 | 100 | 70,905 | 46,989 |

Manakala statistik projek sakit di seluruh negara daripada 2009 sehingga 31 Mac 2019 adalah seperti berikut:

| Status Projek | Bilangan Projek | Unit Rumah |
|---------------|-----------------|------------|
| Sakit | 314 | 45,550 |

Langkah menangani isu projek sakit dan terbengkalai. Untuk makluman Yang Berhormat, pembeli rumah daripada pemaju yang berlesen adalah dilindungi di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 di bawah Akta 118 dan peraturan-peraturan. Akta ini juga menetapkan tanggungjawab pemaju untuk menyiapkan sesuatu pemajuan perumahan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemantauan projek perumahan dan penguatkuasaan turut dilaksanakan di antaranya:

- (i) menyemak laporan audit penyata kewangan tahunan syarikat dan akaun pemajuan perumahan;
- (ii) memantau semua laporan daripada pemaju di bawah seksyen 7;
- (iii) memantau kemajuan projek sebenar dari semasa ke semasa yang melibatkan lawatan tapak secara berkala dan sistematik;
- (iv) menyelesaikan masalah kelewatan projek melalui mesyuarat bersama pemaju dan pihak berkepentingan dari semasa ke semasa; dan
- (v) menyenaraihitamkan pemaju-pemaju perumahan projek perumahan terbengkalai dan sakit.

Apabila disenaraihitamkan, pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan yang baharu. Senarai pemaju-pemaju yang disenaraihitamkan juga dipaparkan dalam laman sesawang KPKT untuk dirujuk pembeli dan *stakeholders* yang lain. Bagi membantu meringankan beban para pembeli yang terbabit dengan projek perumahan swasta terbengkalai, kerajaan turut mengambil inisiatif seperti berikut:

Pertama, untuk mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan swasta terbelengkalai kepada pembiaya akhir atau *end-financier* bagi unit rumah berkaitan.

Kedua, melalui surat pengesahan ini, para pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut. Pertama, memohon pertimbangan daripada institusi perbankan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan.

Kedua, memohon pertimbangan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi permohonan pengeluaran kali kedua.

Bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan kerajaan pula, mereka boleh mendapatkan kemudahan untuk menyelesaikan dulu pinjaman sedia ada dan diberikan peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama atau diberi pertimbangan untuk mengecualikan pengenaan faedah pinjaman empat peratus sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama lima tahun, mana-mana yang terdahulu. Walau bagaimanapun, semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penyenaian institusi pembiayaan ke atas peminjam-peminjam berdasarkan merit setiap kes.

Berikutnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam. Tidak ada? Saya hendak jawab atau teruskan?

■1920

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada. Teruskan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Soalan berikutan – Saya kena utarakan jawapan bertulis kepada berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Saya akan mengemukakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan.

Seterusnya, daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, sahabat saya. Soalan Yang Berhormat Senator Dato' adalah tentang perumahan untuk anak

muda. Untuk maklumat Yang Berhormat, KPKT sedia maklum terdapat keadaan di mana golongan muda yang tiada tempat tinggal dan tidak cukup wang untuk membeli rumah. Justeru, bagi membantu golongan ini mendapatkan tempat tinggal yang selesa, KPKT telah menyediakan program perumahan kepada golongan ini di antaranya, Perumahan Transit Belia yang menawarkan rumah dengan kadar sewaan 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran. KPKT juga menerapkan elemen *forced saving* yang akan memberi pulangan wang simpanan kepada penyewa setelah tamat tempoh sewaan yang boleh digunakan sebagai deposit untuk pembelian rumah sendiri.

Kedua, KPKT juga turut menyediakan bantuan insentif sebanyak RM30,000 di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta bagi pembelian rumah pertama kepada pemohon berkelayakan berumur 20 tahun dan ke atas. Skim ini juga membantu golongan M40 dan B40 termasuklah golongan belia untuk memiliki rumah yang berharga di bawah RM300,000. Insentif dalam bentuk deposit dapat mengurangkan kadar pinjaman perumahan yang perlu ditanggung oleh pembeli.

Ketiga, kemudahan perumahan secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur antara 18 hingga 31 tahun melalui Program Rumah Transit. Juga, turut disediakan oleh KPKT yang mana program ini tertumpu di bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah.

Keempat, untuk maklumat Yang Berhormat, KPKT juga sedang menjenamakan semula skim MyDeposit kepada skim DepositKu yang merupakan penyediaan sumber kewangan alternatif bagi membantu pembeli rumah pertama. Antara cadangan mekanisme baharu ini di bawah skim DepositKu:

- (i) had pinjaman maksimum 10 peratus daripada harga belian rumah atau maksimumnya RM30,000;
- (ii) bayaran faedah perkhidmatan dua peratus mengikut kaedah *reducing balance*; dan
- (iii) tempoh maksimum bayaran balik selama 15 tahun dan keempat bayaran pinjaman bermula selepas lima tahun dari tarikh perjanjian pinjaman deposit.

Saya beralih kepada isu tentang kerajaan tempatan- soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh tolong jawablah. Walaupun tidak datang, minta tolong jawab ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Baik.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Minta pencelahan Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat terus kepada soalan lain. Yang Berhormat, saya mendengar

insentif-insentif kepada golongan muda ini dan *alhamdulillah* saya percaya ia dapat menyelesaikan banyak masalah orang-orang muda. Persoalan saya Yang Berhormat, cara mana kementerian menyampaikan insentif-insentif ini kepada anak-anak muda? Bila saya bercakap dengan mereka, mereka tidak tahu langsung bahawa adanya insentif-insentif sedemikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator tadi. Ya, insentif-insentif ini kita di dalam proses menguar-uarkan melalui laman-laman web dan ini adalah sebahagian daripada peringkat baharu yang kita kemukakan untuk kemudahan kepada anak muda. *Insyah-Allah* dalam waktu terdekat, kita akan meningkatkan lagi publisiti untuk membolehkan ramai pihak golongan muda untuk lebih mengetahui dan mengambil bahagian di dalam skim tersebut. Antara caranya untuk kami selain daripada memasukan ke dalam portal dan proses yang kita orang kata, *ongoing*, kita juga akan mengadakan *roadshow* daripada semasa kerajaan semasa ke bandar-bandar yang kita jangka ramai anak muda yang memerlukan khidmat tersebut, *insyallah*.

Baik soalan berikutnya tentang soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Isu tentang operasi kawal selia dan penyelenggaraan. Sebenarnya pada awalnya, semakan kami melalui setiausaha kerajaan negeri Johor mendapati penyelenggaraan operasi dan perkhidmatan taman tema di bawah syarikat operator masing-masing ini melibatkan *Iskandar Regional Development* dan taman tema di kawasan tersebut. Bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat, garis panduan pembangunan taman tema dikeluarkan oleh KPKT melalui Pelan Malaysia pada tahun 2012. PBT telah mengeluarkan lesen komposit melibatkan empat bahagian iaitu:

- (i) kawalan restoran;
- (ii) iklan;
- (iii) pusat hiburan;
- (iv) tempat jualan cenderamata; dan
- (v) kaunter tiket.

Ini adalah di bawah pengurusan PBT. Perkara yang melibatkan isu-isu lain seperti penyelenggaraan, penjagaan taman tema tersebut, itu adalah di bawah syarikat swasta. Itu adalah di luar daripada kawalan PBT atau KPKT.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Saya akan menjawab soalan ini bersama dengan isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Isu tersebut yang telah diutarakan oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator ini adalah tentang pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT). Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pilihan raya PBT sedang dikaji semula dan akan dilaksanakan dalam

tempoh tiga tahun iaitu pada tahun 2021. Pada masa ini, KPKT dalam proses mengkaji kebolehlaksanaan pilihan raya PBT. Antara tindakan yang diambil adalah:

- (i) mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat KPKT bagi membuat kajian awal terhadap cadangan pelaksanaan pilihan raya merangkumi implikasi perundangan, mekanisme pilihan raya dan keperluan kewangan;
- (ii) mengadakan tiga sesi libat urus atau *engagement* dengan agensi yang terlibat seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, kerajaan negeri, PBT dan agensi-agensi lain bagi mendapatkan *input* yang berkaitan bagi pelaksanaan pilihan raya PBT; dan
- (iii) mengkaji amalan terbaik pelaksanaan pilihan raya PBT di negara lain untuk dijadikan panduan pelaksanaan di negara ini dan antara model-model yang di-*study* daripada Australia, New Zealand, India dan Amerika Syarikat; dan
- (iv) pihak kami juga akan menjalankan kajian penerimaan orang ramai berhubung cadangan kesesuaian untuk mengendalikan pilihan raya PBT tersebut.

Jawapan tersebut, merangkumi soalan yang telah diutarakan juga oleh Dato' Sri Ti Lian Ker ya.

Seterusnya, soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop tentang pengurusan Majlis Perbandaran Taiping. Antara insentif yang diambil oleh kementerian ini di dalam memastikan Majlis Perbandaran Taiping dapat melakukan usaha untuk menjaga dan meningkatkan lagi kelestarian Bandar Warisan ialah seperti berikut:

Pertama, menaikkan taraf Pasar Baru Taiping yang merupakan ikon warisan utama bandar Taiping. Projek ini akan bermula pada tahun 2020.

■1930

Kedua, kami akan membina tandas awam sebagai kemudahan pengunjung yang datang ke Bazar *Cross Street* Taiping dan Dataran Warisan Taiping dengan kos sebanyak RM300,000.

Ketiga, Majlis Perbandaran Taiping akan menjadi PBT pertama yang melaksanakan teknologi *waste to energy* di Tapak Pelupusan Jebong.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan tentang perkara yang melibatkan *accessibility* kepada golongan OKU. Pelantikan ahli majlis adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. KPKT menggalakkan penyertaan semua

peringkat untuk mewakili kumpulan tertentu seperti belia, wanita dan OKU dalam ahli majlis PBT supaya semua pihak terlibat dan boleh memberi sumbangan dan penglibatan. Pada masa ini, empat PBT telah melantik empat orang golongan OKU sebagai ahli majlis.

KPKT telah mengambil tindakan bagi memastikan semua kawasan bandar mudah untuk diakses oleh golongan OKU seperti berikut.

Pertama, menyediakan keperluan perundangan melalui pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui seksyen 34A(1) dan (2). Seksyen 34A(1) mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses dan kemudahan kepada OKU serta mematuhi *Malaysian Standard* iaitu MS1184 tahun 2002 dan MS1183 tahun 1990.

Kedua, kami mengeluarkan surat pemakluman kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai pemakaian *Malaysian Standard* MS1184 tahun 2014 iaitu daripada *Universal Design and Accessibility in the Built Environment*.

Ketiga, memantau pelaksanaan dan penyemakan pelan pemajuan dan bangunan yang dikemukakan untuk kelulusan dan pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) mengikut Akta 133, UKBS 1984.

Keempat, menyediakan senarai semak kemudahan akses berdasarkan reka bentuk sejagat MS1184 tahun 2014.

Kelima, melaksanakan audit pematuhan terhadap akses kemudahan OKU mengikut UUK 34A dan MS1184 tahun 2016.

Keenam, melaksanakan audit penarafan bintang dengan salah satu daripada kriteria pemarkahan adalah *accessibility* OKU di bangunan PBT.

Ketujuh, PBT boleh mengguna pakai Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat oleh PLANMalaysia yang menggariskan keperluan merancang kemudahan dan persekitaran bandar yang lebih bercirikan reka bentuk sejagat atau *universal design*.

Saya beralih pula kepada isu yang melibatkan kebombaian. Persoalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili tentang Akademi Bomba dan Penyelamat di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT akan memohon projek Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-12 bagi melengkapkan keperluan akademi di seluruh negara. Pada masa ini, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak beroperasi secara sementara di Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia Bau, Sarawak.

Tentang Unit Udara Bomba Negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, KPKT telah menempatkan Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di pangkalan sementara yang beroperasi dari Lapangan Terbang Miri, Sarawak. Unit tersebut

dilengkapi dengan dua buah helikopter jenis Mi-171 bersama 28 orang pegawai bomba untuk operasi pemadaman, penyelamatan dan pemantauan.

Sehubungan itu, bagi tujuan memperkasakan Unit Udara JBPM, kementerian ini telah mengenal pasti tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang seluas tiga ekar bagi pembinaan Pangkalan Udara JBPM. Ini adalah untuk membolehkan khidmat Unit Udara JBPM dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien.

Saya beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Ini juga berkaitan dengan isu Pasukan Bomba Sukarela di pedalaman Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela (PBS) merupakan sebahagian *response time* untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sehingga kini, terdapat sebanyak 391 buah pasukan PBS di seluruh negara dengan keahlian seramai 14,713 orang. Manakala bagi negeri Sarawak, terdapat 47 pasukan PBS dengan keahlian seramai 2,147 orang.

Dalam usaha untuk memperkasakan PBS, keutamaan agihan *volunteer fire rescue vehicle* bagi tahun 2019 adalah kepada negeri Sarawak, negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Cadangan agihan VFRV adalah seperti berikut:-

- (i) enam unit untuk negeri Sarawak;
- (ii) enam unit untuk negeri Sabah; dan
- (iii) tiga unit di Wilayah Persekutuan Labuan.

VFRV ini dilengkapi dengan pam berserta peralatan pemadaman dan penyelamat termasuk *personal protective equipment* untuk pengoperasian PBS.

KPKT juga sedar dengan keperluan pembinaan dan penambahan balai-balai bomba baharu ini di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman serta jauh dari penempatan balai bomba yang sedia ada adalah diperlukan. KPKT akan menaik taraf Balai Bomba PBS Balingian kepada balai bomba kategori E dan mempertingkatkan keupayaan pengoperasian balai bomba PBS tersebut. Begitu juga bagi kawasan Sungai Asap, Belaga di mana KPKT akan membina sebuah balai bomba kategori E pada tahun 2019 ini.

Saya beralih pula kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai tentang keselamatan kebakaran di rumah panjang. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu keselamatan kebakaran di rumah panjang di mana pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasinya termasuk pembinaan balai bomba kategori E, penubuhan Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Bomba Komuniti, penganjuran kempen kesedaran keselamatan kebakaran serta pengagihan alat pemadam api di rumah panjang. Kami memandangkan kempen untuk kesedaran keselamatan kebakaran adalah yang paling baik yang mungkin akan memberi kesan yang lebih menyeluruh.

Sebagaimana kita sedia maklum...

Datuk Paul Igai: Mohon penjelasan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, sila.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan pendekatan masa perayaan Gawai, Dayak yang akan datang, bolehkah saya mencadangkan kementerian bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia menyebarkan amaran dan cara mengatasi masalah kebakaran melalui radio dan televisyen? Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu adalah cadangan yang baik dan saya akan perincikan lagi apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kita rasa itu adalah salah satu langkah yang paling efektif dalam situasi di Sabah dan Sarawak.

Sebagaimana kita sedia maklum, struktur rumah panjang yang diperbuat daripada kayu merupakan antara faktor api kebakaran merebak dengan cepat. Langkah terbaik untuk mengatasi isu ini juga adalah melalui kaedah pencegahan kebakaran berbanding kaedah pemadaman. Dengan izin, kalau kita katakan bahasa orang putih, *prevention is better than cure*. Jadi dengan penyebaran maklumat dan juga kesedaran, ini akan mendapat kesan yang lebih baik dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan kepada analisa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke atas statistik sumber nyalaan kebakaran rumah panjang dari tahun 2016 hingga 2019 mendapati 44 peratus adalah melibatkan elektrik, 28 peratus peralatan gas dapur dan 28 peratus lain-lain.

■1940

Jadi, apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi saya rasa kita perlulah meningkatkan lagi usaha penyebaran, nasihat dan juga *awareness campaign* melalui radio dan apa juga media yang boleh memberi lagi banyak, bukan hanya kesedaran tetapi *alertness*, dengan izin, untuk mereka lebih berhati-hati, terutamanya kepada musim festival Gawai dan sebagainya. Bagi tujuan pencegahan kebakaran, kementerian mencadangkan agar ciri-ciri keselamatan kebakaran yang minimum diterapkan dalam reka bentuk rumah panjang seperti berikut:

- (i) mengadakan dinding pemisah yang dibuat daripada konkrit di antara setiap unit rumah yang bertindak sebagai dinding penahan api bagi mengelak api kebakaran merebak dengan cepat. Ini adalah satu cara yang baru walaupun mungkin kurang sesuai dengan cara rumah tradisi rumah panjang yang dibina di tempat-tempat berkenaan tetapi ini adalah satu langkah yang kita rasa boleh mengurangkan risiko merebaknya api dengan cepat;

- (ii) untuk mengadakan pendawaian elektrik perlu dibuat dengan sempurna oleh pihak yang bertauliah dan menggunakan pihak-pihak kepakaran yang baik, dengan menggunakan konduit PVC dan sebagainya;
- (iii) untuk mengasingkan ruang memasak daripada rumah utama; dan
- (iv) mengehendkan bilangan pintu rumah iaitu 10 pintu bagi setiap rumah panjang untuk bertujuan mengurangkan risiko merebak kebakaran dengan cepat dan mudah. Seperti yang kita tahu, kayu apabila terbakar boleh merebak dengan begitu cepat. Kalau kita lihat bahawa tragedi yang berlaku di Church Notre-Dame di Paris, walaupun bangunan keseluruhannya selamat tetapi bumbung yang diperbuat daripada kayu terbakar dengan begitu dahsyat dan cepat, di luar jangkaan semua pihak.

Itulah di antara ciri-ciri apabila *construction* dibuat secara tradisi menggunakan kayu. Sekiranya langkah ini dilaksanakan, bilangan kemusnahan rumah panjang akibat kebakaran dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. Seperti Yang Berhormat cadangkan tadi, saya rasa *awareness campaign* ini perlu dijalankan bukan hanya di musim perayaan, festival tetapi sepanjang masa, *it has got to be and on going process*, dengan izin.

Saya pergi kepada soalan berikutnya yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali, yang saya jawab sekali dengan soalan yang sama daripada Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen. Soalan ini tentang hala tuju industri kitar semula plastik negara yang menjadi isu panas semasa. Hala tuju yang telah dirangka oleh KPKT dalam memperkasa industri kitar semula plastik adalah melalui penerokaan, pelaksanaan konsep sekular ekonomi, dengan izin. Pelaksanaan konsep ini dijangka dapat memacu industri kitar semula tempatan yang secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan industri terhadap penggunaan sisa plastik import sebagai bahan mentah.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan industri kitar semula plastik ini dilaksanakan tanpa menyebabkan pencemaran alam sekitar serta kacau ganggu terhadap penduduk setempat, KPKT telah merangka langkah bagi mengawal pengimportan sisa plastik seperti penetapan kuota pengimportan dan penggubalan peraturan khusus berkaitan pengimportan sisa plastik.

Pengeluaran AP atau permit bagi kod HS3918 adalah dikawal ketat melalui 18 syarat yang perlu dipatuhi dan pematuhan peruntukan undang-undang yang tegas. Termasuk penghantaran pulang bahan yang tidak menepati syarat import ke negara asal seperti penarikan semula AP daripada pengimport. Sebenarnya, KPKT amatlah *strict* dan jelas dalam segi polisi kami tetapi pemantauan untuk mengesan di mana bahan-bahan ini dimasukkan adalah masalah yang boleh dikatakan berlainan atau di luar kawalan kami. Kami perlulah

kerjasama daripada pihak-pihak lain untuk membuat kawalan kami dan *enforcement* kami lebih berkesan dan bermakna. Bilangan permit dan lesen import sisa plastik untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga 24 April 2019 untuk permit - 2,284 permit import sekerap plastik HS3915 telah dikeluarkan. Ini adalah di bawah kawalan kami

Sebanyak 45 syarikat diberi lesen import atau AP oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi mengimport sekerap plastik di bawah kod HS3915, ini adalah di bawah kawalan. Kesemua 45 syarikat tersebut telah berjaya mematuhi dan melepasi syarat-syarat baharu pengimportan sekerap plastik serta pemeriksaan premis di lapangan oleh pegawai pemeriksaan KPKT. Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah pemegang AP mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | Syarikat Pemegang AP |
|-----------------|-----------------------------|
| Selangor | 16 |
| Pulau Pinang | 14 |
| Johor | 8 |
| Kedah | 3 |
| Negeri Sembilan | 3 |
| Perak | 1 |
| Jumlah | 45 |

Jumlah kapasiti import semasa diluluskan kepada 45 syarikat tersebut adalah sebanyak 49,374 tan sebulan atau 592,488 tan setahun. Penguatkuasaan, kami ingin menyatakan di sini bagi pengoperasian kilang haram, penguatkuasaan secara besar-besaran telah dilaksanakan, diketuai oleh MESTECC bersama-sama dengan agensi Persekutuan yang lain secara berterusan. Inilah yang kami ingin tekankan di sini, dari saat barang-barang dimasukkan di pelabuhan dan pergerakannya di tempat-tempat tertentu, baik kilang haram atau kilang yang diberi lesen, kerjasama rapat amatlah kritikal untuk keberkesanan pemantauan ini.

Ada kalanya pihak kurang memahami bahawasanya kami tidak ada kuasa untuk menjalankan semua operasi ini di luar bidang tertentu. Menurut maklumat Jabatan Alam Sekitar, sebanyak 139 kilang haram telah berjaya ditutup daripada keseluruhan 268 kilang haram yang dikenal pasti beroperasi di seluruh Malaysia pada masa ini. Pada masa ini juga kami ingin menyatakan tentang mekanisme pemantauan.

Seterusnya, KPKT akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Industri (MITI) bagi mencari jalan penyelesaian isu lambakan plastik melalui penyeludupan sisa buangan secara haram dan pengisytiharan palsu agar tidak akan terus berlaku di negara ini.

Inilah yang kami ingin tekankan, bahawasanya apabila ia dimasuki pintu-pintu masuk negara, *the gateway* melalui pelabuhan itu di bawah Kastam dan juga pergerakan pemantauan bukan hanya di bawah KPKT tetapi di bawah jabatan-jabatan yang tertentu dan kerjasama amatlah kritikal. Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan bersama antara KP Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan KP Jabatan Alam Sekitar dan Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan bersama oleh KSU KPKT, KSU MESTECC dan KSU MITI akan ditubuhkan bagi menyelesaikan isu pengimportan dagangan sekerap plastik ini.

Isu ini akan menjadi lebih kritikal apabila kita tahu bahawasanya negara China telah menutup pintu mereka pada import sekerap plastik dan *target* nya di antara negara-negara yang dituju adalah ke Malaysia. Kita perlu mengawasi dengan lebih ketat lagi dan ini adalah di dalam pengetahuan dan perhatian kami. KPKT akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas pemegang AP sisa plastik melalui pemeriksaan premis yang dibuat secara tahunan.

■1950

Selain itu, KPKT melaksanakan operasi bersepadu bersama PBT, pembekal utiliti seperti TNB dan SYABAS, JAS dan Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan supaya tindakan dapat diambil berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Penguatkuasaan melalui pemeriksaan bersepadu kontena *scrap* plastik juga dilaksanakan di pelabuhan-pelabuhan melalui operasi bersepadu bersama oleh Jabatan Alam Sekitar. Di sini juga, kami ingin menyatakan ini juga bergantung kepada keberkesanan dan adanya alat-alat pengesan, *scanners* dan sebagainya yang beroperasi dengan baik untuk kami menjalankan tugas. Tanpa bantuan alat-alat bantuan kritikal seperti ini, mungkin pemantauan ini kurang berkesan dan tidak dapat dilakukan dengan sebaik mungkin.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia, SWCorp dan juga JPSPN bagi meneliti isu perisytiharan palsu atau *false declaration* adalah juga amat penting untuk dimasukkan di dalam *team* untuk lebih berkesan lagi.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad tentang geran tahunan. Bagaimana langkah terbaik KPKT membantu PBT-PBT di Kelantan agar senaraikan sisa pepejal dan pembersihan awam di pasar-pasar awam setiap jajahan di Kelantan. Geran tahunan yang dimaksudkan, untuk maklumat Yang Berhormat pada masa ini Kelantan tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 di bawah Akta 672.

Oleh yang demikian, operasi dan peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diadakan di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. Namun demikian, PBT di negeri Kelantan boleh menggunakan geran

tahunan yang telah disalurkan oleh KPKT setiap tahun bagi tujuan ini. Geran tahunan adalah sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada PBT berdasarkan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan.

Geran tahunan ini juga digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan PBT termasuklah melaksanakan selenggaraan sisa pepejal dan pembersihan awam di pasar-pasar awam. Bagi tahun 2019, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM21,930,518 bagi semua PBT di negeri Kelantan.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan tersebut, tentang inisiatif komuniti sifar sisa dan Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK). Untuk maklumat Yang Berhormat, bagi menggalakkan masyarakat untuk turut bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal secara berhemah dan menjaga kebersihan di kawasan persekitaran, KPKT melalui SWCorp telah memperkenalkan Program Inisiatif Komuniti Sifar Sisa di bawah dasar Komuniti Negara di Kelantan. PPR Kota Bharu telah dipilih sebagai lokasi projek tersebut.

Kita rasa *approach* yang paling baik adalah untuk melibatkan seluas mungkin masyarakat tempatan. Inisiatif ini dirangka untuk menggalakkan penduduk mengasingkan sisa kitar semula dan sisa makanan. Lagi awal kita melibatkan anak-anak kita untuk menjadi *more aware* dalam isu-isu ini, lebih baik untuk dapat keberkesanan yang lebih *effective* dengan izin. Menerusinya, sisa yang telah diasingkan hanya perlu dihantar ke Pusat Komuniti Sifar Sisa yang terletak dalam kawasan PPR dan penduduk akan menerima ganjaran menerusi penebusan kupon yang berupa barangan keperluan harian.

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk mengurangkan janaan sisa pepejal terutamanya sisa makanan di peringkat komuniti yang merupakan antara penyumbang janaan sisa yang tinggi di negara ini. Kebetulan juga pagi tadi saya telah menghadiri satu program di Masjid Wilayah untuk menyambut Ramadhan di mana kita telah menguar-uarkan perlunya kita berjimat dan kurang pembaziran pada bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia ini di mana kita dapati lebih makanan yang telah dibazirkan pada bulan Ramadhan mencecah setinggi 20 peratus hingga 25 peratus.

Sebenarnya lebih tinggi daripada pembaziran yang berlaku di pusat komersial dan juga di hotel. Itulah yang kita tidak sedar dan sisa-sisa makanan yang berlebihan ini, yang dibazirkan menjadi satu masalah besar bukan hanya dari segi pembuangan bahan-bahan seperti untuk longgokan di tempat-tempat tertentu tetapi daripada segi *release of energy* dan juga pencemaran alam sekitar dan *release* gas-gas yang tertentu, *methane* terutamanya. Itulah yang kita perlu menyedarkan rakyat kita tentang perlunya kita menjaga terutamanya pada bulan Ramadhan Al-Mubarak ini.

Selain itu, penglibatan komuniti adalah sebagai penggerak utama kepada program ini dan sebaik mungkin kita cubalah menyedarkan banyak lagi pihak komuniti Islam di Malaysia

ini tentang perlunya kita mengurangkan pembaziran pada bulan Ramadhan dari segi aspek agama Islam dan juga dari segi alam sekitar.

Saya rasa itulah Tuan Yang di-Pertua apa yang saya boleh jawab pada petang ini. Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah mengutarakan soalan mereka dan kami harap apa-apa juga soalan tambahan yang tidak dapat kami sampaikan pada mereka yang tidak hadir akan disampaikan kepada mereka yang tidak bersama dengan kita pada petang ini. Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah telah menjawab perbahasan dengan baik dan panjang lebar dan terima kasih sekali lagi.

Sekarang kita pergi kepada bahagian yang akhir sekali iaitu daripada Kementerian Pengangkutan.

7.57 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan dan penghormatan kepada Kementerian Pengangkutan untuk menutup Majlis kita pada hari ini.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada 11 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2019 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat berucap dan menyentuh perkara-perkara Kementerian Pengangkutan yang saya yakin adalah minat kepada kebanyakan juga kita dalam Dewan yang mulia ini.

Isu yang pertama yang saya sentuh ialah isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad tentang bilakah Kementerian Pengangkutan akan membenarkan penggunaan cermin gelap pada kenderaan. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, penggunaan cermin gelap pada sesuatu cermin kenderaan adalah dibenarkan berdasarkan kadar ketelusan cahaya, dengan izin *visual light transmission* (VIT) yang telah ditetapkan selaras dengan Pindaan Kaedah-kaedah Kenderaan Motor iaitu (Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu 1991) Pindaan 2016 sebagaimana yang berikut:

- (i) cermin hadapan hendaklah tidak kurang 70 peratus cahaya masuk,
- (ii) cermin sisi pemandu kiri dan kanan tidak kurang 50 peratus cahaya masuk dan
- (iii) cermin sisi penumpang belakang kiri dan kanan dan cermin belakang tidak kurang 30 peratus cahaya masuk.

Untuk makluman, sejak Mei 2018 yang lalu, Kerajaan Pakatan Harapan telah membekukan kelulusan permohonan baharu penggunaan cermin gelap kerana terdapat ketirisan dan kelemahan pada dasar yang sedia ada. Dasar baharu akan menekankan isu ketelusan dari segi proses permohonan di samping meningkatkan hasil kerajaan. Dasar baharu hampir dimuktamadkan dan bakal diumumkan pada awal Mei iaitu bulan depan 2019 oleh kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada hari kedua perbahasan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah membangkitkan lima isu mengenai perkhidmatan rel di Malaysia dan satu isu mengenai sektor maritim. Mengenai saranan Yang Berhormat Senator supaya jaringan pengangkutan rel KTMB dari Gemas ke Tumpat perlu ditingkatkan seiring dengan pertumbuhan koridor baharu di Pantai Timur.

■2000

Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah meluluskan bajet berjumlah RM502.5 juta bagi pelaksanaan projek pemuliharaan landasan antara Gemas dan Tumpat. Peruntukan bajet tambahan berjumlah RM366 juta juga telah diluluskan bagi memulihkan kerosakan infrastruktur dan stok kereta KTMB susulan daripada banjir besar yang melanda Pantai Timur pada tahun 2014. Dengan penyiapan projek ini kelak yang dijangkakan pada penghujung tahun 2019 ini, akan meningkatkan kualiti keselamatan dan kebolehpercayaan, *reliability*, dengan izin, perkhidmatan tren penumpang KTMB.

Di samping itu 13 set *DMU* atau *Diesel Multiple Unit*, dengan izin, baharu yang dilengkapi dengan fasiliti moden seperti *cluster seat*, *parcel compartment*, dengan izin, sistem kamera litar tutup (CCTV) dan bistro di dalam tren akan diperkenalkan oleh KTMB pada tahun ini bagi menggantikan sebahagian stok kereta konvensional yang pada masa ini digunakan oleh perkhidmatan antara bandar.

Mengenai pendapat Yang Berhormat Senator supaya kerajaan juga perlu mengkaji untuk mengaktifkan semula perkhidmatan kereta api laluan Pasir Mas ke Sungai Golok iaitu di Selatan Thailand. Saya ingin memaklumkan bahawa landasan KTMB sektor Pasir Mas-Rantau Panjang sepanjang 19 kilometer yang menyambung ke Stesen Kereta Api Sungai Golok di Selatan Thailand yang sebelum ini digunakan untuk perkhidmatan tren penumpang dan kargo, telah ditamatkan operasinya masing-masing mulai tahun 1982 dan 2003, atas

arahan Majlis Keselamatan Negara disebabkan peningkatan aktiviti penyeludupan beras serta pergolakan yang berlaku di antara sempadan Malaysia-Thailand pada masa tersebut. Selepas itu telah berlakunya beberapa kejadian banjir yang mengakibatkan landasan rosak sehingga tidak selamat untuk operasi tren.

Memang tidak dinafikan terdapat permintaan agar landasan ini diaktifkan semula untuk menyediakan laluan alternatif bagi pergerakan penumpang dan barangan. Terdapat juga permohonan daripada pihak Thailand untuk mengaktifkan semula laluan ini bertujuan meningkatkan sosioekonomi setempat. Bagaimanapun berdasarkan kepada kedudukan kewangan negara, pihak kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk menaik taraf landasan sektor Pasir Mas-Rantau Panjang. Sebaliknya pihak kerajaan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek menaik taraf landasan kereta api sedia ada di sektor Gemas-Tumpat yang dijadualkan siap pada penghujung tahun 2019.

Berkenaan dengan soalan tentang apakah ada dalam perancangan KTMB untuk laluan Pasir Mas-Sungai Golok di buka semula untuk operasi rel, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa rancangan untuk membuka semula laluan Pasir Mas ke Sungai Golok ini memang ada dalam perancangan KTMB. Namun begitu, perancangan KTMB ini masih belum boleh direalisasikan oleh kerajaan atas faktor-faktor yang telah dinyatakan sebentar tadi seperti penumpuan kepada projek yang sedia ada yang lebih kritikal, kedudukan kewangan negara dan lain-lain lagi.

Berkenaan dengan bilakah KTMB akan memulakan semula perkhidmatan rel sektor Kuala Lumpur-Tumpat, saya ingin memaklumkan bahawa KTMB bersedia untuk mempertimbangkan semula perkhidmatan kereta api daripada Kuala Lumpur ke Tumpat setelah kerja-kerja baik pulih dan naik taraf landasan Gemas-Tumpat disiapkan pada penghujung tahun 2019 ini. Ini adalah kerana sebarang penambahan bilangan perkhidmatan tren pada waktu ini akan mengurangkan ruang masa kerja-kerja ditapak dan seterusnya menjejaskan pelaksanaan projek tersebut.

Seterusnya mengenai pengangkutan rel juga iaitu bagaimanakah status penerimaan *Diesel Multiple Units Train* dengan izin DMU yang dipesan pada tahun 2017 dapat memulakan operasi di sektor Pantai Timur. Menurut KTMB, operasi dengan menggunakan tren DMU yang baharu di sektor Pantai Timur dijangka bermula pada Disember 2019 ini. Ini mengambil kira status terkini penerimaan 13 set DMU secara berperingkat mulai bulan Julai 2019 sehingga bulan Disember 2019 serta penyiapan projek pemuliharaan landasan serta depoh penyelenggaraan DMU di Padang Tengku dan di Tumpat.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah juga menyentuh isu maritim negara iaitu apakah perancangan kerajaan dalam meningkatkan keupayaan Pelabuhan Tok Bali agar industri perikanan dan maritim dapat dipertingkatkan bagi mewujudkan peluang pekerjaan

kepada belia-belia di negeri Kelantan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ketika ini masih tiada mana-mana pelabuhan di negeri Kelantan yang mengendalikan kargo atau komoditi am. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah pangkalan bekalan atau *supply based*, dengan izin, yang dikenali sebagai *Tok Bali Supply Base*, dengan izin, yang mempunyai fasiliti dalam menjalankan aktiviti pangkalan bekalan berasaskan sokongan kepada industri minyak dan cari gali.

Manakala pelabuhan-pelabuhan yang terletak berhampiran adalah Pelabuhan Kemaman di negeri Terengganu dan Pelabuhan Kuantan di negeri Pahang. Langkah meningkatkan keupayaan *Tok Bali Supply Base* melalui Jabatan Laut Malaysia telah selesai pada tahun lepas di mana aktiviti pengerukan di alur pelayaran dan kawasan jeti pangkalan bekalan telah dijalankan pada April 2018 sehingga siap sepenuhnya pada 18 Disember 2018.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkanlah saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram. Mengenai cadangan supaya Kementerian Pengangkutan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi memantau anggota JPJ yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan undang-undang. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui JPJ sentiasa memastikan anggota penguat kuasa mematuhi peruntukan undang-undang, surat arahan, pekeliling dan *standard operating procedure* (SOP), dengan izin, yang sedang berkuat kuasa di samping pemantauan berterusan daripada bahagian integriti ibu pejabat dan negeri masing-masing berhubung aktiviti pegawai dan kakitangan JPJ semasa melaksanakan tugas dari semasa ke semasa.

Berikutan daripada kes tangkapan yang membabitkan anggota JPJ baru-baru ini, JPJ telah mengambil tindakan segera dengan menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyemak, mengkaji, dan mengemas kini tatacara sedia ada berkaitan operasi yang dijalankan oleh JPJ bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah. Jawatankuasa khas ini akan membentangkan hasil dapatan kajian berkenaan kepada pengurusan tertinggi JPJ untuk tindakan lanjut.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Senator supaya Kementerian Pengangkutan menyiasat satu kejadian di mana anggota JPJ menahan sebuah kereta jenazah yang membawa jenazah ke tanah perkuburan, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa JPJ Malaysia telah membuat siasatan berikutan kejadian penahanan dan pengeluaran saman oleh sepasukan anggota penguat kuasa JPJ Negeri Sembilan terhadap kenderaan yang membawa jenazah yang *viral* di media sosial.

Siasatan mendapati bahawa tindakan yang diambil oleh anggota berkenaan adalah bertepatan dengan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun perkara ini telah diselesaikan secara baik antara jabatan dan pemilik kenderaan pada 29 Mac 2019. JPJ Malaysia juga sentiasa mengalu-alukan pandangan dan teguran daripada pelbagai pihak bagi

memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Pada masa yang sama semua pihak mestilah sentiasa patuh kepada peraturan dan undang-undang jalan raya.

Mengenai persoalan tentang bagaimanakah pihak JPJ membuat pemantauan terhadap kenderaan berat yang bergerak laju di lebuh raya, saya ingin memaklumkan bahawa JPJ Malaysia dari semasa ke semasa sentiasa memastikan kenderaan-kenderaan yang digunakan di atas jalan raya termasuk kenderaan-kenderaan berat mematuhi had laju yang ditetapkan melalui Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS).

Pelaksanaan AWAS adalah merangkumi rakaman kesalahan melalui kamera dan pemberian mata *demerit*. Undang-undang telah memperuntukkan mata *demerit* bagi kesalahan yang dilakukan oleh pemandu kenderaan berat adalah lebih tinggi daripada kenderaan ringan. Selain itu JPJ sentiasa mengadakan operasi-operasi terhadap kenderaan berat yang menyalahi undang-undang.

Ahli Yang Berhormat seterusnya ialah Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali yang telah membangkitkan isu-isu seperti berikut. Satu, sejauh manakah unjuran pengangkutan rel akan memanfaatkan skim pengangkutan ECRL? Kedua, apakah perlu infrastruktur Pelabuhan Kuantan ditingkatkan kapasitinya dan saranan supaya Pelabuhan Kuantan dilengkapi dengan aset dan sumber tenaga manusia yang mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, objektif utama projek ECRL adalah sebagai penambahbaikan kepada sistem perhubungan rel di dalam negara yang lebih efisien dan meningkatkan kesalinghubungan di antara Wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan projek ECRL juga berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat serta ekonomi rakyat dan negara. Jajaran ECRL juga akan dihubungkan dengan pengangkutan rel lain melalui stesen pertukaran seperti KTMB di Stesen Mentakab dan Kajang atau Bangi serta perkhidmatan ERL dan MRT2 di Putrajaya Sentral.

■2010

Stesen pertukaran ini akan menambah baik jaringan perkhidmatan penumpang ke kawasan-kawasan lain di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan menyediakan hubungan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selain itu ECRL juga akan mewujudkan hubungan terus antara Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang sekali gus menjadi jambatan darat atau *land bridge*, dengan izin untuk pengangkutan barangan yang cekap dan *reliable*, dengan izin, antara dua pelabuhan itu.

Kerajaan dan *Kuantan Port City* telah bekerjasama untuk mengembangkan Pelabuhan Kuantan dengan pembinaan Terminal Baru Laut Dalam, *New Deep Water Terminal*, dengan izin. Pihak MRL sedang bekerjasama dengan pihak *Kuantan Port City* untuk mewujudkan sistem hubungan secara langsung di antara Pelabuhan Klang dan rangkaian rel ECRL.

Bagi soalan yang kedua pula iaitu mengenai Pelabuhan Kuantan, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Pelabuhan Kuantan mengendalikan pelbagai jenis kargo seperti kontena, pecah pukal, cecair pukal dan juga kenderaan melalui infrastruktur dermaga sedia ada. Antara lain meliputi:-

- (i) kawasan seluas 760 hektar;
- (ii) lembangan legar, *turning basin*, dengan izin, sepanjang 500 meter;
- (iii) 22 dermaga, *key wall*, dengan izin, dan jeti sepanjang 4,013 meter dengan kedalaman 11.2 meter; dan
- (iv) dermaga Fasa 1A sepanjang 400 meter dengan kedalaman 14.5 meter.

Berhubung prestasi Pelabuhan Kuantan pula, sejumlah 17.998 juta tan kargo telah dikendalikan pada tahun 2018 berbanding sebanyak 17.462 juta tan pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 3.07 peratus. Manakala prestasi bagi jumlah pengendalian kontena di Pelabuhan Kuantan telah meningkat pada 147,041 TEU pada tahun 2017 kepada 149,912 TEU pada tahun 2018 iaitu juga peningkatan pada kadar 1.95 peratus.

Dengan kemampuan fasiliti dan infrastruktur sedia ada serta had kapasiti penggunaan pelabuhan yang telah mencecah hampir 80 peratus, Pelabuhan Kuantan ketika ini sedang melaksanakan pembangunan tambahan dengan *expansion plan*, dengan izin di bawah Projek *New Deep Water Terminal* (NDWT), dengan izin melalui pembangunan secara berfasa. Projek NDWT yang sedang giat dilaksanakan kini adalah Fasa 1B melibatkan pembinaan dermaga sepanjang 600 meter dengan kedalaman 14 meter yang dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2019.

Dengan terbinanya NDWT yang akan beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2019 ini, Pelabuhan Kuantan akan menawarkan lebih kapasiti dianggarkan sebanyak 50 peratus yang boleh dioptimumkan oleh pihak-pihak pelabur dari dalam ataupun luar negara. Di samping itu juga, Pelabuhan Kuantan dijangka berkemampuan untuk menampung keperluan dan kehendak pengguna pelabuhan sedia ada dan masa hadapan serta menyokong pembangunan Projek Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (NCKIP) dan laluan kereta api Pantai Timur ECRL.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu caj beg tambahan kepada penumpang domestik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penetapan harga tambang oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006.

Dalam hal ini kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara diberikan kebebasan dalam menentukan liputan

rangkaian, *network coverage*, dengan izin, kekerapan penerbangan dan kadar tambang serta caj-caj sampingan untuk perkhidmatan tambahan termasuk caj bagasi yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Dalam hubungan ini syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang termasuk caj-caj berkaitan penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi. Menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB) mulai 8 April 2019, MAB telah merombak pemberian bagasi percuma untuk semua penerbangan domestik. Melalui kaedah yang baru, penumpang yang membeli tiket bagi tambang kelas ekonomi terendah iaitu *Economy Light* tidak lagi menerima bagasi daftar masuk percuma. Walau bagaimanapun, penumpang bagi tambang kelas ekonomi *basic* dan ekonomi *flexi* masih menerima bagasi daftar masuk percuma sebanyak 20 kg dan 25 kg masing-masing.

Perubahan kaedah penetapan tambang daripada kaedah konvensional kepada kaedah yang lebih fleksibel mampu memberikan kepelbagaian pilihan dan kelebihan kepada para penumpang untuk hanya membayar apa yang mereka perlukan sahaja. Perubahan ini menurut MAB dilaksanakan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada para pengguna. Dalam hubungan ini, para penumpang yang tiada bagasi akan dapat menikmati harga tambang yang lebih murah berbanding penumpang yang mempunyai bagasi yang lebih tinggi.

Seperti mana MAB, *Malindo Air* turut mengguna pakai kaedah yang hampir sama yang mana caj bagasi ditentukan mengikut kategori tiket penerbangan yang dibeli dan berbeza mengikut jenis pesawat yang digunakan sama ada pesawat Boeing ataupun ATR. Strategi yang sama turut dilaksanakan oleh AirAsia di mana caj bagasi hanya akan dikenakan kepada para penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut.

Pada masa ini AirAsia mengenakan kadar caj bagasi mengikut destinasi dan bergantung kepada masa tempahan bagasi dibuat iaitu sama ada ia dimasukkan semasa tempahan tiket penerbangan dibuat atau ditambah kemudian iaitu selepas tiket penerbangan telah dibeli. Strategi ini secara tidak langsung membolehkan AirAsia untuk menawarkan tambang yang lebih murah kepada penumpang mereka yang tidak memerlukan perkhidmatan daftar masuk bagasi selaras dengan model perniagaan mereka yang menyediakan perkhidmatan penerbangan tambang murah.

Sekiranya para pengguna perkhidmatan penerbangan tidak berpuas hati dengan sebarang pengenaan caj, aduan perhubungan penggunaan caj tersebut boleh dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) untuk diambil tindakan dan diselesaikan selaras dengan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016, *Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016* (MACPC), dengan izin.

Sekarang izinkan pula saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai iaitu berkenaan isu *Passenger Service Charges* (PSC), dengan izin bagi pengangkutan udara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, mulai 1 Mei 2018 Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah melaksanakan Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan, *Regulatory Services Charge* (RSC), dengan izin, sebanyak RM1 yang dikenakan terhadap setiap penumpang yang berlepas dari mana-mana lapangan terbang komersial di Malaysia. Jumlah kutipan RSC bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM24,768,760.

RSC dilaksanakan bertujuan untuk membiayai kos operasi serta perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM kepada para penumpang yang meliputi pengurusan dan pengendalian aduan serta pelbagai inisiatif untuk menjaga kepentingan pengguna yang dilaksanakan dari masa ke semasa. RSC yang dikenakan oleh MAVCOM adalah berbeza dengan Caj Perkhidmatan Penumpang, *Passenger Services Charges* (PSC), dengan izin, yang dikenakan oleh pengendali lapangan terbang seperti Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) dan Senai Airport Terminal Services Sdn. Berhad.

PSC adalah caj *aeronautical* yang dikenakan ke atas penumpang yang berlepas bagi laluan domestik dan antarabangsa dari semua lapangan terbang dalam negara kecuali 18 lapangan terbang yang dipanggil *Short Take-off and Landing Ports* (STOLports). PSC dikutip oleh syarikat penerbangan semasa pembelian tiket dan dibayar kepada pengendali lapangan terbang sebagai caj terhadap para penumpang yang mengguna pakai *facility* di lapangan terbang. Kutipan PSC bagi tahun 2018 oleh MAHB adalah sebanyak RM1,073,820,420.

■2020

Manakala Lapangan Terbang Senai pula adalah sebanyak RM33.3 juta. PAC adalah merupakan hasil pendapatan operator lapangan terbang dan ia digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan di semua lapangan terbang negara termasuk 18 STOLports yang mana tiada kutipan PAC dikenakan.

Izinkan saya pula menjawab daripada Yang Berhormat Senator...

Datuk Paul Igai: Penjelasan sedikit.

Dato' Kamarudin Jaffar: Ya.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Apakah cabaran dalam pengutipan PAC daripada operator perkhidmatan udara dan *company*- ada cabarankah? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir Yang Berhormat ada maksud untuk bertanya soalan tersebut. Akan tetapi oleh kerana kes yang melibatkan MAHB dengan AirAsia dalam mahkamah, maka tidak wajarlah untuk kita sentuhnya untuk menjawab soalan oleh Yang Berhormat Senator itu. Akan tetapi kalau soalan ini ada kes, ada keslah. Yang Berhormat pun faham maksudnya itu.

Jadi, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim yang berkaitan dengan adakah kementerian Pengangkutan akan memastikan bas-bas Iskandar Malaysia iaitu BRT nanti hanya menggunakan tenaga elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan tidak menetapkan berkenaan dengan jumlah bas elektrik yang perlu digunakan bagi cadangan Iskandar Malaysia Bas Rapid Transit (IMBRT) ataupun mana-mana operasi bas. Namun begitu, Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia 2017/2030 di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim atau MESTECC telah menyasarkan sebanyak 2,000 bas elektrik digunakan menjelang tahun 2030 di atas jalan raya dengan menekankan penyertaan serta penglibatan awam dan swasta.

Sehubungan itu, kementerian ini akan sentiasa menyokong serta bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dalam merealisasikan usaha ini sejajar dengan hala tuju Iskandar Malaysia ke arah *low carbon society* dengan izin dan supaya IMBRT boleh menjadi penanda aras kepada pelaksanaan BRT di rantau ini keseluruhannya.

Soalan seterusnya ialah berkenaan isu lesen *Public Service Vehicle* atau PSV yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Beliau bertanyakan sama ada kerajaan boleh melonggarkan sedikit prosedur pengambilan lesen ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, prosedur latihan dan ujian yang dilaksanakan oleh JPJ bagi permohonan lesen vokasional telah ditambah baik selaras dengan keputusan kerajaan membenarkan perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia. Bermula 1 April 2019, permohonan lesen vokasional PSV untuk teksi dan *e-hailing* hanya perlu menghadiri kursus teori selama enam jam di pusat latihan memandu dan menduduki ujian teori sebanyak 60 soalan.

Jika dibandingkan sebelum ini modul latihan bagi mendapatkan lesen vokasional PSV teksi dan *e-hailing*, calon perlu mengikuti kursus teori selama sembilan jam dan kursus amali praktikal selama lima jam. Seterusnya calon juga perlu menduduki ujian teori dan amali sebelum layak diberikan lesen PSV.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip berkenaan dengan penjenamaan semula AES kepada AWAS. Yang Berhormat Senator bertanyakan tentang kenapakah AES tidak dimansuhkan tetapi dijenamakan semula menjadi AWAS. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk memansuhkan AES atau nama baharunya AWAS kerana penguatkuasaan AES adalah penting bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Analisis oleh pihak MIROS di dalam Kementerian Pengangkutan menggunakan data kemalangan daripada PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang menunjukkan terdapat

pengurangan 25 peratus kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuh raya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain daripada itu, kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95 peratus berbanding sebelumnya hanya 63 peratus.

Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang dipasang kamera AWAS pula kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat daripada 96 peratus kepada 98 peratus. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah dan yang patuh kepada peraturan lalu lintas. Sistem AES yang telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System (AWAS)*, dengan izin, gabungan penguatkuasaan AES dengan penguatkuasaan sistem mata demerit bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya. Kerajaan amat memandang serius isu keselamatan jalan raya dan dalam hal ini pelbagai program serta inisiatif akan terus dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator ada bertanyakan tentang kenapakah APAD ditubuhkan sedangkan SPAD pula dimansuhkan. Bagi menjawab soalan ini, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang Mulia ini bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dibubarkan dan fungsinya diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan. Kerajaan telah mengambil keputusan ini antara lain bertujuan untuk menambah baik aspek pengurusan dan perbelanjaan kewangan kerajaan.

Selain daripada bagi memastikan keberkesanan dan keseragaman aspek perancangan dasar dan pembangunan pengangkutan awam darat di seluruh negara. Kerajaan mendapati bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh SPAD boleh dilaksanakan oleh satu jabatan kerajaan sahaja tanpa perlu diperbadankan. Apabila satu agensi itu diperbadankan seperti SPAD, didapati kos pengoperasiannya lebih tinggi berbanding jabatan kerajaan yang mempunyai saiz perjawatan yang sama terutamanya melibatkan perbelanjaan emolumen atau gaji pegawai dalam badan berkanun berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, APAD merupakan jabatan kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan dan bukan badan berkanun yang baharu. Selain itu, pemusatan semua agensi-agensi yang terlibat dalam aspek perancangan, pembangunan dan penguatkuasaan berkaitan pengangkutan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan didapati akan dapat menambah baik aspek keberkesanan *inclusivity* dan koordinasi pembangunan dan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang dirancang. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melaksanakan fungsi seperti yang disenaraikan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715) yang sebelum ini dilaksanakan oleh SPAD dan

melaksanakan fungsi sebagai *economic regulators*, dengan izin, ke atas sektor pengangkutan awam darat merangkumi mode, jalan dan *rail*.

Seterusnya saya akan menjawab soalan berkenaan dengan pemandu OKU yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Berkenaan dengan pernyataan bahawa pelekat rasmi kenderaan golongan OKU tidak mencukupi di kaunter JPJ. Suka saya tegaskan kepada Dewan yang Mulia ini bahawa sehingga hari ini, pelekat tersebut adalah mencukupi dan tidak mengganggu urusan niaga permohonan di kaunter-kaunter negeri dan cawangan JPJ.

Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan dan pengagihan pelekat kenderaan OKU ini adalah berdasarkan prosedur dan syarat yang ditetapkan oleh kerajaan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) kenderaan dimiliki dan didaftarkan atas nama OKU yang memiliki kad OKU cacat fizikal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan nombor rujukan bermula dengan PH atau CA bagi kad lama yang dikeluarkan oleh JKM Negeri Sarawak;
- (ii) kenderaan yang telah dimodifikasi dan didaftarkan di bawah kod kegunaan 1A, kod kenderaan orang cacat berdasarkan pangkalan data JPJ; dan
- (iii) OKU yang memohon pelekat berkenaan adalah memiliki lesen memandu dan memandu kenderaan.

Berkenaan dengan siapa yang berkelayakan untuk meletakkan kenderaan di dalam kawasan meletak kenderaan OKU di mana kategori atau tahap OKU perlu diperjelaskan oleh JPJ. Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator bahawa isyarat lalu lintas berhubung papan tanda tempat meletak kereta bagi pemandu OKU telah diluluskan dan diwartakan pada 12 Julai 2017 melalui Kaedah-kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) (Pindaan) 2017.

■2030

Berdasarkan pindaan tersebut, hanya pemandu OKU yang memandu sesuatu kenderaan pada masa itu sahaja yang dibenarkan untuk menggunakan kemudahan tempat letak kereta OKU yang disediakan. Mana-mana OKU yang hanya menaiki suatu kenderaan dan bukan bertindak sebagai pemandu kenderaan tersebut adalah tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan di parkir OKU yang berkenaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Al-Fadil Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa yang bertanyakan tentang kenapakah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra masih belum dinaik taraf menjadi lapangan terbang antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) adalah lapangan terbang domestik dan berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan terbang antarabangsa.

Walaupun begitu, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra walaupun tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh. Dalam sejarah dan rekod kita, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pernah mengendalikan penerbangan-penerbangan antarabangsa iaitu oleh syarikat Malindo ke Surathani di Thailand, oleh syarikat AirAsia ke Singapura dan pada bulan Julai ini, satu lagi syarikat penerbangan daripada Singapura, Scoot Air akan memulakan penerbangan daripada Kota Bharu ke Singapura.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang mampu kita berikan. Jika ada kekurangan ataupun apa-apa peninggalan, saya memohon supaya kita dimaklumkan supaya kita dapat memberikan jawapan-jawapan secara bertulis. Saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan Kementerian Pengangkutan dan saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan dalam perbahasan-perbahasan tempoh hari. Terima kasih. *Wassamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah menjawab, memperkatakan perkara tadi berkaitan dengan kementerianya dengan panjang lebar dan tepat. Nampak gayanya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dan menerima ya.

Ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat bersama saya hingga malam ini iaitu sudah pukul 8.33 malam masih bersama saya. Syabas dan tahniah.. *[Tepuk]* Ya, ini dia.

Hari ini sebelah sini ada 16 orang ahlinya, sini ada empat orang. Jumlah yang sama kita hari ini 20 orang Ahli-ahli Dewan Negara. Empat srikandi. Empat orang srikandi. Wirawati empat orang. Tahniah... *[Tepuk]*

Saya mendengar hujah-hujah daripada menteri-menteri, pak menteri tadi daripada pagi tadi, daripada kita membincangkan hal berkenaan wanita, keluarga dan masyarakat sampai ke malam ini. Malam ini pengangkutan. Saya terfikir kenapa mereka ini boleh jawab. Sebab ilmu itu ada. Mereka ada ilmu. Dan saya belajar banyak hari ini. Terasa saya kurang

ilmu. Banyak lagi yang saya hendak tahu. Ilmu itu mustahak. Ilmu itu mustahak. Sebab Yang Berhormat dengar dengan teliti, sebab mereka yang bercakap itu ada ilmu. Bak kata pujangga tadi.

*Bukan gula sebarang gula,
Buah betik biji saga,
Ilmu itu umpama gemala,
Daripada intan lebih berharga... [Tepuk]*

Sangat berharga ilmu itu dan saya ucapkan tahniah, saya ucapkan *well done*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 30 April 2019.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam]